



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

(Halaman 18)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

(Halaman 18)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. " Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO
11. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) - MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) - UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) - UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA

24. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. " Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) - UMNO
27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) - UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) - UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) - UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO

7. Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) – UMNO
39. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. " Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO

-
44. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO

81. Yang Berhormat Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Yang Berhormat Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB

116. Yang Berhormat Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
118. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. " Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. " Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 5 Oktober 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah syarikat orang tempatan Bakun dan Belaga yang terlibat dalam projek Hidro Bakun. Apakah galakan dan bantuan yang telah diberi oleh pihak kerajaan dan juga Consortium (Malaysia China Hydro) kepada syarikat-syarikat dan orang-orang tempatan yang ingin mendapat kontrak di projek tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 74 subkontrak telah diberikan kepada 12 syarikat tempatan dari kawasan Bakun, Sungai Asap dan Belaga dengan nilai keseluruhan subkontrak berjumlah RM44.2 juta. Bagi memanfaatkan lebih banyak syarikat tempatan, kontrak telah dipecahkan kepada saiz yang lebih kecil dan berpatutan dan bersesuaian dengan kebolehan mereka. Selain daripada itu, salah satu daripada tujuh syarikat usaha sama Consortium (Malaysia China Hydro) ataupun MCH JB iaitu Edward & Sons Sdn. Bhd. juga diterajui oleh anak tempatan Bakun.

Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa penyertaan tempatan yang dipengerusikan oleh Sarawak Hidro Sdn. Bhd dengan ahli yang terdiri daripada kontraktor utama projek Bakun serta kontraktor tempatan dari kawasan Bakun dan Belaga ditubuhkan dengan objektif utama untuk meningkatkan penyertaan tempatan. Selain daripada itu, Malaysia China Hydro JB (MCHJB) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan telah mengadakan program latihan di Kuching untuk belia-belia di kawasan Bakun, Sungai Asap dan Belaga untuk mempelajari dan mendalami kerja-kerja pembinaan. Setakat ini, seramai 99 orang telah menghadiri latihan tersebut dan seramai 30 orang lagi akan mengahdirinya pada bulan Oktober 2005, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Billy Abit Joo: Terima kasih atas jawapan tadi. Kita percaya kerajaan dan pihak Sarawak Hidro sedar betapa sensitif projek ini khasnya di mata dunia dan akan berusaha untuk menentukan orang tempatan yang telah ditempatkan juga mendapat peluang yang ada dengan wujudnya Hidro Bakun. Dari jawapan tadi, jelas ramai juga syarikat tempatan yang terlibat. Tetapi saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya meneliti pihak kontraktor-kontraktor ini. Saya difahamkan hanya segelintir sahaja pihak orang tempatan yang betul-betul terlibat. Saya difahamkan juga pihak MCH telah mengutamakan pekerja-pekerja mereka sendiri yang dibawa dari negeri China. Jika dapat peluang lebih diberi kepada orang-orang tempatan mahupun orang Sarawak. Soalan tambahan saya adalah, bilakah *clearing* ini atau pemetongan kayu di kawasan tadahan dan *biomass removal* akan dimulakan? Bolehkah kerajaan menentukan pihak orang tempatan akan diberi keutamaan dalam mendapat kontrak atau kerja itu nanti?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini projek Hidro Bakun ini dalam peringkat awal, dalam peringkat pembinaan. Ia ada beberapa pakej yang telah pun siap. Dua pakej telah pun siap dan lain-lain, *the main*, Tuan Yang di-Pertua, empangan utama masih dalam pembinaan. Kerja-kerja awalan ini adalah begitu teknikal.

Jadi ia memang diberi kepada syarikat-syarikat yang memang ada kemampuan. Contohnya macam terowong pelencongan. Ini tentulah kita bagi kepada syarikat yang ada pengalaman.

Kerja pembinaan empangan kekotak ataupun *cofferdam*, ia juga diberi kepada syarikat yang ada pengalaman dan sekarang kerja-kerja pembinaan empangan utama dijalankan dan dijangka siap pada Julai tahun 2009. Selain daripada itu, pengurusan alam sekitar yang ditanya tadi akan bermula tidak lama lagi dan selepas itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila kerja-kerja hampir siap, barulah ada peluang-peluang untuk syarikat-syarikat tempatan, kerja-kerja seperti *landscaping*, perparitan dan sebagainya. Pagar dan sebagainya itu, kerja-kerja yang tidak perlukan banyak teknikal, maka pada masa itu barulah ada peluang-peluang yang banyak kepada anak-anak tempatan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlibat dalam industri pembinaan dan saya banyak berjumpa dengan kontraktor-kontraktor kelas F, kelas bawahan ini, C, D dan sebagainya. Rata-rata mereka ini mempunyai rungutan yang penting iaitu apabila projek siap, mereka tidak dibayar pembayaran yang akhir iaitu *the retention sum* 5% yang dianggap sebagai keuntungan kepada kelas F dan subkontraktor ini. Jadi, apakah jaminan daripada kementerian supaya kelas F, kelas C, kelas D syarikat-syarikat tempatan ini tidak teraniaya oleh syarikat besar bila dia sudah habis kerja nanti, serah projek, dia balik ke negeri dia sendiri, bawa duit kita semua, tetapi kelas F, kelas C, kelas D yang buat semua kerja tidak dibayar akhirnya, jadi bankrap. Kerja buat untuk orang lain, pendapatan tidak ada, macam mana?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini memang saya tahulah bahawa memang berlaku begini, subkontraktor tidak dibayar. Itu yang berlaku sebelum ini. Tetapi sekarang ini kerajaan dan pihak Kementerian Kewangan memang sudah ada satu cara untuk memastikan subkontraktor mendapat bayaran iaitu syarikat-syarikat subkontraktor ini mendaftar dengan kementerian, maka boleh dibayar terus kepada mereka bayaran-bayaran ini. Jadi, pada masa akan datang, tidak timbul lagi masalah subkontraktor tidak dapat bayaran, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi tahu keadaan semasa, terkini mengenai masalah-masalah dihadapi oleh projek Bakun, kenapa lagi menghadapi *postponement* khasnya apa sebabnya mengenai kos, mengenai *delay* dan mengenai penyelesaian orang-orang tempatan yang terlibat sama ada mereka yang perlu di *relocated* atau untuk dapat kontrak-kontrak dan adakah ganti rugi kepada Ting Pek King atau syarikat-syarikat beliau sudah selesai dan apa angka yang terakhir atau adakah semua dibayar dan kalau tidak apa keadaan dan kenapa isu ini, projek ini ditarik dua puluh tahun lambatnya, dengan izin, *no light of the end of the tunnel* mengenai projek Bakun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang saya ingat banyak soalan dalam satu soalan yang banyak sub-sub soalan. Detailnya ada pada saya ini, kalau saya nak baca boleh, panjang cerita dia.

Seorang Ahli: Cuba-cuba.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Cuba, ok. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut tadi bahawa kemajuan memang baik keadaannya. Sekarang ini matlamat kita ialah untuk mengeluarkan penajaan elektrik akan bermula pada tahun 2009, setakat ini. Ini tarikh barulah. Jadi, sekarang ini kemajuan saya sebutkan tadi, terowong pelencongan dah siap, kerja-kerja copper dam dah siap, sekarang kerja pembinaan bahagian utama atau main dam dijangka siap Julai 2009. Kontrak ditawarkan pada 2002 dan dijangka siap pada 2009.

Kemudian pakej elektro mekanikal, pakej yang baru, pakej yang berasingan dan ini juga dijangka siap lebih kurang pada tarikh yang sama, maka maknanya tidak akan terjejas matlamat kita untuk hendak menjana elektrik pada 2009, termasuk juga projek talian penghantaran.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua cadangan sekarang ialah bahawa Bakun ini membekalkan elektrik kepada Sarawak sahaja kerana kalau nak pergi ke Sabah ia terlalu jauh dan banyak loses bila bawa *transmission* yang begitu jauh.

Tuan Lim Kit Siang: Tak sampai Semenanjung lah, *no more* Semenanjung?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Semenanjung tak ada lagi la, terlampau jauh sangat, hilang elektrik di bawah laut tu.

Tuan Lim Kit Siang: Kita sudah cakap dulu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, ya, betul, itu kita terimalah. Pampasan telah dikeluarkan, kalau mengikut rekod ini pampasan telah dikeluarkan, pampasan kepada Bakun Hidro-Elektrik Corporation yang dulu RM950 juta telah pun selesai selepas diambil alih kerajaan pada tahun 1999. Pampasan untuk penempatan semula penduduk pun telah selesai RM494 juta dan lain-lain. Total kos semuanya RM6.3 bilion dengan kapasiti penjanaan 2,400 mega watt. Jadi saya yakin bila siap ini, maka selesai masalah bekalan elektrik di Sarawak.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan pada soalan saya, perkataan 'SJK' itu sebenarnya, sepatutnya 'SK'. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2.

2. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]: meminta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah kekurangan guru-guru Bahasa Cina apabila mata pelajaran Bahasa Cina diperkenalkan sepenuhnya di SJK nanti.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelaksanaan mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan masih di peringkat perbincangan. Beberapa perkara perlu dihalui terlebih dahulu seperti tempoh pelaksanaan, kandungan kurikulum, jumlah waktu pengajaran, keperluan guru dan sebagainya sebelum kedua-dua mata pelajaran dilaksanakan. Menyedari akan masalah kekurangan guru dalam subjek tersebut, kementerian telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi perkara tersebut. Antaranya:

- (i) menawarkan kursus pengajian bahasa Cina di peringkat ijazah melalui program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah atau KPLI, Program Jarak Jauh atau PJJ, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan atau PISMP. Kursus Perguruan Lulusan Ijazah, MOD Latihan Perguruan berasaskan sekolah dan program khas pengijazahan guru;
- (ii) menawarkan program peringkat diploma seperti Kursus Dalam cuti atau KDC dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia atau KDPM. Pengambilan terakhir akan tamat pada tahun 2006;
- (iii) melantik guru bahasa Cina dan Tamil yang telah bersara untuk menjawab jawatan secara kontrak; dan
- (iv) menjalankan kursus *conversion* bagi guru-guru yang sedia ada dalam sistem yang mempunyai minat serta pergerakan mengajar bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian sedar bahawa kita mempunyai sumber insan yang mencukupi dalam negara ini. Baru-baru ini saya dengar ada cadangan untuk mengambil guru dari negeri luar termasuk negeri Cina dan sebenarnya kekurangan guru bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, jika kita mengesan sebab-sebabnya, salah satu sebabnya ialah oleh kerana sekatan birokrasi di peringkat Jabatan

Pelajaran Negeri. Kita sudah dengar, saya difahamkan mulai 1 Oktober tahun ini, pengambilan guru sementara di SJK Cina dahulunya dibenarkan PIBG mengambil guru sementara dan kalangan guru yang bersara, iaitu guru yang berkecukupan, terlatih untuk tugas sebagai guru bahasa di sekolah Cina atas lantikan sementara, tetapi sekarang Jabatan Pelajaran Negeri telah menghalang mereka mengambil guru sementara tanpa mengambil alih kuasa untuk melantik guru sementara bahasa Cina mulai 1 Oktober 2005. Jadi kalau kita boleh sebenarnya tiadakan sekatan birokrasi ini untuk memudahkan pengambilan guru bahasa di sekolah Cina. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menghulurkan soalan tambahan tadi. Saya tidak ada nampak sekatan tadi, kalau ada jawatan, kalau ada kekosongan. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya akan buat siasatan. Kalau ada jawatan kosong atau ada orang yang berminat untuk mengajar dan juga memang telah ada diperuntukkan, saya tidak nampak ada sekatan untuk melantik seseorang guru secara kontrak atau secara GSTT, Guru Sandaran Tanpa Terlatih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, saya rasa salah satu langkah kita ingin memperkasakan sekolah kebangsaan ialah mengadakan lebih lagi bahasa ibunda di sekolah-sekolah tersebut. Tetapi saya rasa keterangan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi, langkah-langkah yang telah di ambil, kalau kita dapat lakukan semua itu, mungkin masih tidak dapat mengatasi masalah kekurangan guru dan saya kalau tidak silap, saya pernah dengar Dato' Menteri sendiri telah mengumumkan bahawa kemungkinan kena timbang untuk mengambil guru-guru dari negeri Cina. Adakah hasrat ini akan ditimbang atau diteruskan dan apakah perkembangan terkini.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa kita akan cuba untuk menggunakan tenaga dalam atau tempatan. Untuk mencari sumber guru dari luar kita akan menganggap ini salah satu opsi, salah satu pilihan, kalau tidak dapat bilangan guru yang secukup di dalam negara kita, mungkin kita akan fikir bagaimana untuk membawa guru dari luar. Jadi, ini merupakan pilihan akhirnya. Terima kasih.

3. **Tuan Haji Ismail bin Abd Mutalib [Maran]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sehingga Ogos 2005, berapakah jumlah pekerja-pekerja asing dari Pakistan dan Bangladesh yang telah diambil bekerja di negara ini dan apakah masalah-masalah yang dihadapi dengan kehadiran mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua sehingga Ogos, 2005 pekerja-pekerja asing dari Bangladesh yang telah diambil bekerja di negara ini adalah seramai 51,720 orang. Manakala jumlah pekerja asing dari Pakistan pula adalah seramai 5,772 orang. Setakat ini kehadiran pekerja-pekerja asing dari kedua-dua negara tersebut tidak menimbulkan masalah kepada rakyat tempatan. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Abd Mutalib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Biasanya dengan mengambil pekerja asing ini kita dapat mengatasi masalah pekerja di negara kita. Tetapi dalam masa yang sama, sering berlaku, ia juga mengundang masalah lain, masalah-masalah jenayah dan biasanya masalah ini ditimbulkan oleh pendatang tanpa izin, tidak kira dari negara mana. Saya ingin tahu berapakah jumlah lagi pendatang tanpa izin yang terdiri daripada rakyat daripada dua negara ini. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, ikut laporan pihak polis, perangkaan yang saya dapat iaitu dari bulan Januari hingga Ogos 2005, di mana pekerja asing yang terlibat dalam kes-kes jenayah adalah seperti yang dikatakan, iaitu jenayah harta benda, jumlah jenayah indeks adalah 2.3 peratus, jumlah jenayah keganasan adalah 7 peratus. Saya tidak mempunyai perangkaan, mengenai pekerja asing dari Bangladesh dan Pakistan, yang terlibat dalam aktiviti jenayah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, kita telah mendapat maklumat daripada Timbalan Menteri sebentar tadi, Bangladesh 51 ribu, Pakistan 5 ribu lebih. Sejauh manakah perbezaan dari segi pengaruh sosial di antara pekerja-pekerja dari Pakistan, Bangladesh ini, kalau hendak banding dengan pekerja-pekerja dari Indonesia. Sebagai contohnya, pekerja dari Bangladesh dan Pakistan ini, yang lelaki itu orang yang agak kacak, cantik dan pandai bercakap, sudah tentulah boleh mempengaruhi gadis-gadis yang bekerja di Malaysia ini terutama sekali Lembah Klang. Kalau hendak banding dengan Indonesia, rupa pun tidak berapa cantik dan latar belakang dia pun[Disorak]

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan. [Disampuk] Saya tidak kata tidak cantik, rupa tidak berapa cantik. Tidak kata tidak cantik. Tetapi kalau hendak bandingkan dengan Pakistan, [Disampuk] Ini bandingan sahaja. Banding dengan Pakistan, banding dengan Bangladesh. Sudahlah rupa cantik, pandai bercakap lagi, tentulah dari segi perempuan-perempuannya melihat beliau lebih kacak, tentulah ada kelebihan. Boleh beza sedikit antaranya.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pekerja asing dari Bangladesh dan Pakistan adalah dari segi kemahiran lebih kurang sama, mereka bekerja kuat. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa pekerja asing Bangladesh lebih *handsome*, suka *tackle* perempuan tempatan, jadi oleh kerana ini pada suatu ketika di mana pekerja asing, Bangladesh telah menimbulkan masalah sosial. Oleh itu, kita sekarang telah membekukan kemasukan pekerja asing dari Bangladesh. Ini adalah satu alasan di mana kita kena kaji semula dan bagaimana kita boleh buka lagi untuk orang Bangladesh.

Tuan Nasarudin bin Hashim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah satu masalah yang timbul daripada pengambilan pekerja asing ini, seperti yang disebutkan tadi ialah kerana mereka tidak memahami sosial budaya dan juga cara hidup di Malaysia. Jadi, pada satu ketika pihak kerajaan telah menetapkan sebelum bekerja asing ini di bawa ke mari, mereka ini perlu diberi latihan, pendedahan tentang perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh semasa mereka berada di Malaysia termasuk soal-soal dalam urusan tempat mereka bekerja. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pekerja seramai 5,721 dari Pakistan ini telah diberi latihan awal sebelum mereka datang ke Malaysia ini. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing sebelum masuk ke negara kita untuk bekerja, mereka wajib diberikan latihan awal di negara asal, jadi mereka lebih faham sosial, kebudayaan dan lain-lain di negara kita. Kita tidak mahu ada masalah berlaku apabila pekerja asing masuk ke negara kita tidak faham sosial kebudayaan. Jadi, mereka wajib diberikan latihan sebelum mereka masuk ke negara kita.

4. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah dan berapakah jumlahnya bantuan tahunan yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh kementerian-kementerian persekutuan dan negeri untuk memastikan perkhidmatan dan pembangunan yang secukupnya dilaksanakan bagi menaik taraf hidup rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa mengambil berat tentang perjalanan sesuatu PBT. Kementerian banyak memberi bantuan kepada PBT untuk memastikan perkhidmatan dan pembangunan yang secukupnya dilaksanakan bagi menaik taraf hidup rakyat. Melalui JKT iaitu Jabatan Kerajaan Tempatan banyak peruntukan yang telah disalurkan untuk tujuan tersebut dan dalam RMK8, sebanyak RM2.46 bilion peruntukan pembangunan yang diberi seperti pecahan yang berikut:

- (i) untuk bantuan projek-projek kecil bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur dan sosial ekonomi RM1.23 bilion;
- (ii) peruntukan untuk program kebersihan sebanyak RM23 milion;

- (iii) peruntukan untuk sisa pepejal RM966 milion;
- (iv) peruntukan pembangunan penempatan tradisional dan tersusun iaitu kampung-kampung tradisi RM118 milion;
- (v) peruntukan pembangunan pemulihan bangunan warisan RM10 milion;
- (vi) peruntukan untuk kampung-kampung baru RM107 milion; dan
- (vii) peruntukan untuk program *Local Agenda 21*, RM1.8 milion.

Tuan Chong Hon Min: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adalah dilaporkan bahawa sesetengah PBT seperti Majlis Perbandaran Sandakan mengalami kedudukan kewangan defisit. Ini akan menjejaskan mutu perkhidmatan kepada rakyat jelata.

Soalan saya bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi penerangan mengapa keadaan ini berlaku. Yang kedua sejauh manakah komen yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa PBT dijalankan secara kongsi gelap itu benar.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bersorak]*

Tuan Chong Hon Min: Pada pengalaman saya dengan Majlis Perbandaran Sandakan memang ada asasnyanya ini tidak *transparent* kerana saya dijemput menghadiri mesyuarat dalam bulan Mac 2004 tetapi selepas itu langsung tiada lagi termasuk majlis-majlis yang biasanya Ahli Parlimen dijemput menghadiri. Minta penjelasan dari Setiausaha Parlimen. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua soalan yang asing di dalam soalan itu. Satu soalan itu mengenai kedudukan kewangan PBT.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam RMK 8 untuk negeri Sabah, kementerian telah memperuntukkan sejumlah lebih kurang RM10 juta pada tiap-tiap tahun iaitu lebih kurang RM50 juta dan ada kadangkala lebih pada tiap-tiap tahun di atas permohonan untuk diagihkan kepada PBT-PBT di negeri Sabah. Bilangan ini memang tidak mencukupi untuk memastikan sesuatu PBT akan cukup untuk segala projek yang dibiayai PBT itu. PBT kebanyakan kena gunakan kebijaksanaan mereka untuk menambah pendapatan mereka. Ada PBT untuk 10 tahun atau 20 tahun tidak kaji semula pungutan cukai pintu atau *assessment*. Oleh itu, itu satu daripada sebab mengapa mereka tidak boleh menambahkan pendapatan mereka dan ada PBT yang tidak cari jalan yang lain untuk menambahkan pendapatan. Ini terpulang kepada pelaksanaan PBT secara mana mereka boleh mencari cara-cara yang baru supaya pendapatan PBT itu akan bertambah.

Untuk soalan yang kedua berkenaan kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri itu adalah pandangan beliau sendiri yang telah dikeluarkan atas satu platform politik dan pada pihak kementerian, saya menolak itu sebagai satu benda yang tidak benar dan tidak adil. PBT adalah satu pihak kerajaan berperingkat tiga (*third level of government*) yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan mempunyai satu Akta yang mengawal segala pengurusanannya dan PBT mempunyai Ahli-ahli Majlis yang dilantik daripada pemimpin-pemimpin masyarakat dan kadang-kadang oleh pegawai-pegawai kerajaan yang tertentu dan mereka diberi kuasa di bawah Akta untuk menjamin secara mana PBT itu diuruskan.

Oleh itu soalan bahawa tiada ada transparensi langsung di dalam PBT tidak wujud. Terpulanglah kepada kita sebagai pemimpin termasuk Ahli-ahli Parlimen-macam mana kita boleh nasihat dan minta kerjasama daripada Ahli-ahli Majlis kita yang ada di dalam Majlis supaya mereka boleh lebih bertanggungjawab dan untuk memastikan Majlis-majlis PBT ini dijalankan secara mana yang dikehendaki orang rakyat. Di dalam *Local Agenda* dan lain-lain program memang kerajaan telah terpengaruh kepada konsep bahawa penglibatan rakyat dalam segala keputusan yang dibuat oleh PBT diambil kira. Oleh itu soalan bahawa semua PBT ini atau separuh PBT diuruskan secara kongsi gelap itu memang tidak benar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cameron Highlands.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh duduk. Sebelum itu bolehkah satu dua isu, satu isu di mana kerajaan ada dua pendirian.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, apa *you* hendak cakap pulak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Peraturan Mesyuarat. Merapu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini *floor* saya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta Dewan mengadakan satu *ruling* dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua ... Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: ... dua orang mewakili kerajaan satu di dalam dan satu di luar, buat pendirian berbeza, bolehkah? Apa ini?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya pun juga hendak tanya soalan ini juga. Apa ni?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kecewa dengan perangai Ketua Pembangkang.

Seorang Ahli Parlimen: Kongsi gelap, kongsi gelap.

Tuan Lim Kit Siang: Pembela kongsi gelap kah? Hah? Pembela kongsi gelap.

Seorang Ahli Parlimen: Dia memang sudah gelap.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baik, terlebih dahulu saya mengucapkan selamat berpuasa kepada rakan-rakan seperjuangan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan amat riuh]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Mengucapkan ini satu budi tahu? Budi bahasa. Okay, soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Baik, kita tahu bahawa adalah satu pengetahuan umum bahawa pentadbiran, pelaksanaan dan pemantauan di peringkat *local government* dengan izin begitu longgar sekali walaupun kita boleh menafikan bahawa apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri itu memang tidak betul dan sebagainya. Tetapi realitinya memang ada maka kita ingin tahu baru-baru ini lebih kurang beberapa bulan yang lalu saya telah pun menanya soalan kepada Menteri daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa satu penggubalan dasar sedang dirangka untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai di peringkat akar umbi di dalam Kerajaan Tempatan ini akan dipindah atau di *transferable* dengan izin.

Sejauh manakah dasar itu sudah pun dibawa ke tengah dan bilakah ia akan dibawa Kabinet dan adakah ini akan jadi satu realiti kerana Kerajaan Tempatan masih di bawah genggaman pentadbiran kerajaan Negeri. Minta penjelasan dan saya minta supaya pembangkang jangan *cow peh cow bu* *[menyebut perkataan dalam bahasa Cina]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, apa *ko pi cau hu*?

Tuan Yang di-Pertua: Baik sila.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu? *Point of order*. Ini bukan dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat. Apa itu? Bahasa apa pun tak tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin : Dia minta ...

Tuan Lim Kit Siang: Apa ya? Tidak setuju dengan Yang Berhormat Jerai. Apa bahasa itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kopi 'O' lah Kopi 'O' lah'.

Tuan Lim Kit Siang: Panggil dia tarik balik apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kopi 'O' hitam.

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa saya menolak apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tetapi saya memang menerima pandangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Cameron Highlands bahawa masih ada kelemahan di dalam pentadbiran PBT dan tiap-tiap peringkat kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan memang mempunyai tanggungjawab di dalam melicinkan dan menghaluskan lagi pentadbiran ini.

Di dalam peringkat pihak Kerajaan Persekutuan tanggungjawab kita terhad kepada mengeluarkan dasar, menggubal undang-undang dan seperti yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan kita, tidak boleh secara langsung campur tangan dengan pentadbiran kerajaan tempatan. Kuasa kerajaan tempatan ini terpulanglah kepada kerajaan negeri iaitu Menteri Besar dan Ketua Menteri, Ahli Jawatankuasa yang menjaga Kerajaan Tempatan di dalam Exco Negeri dan portfolio SUK iaitu Setiausaha Kerajaan Tempatan di bawah Kerajaan Negeri dan pada Majlis tersendiri iaitu Majlis Penuh dan Yang di-Pertua di Majlis. Mereka yang mempunyai kuasa langsung untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang melemahkan pentadbiran kerajaan PBT itu boleh diatasi.

Dari segi kementerian, kita menggubal dasar, memberi nasihat kepada PBT dan kerajaan tempatan melalui dua institusi iaitu satu yang dipanggil Majlis Negara Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana diwakili oleh wakil daripada semua negeri di mana dasar-dasar Kerajaan Persekutuan telah dikemukakan kepada mereka dan mereka diminta supaya melaksanakannya di peringkat kerajaan negeri.

Selain daripada itu, Jemaah Menteri pun kadang-kadang memberi nasihat kepada kerajaan negeri dan PBT supaya melalui jemaah menteri, mereka boleh mengatasi segala kelemahan yang ada di dalam kerajaan tempatan. Terima kasih.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bangun] [Menyampuk]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Duduklah, duduk. [Disampuk] Hei, *this is my floor*, duduk, duduk, duduk! Tuan Yang di-Pertua, macam mana ini? Tidak ada *manners*, duduklah! Kita pun boleh tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: DAP ini, Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: DAP ini dia memang hendak ambil kredit sahaja. Kita sudah buat kerja semua, dia hendak ambil kredit. Biar saya tanya.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Kerja kotorkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Lim Hock Seng: Kerja kotorlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Lu diam-diamlah. *[Disampuk]* Okey Tuan Yang di-Pertua, soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *I will be very very objective, simple* sahaja. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah disampaikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tadi tidak melambangkan keadaan yang sebenarnya.

Beberapa Ahli Pembangkang: Betul! Betul!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Okey. Yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dapat lihat program penswastaaan pengurusan sisa pepejal meletakkan satu harga yang tertentu melebihi daripada unjuran pendapatan sesebuah PBT. Bagaimanakah satu sistem pengurusan kewangan ataupun aliran tunai boleh kita perolehi dengan secara cekap dan berkesan apabila Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengarahkan PBT tersebut supaya melaksanakan pengurusan sisa pepejal tadi. Ini yang pertama.

Yang kedua, tentang PBT-PBT ini dianggap sebagai sebuah kongsi gelap. Saya nampak yang tanya tadi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, yang jawab pula Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri pun sudah datang, yang bercakap PBT sebagai sebuah kongsi gelap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tiga-tiga gelap. *[Ketawa]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya tidak kata itu. *[Ketawa]* Tetapi saya dengar tadi pihak pembangkang ada sebut, dia sebut kongsi gelap.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Apa yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri itu hak Timbalan Menteri, tetapi apa yang dapat saya lihat bukan sahaja di peringkat penyediaan perkhidmatan kepada khalayak ramai tetapi juga pengurusan sumber manusia di dalam sesebuah PBT itu menunjukkan seolah-olah mereka mempunyai sindiket-sindiket tertentu sehinggakan, Tuan Yang di-Pertua, di sebuah Majlis Perbandaran Batu Pahat, seorang Penolong Pegawai Tadbir boleh dipecat tanpa memberi sebarang notis. Ini saya minta pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan siasat secara terperinci bagaimana perkara ini boleh berlaku, kenapa tidak diberikan hak-hak untuk didengari kepada Penolong Pegawai Tadbir tersebut. Ini namanya pengurusan sumber manusia secara kongsi gelap. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Empat-empat gelap. *[Ketawa]*

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penswastaaan pengurusan sisa pepejal, ini adalah satu keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri pada masa Perdana Menteri yang lalu supaya secara kebangsaan, pengurusan sisa pepejal diswastakan. Dan pada mulanya pengurusan penswastaaan ini adalah secara interim sahaja untuk dua tahun yang dahulu tetapi masa itu sudah habis dan sekarang kita sudah lebih kurang tujuh tahun dan kita dapat tahu bahawa masih ada pelbagai masalah yang telah

dihadapi oleh PBT di dalam program ini serta oleh pihak swasta, *concessionaire* pun. Jemaah Menteri dan kerajaan sedang mengkaji balik penswastan ini dari semua segi dan mengambil kira segala kelemahan di dalam program itu termasuk pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Untuk menjawab soalan bahagian kedua iaitu berkenaan dengan perjawatan di dalam PBT, saya telah menjawab tadi bahawa ini adalah di bawah kuasa PBT sendiri dan dalam usaha kerajaan negeri. So sebenarnya soalan ini mesti dibentangkan atau dikemukakan di Dewan Undangan Negeri supaya dijawab oleh Menteri Besar dan pihak-pihak berkenaan di situ kerana mereka mempunyai kuasa secara langsung untuk mengatasi masalah ini. Bagi pihak Kerajaan Persekutuan, kita cuma boleh beri nasihat dan pandangan dengan harapan mereka akan mengambil nasihat ini dan membuat perubahan yang patut dibuat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, cukuplah.

[Soalan No. 5 – Yang Berhormat Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) tidak hadir]

Tuan Donald Peter Mojuntin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan saya, saya ingin membuat pembetulan kepada soalan saya di baris ke enam, ia harus berbunyi "lebih awal daripada yang perlu", bukan "lebih awal daripada yang lalu". Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

6. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan WTO telah bersetuju untuk membenarkan Malaysia hingga tahun 2020 sebelum membuka pasaran automobilnya, apakah justifikasi kementerian untuk membuka pasaran kenderaannya kepada "*foreign competition*" lebih awal daripada yang perlu dan dalam proses itu, telah menindas kedudukan industri automobil kebangsaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan bahawa Malaysia tidak tertakluk kepada komitmen di bawah WTO untuk pembukaan pasaran automatik kerana tiada sebarang jangka masa ditetapkan supaya pasaran automatik tempatan perlu dibuka. Walau bagaimanapun, di bawah Perjanjian AFTA Negara-negara ASEAN, kerajaan telah menangguhkan selama dua tahun, bermula tahun 2003, kemasukan sektor-sektor automatik di dalam Skim CEPT bagi kenderaan di dalam bentuk, dengan izin, *completely knock-down* (CKD) dan lengkap dipasang sepenuhnya (CBU).

Penangguhan ini adalah kesan kegawatan ekonomi sebagai langkah dalam memberi lebih masa persediaan bagi industri automatik tempatan lebih berdaya saing. Sektor automatik ini hanya dimasukkan ke dalam Skim CEPT AFTA mulai 1 Januari 2005. Terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Penampang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak Timbalan Menteri beri jaminan dalam perbincangan Jawatankuasa kementerian beliau, menteri sendiri jawab pasal banyak benda yang masih samar dan keliru. Agaknya Timbalan Menteri ini boleh tidak bagi jaminan, Tuan Yang di-Pertua, menteri sendiri menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini Timbalan Menteri menjawab. Ya, Yang Berhormat bagi Penampang, teruskan.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu penting oleh kerana kita tahu menteri tidak boleh datang. [Disampuk] [Tepuk] Kalau tidak boleh datang, semalam itu satu *show*...

Seorang Ahli: Saya pun sokonglah.

Tuan Lim Kit Siang: ...itu tidak guna. Bagaimana kita boleh memastikan menteri boleh datang atau tidak boleh datang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, jangan bagi saya...

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri *confirm* 100% dia tidak boleh datang?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat bagi Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, boleh saya tanya soalan? [Disampuk] Tidak payahlah, jawab soalan saya, cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat bagi Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada masa ini isu mempertahankan industri automatif negara amat diberi perhatian oleh rakyat Malaysia dan mereka ingin tahu bagaimanakah kerajaan akan menangani cabaran-cabaran sekarang dan cabaran-cabaran yang pasti akan datang kelak, apatah lagi dengan kewujudan AFTA.

Soalan tambahan saya, memandangkan duti import untuk negara ASEAN akan menurun kepada 0% dalam masa beberapa tahun ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan supaya kereta yang dikeluarkan daripada negara Thailand, khususnya, tidak membanjiri pasaran tempatan kita? Terima kasih.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya akan membawa pandangan ini kepada menteri, okey? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih.

Tuan Mah Siew Kong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang...

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu menteri sudah ambil cuti, akan pergi mana untuk sampaikan pandangan itu? Bolehkah beri jawapan?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, memadai jikalau jawapan itu dibuat oleh kementerian melalui Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen. Ini termaktub di dalam Peraturan Mesyuarat yang berkata, "bahawa Menteri, bermakna Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen".

Dato' Mah Siew Keong: So, cadangan Yang Berhormat bagi Sri Gading akan dibawa kepada Menteri, okey. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi kita telah pilih kemasukan sektor automatif di dalam skim CEPT atau AFTA selama dua tahun untuk memberi lebih masa kepada industri automatif tempatan.

Sebenarnya untuk AFTA, untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun ini, 99% - semua barangan telah dimasukkan ke dalam CEPT, AFTA. Untuk kenderaan, dalam komitmen AFTA ia berkuat kuasa pada 1 Januari 2005, kita telah menurunkan import duti CBU ke paras maksimum 20%. Dalam komitmen kita pada tahun 2008, kita hendak menurun ke paras 0 hingga 5%. Dan, dalam komitmen kita pada 2010 hendak dikurangkan kepada sifar peratus.

Sebenarnya negara kita masih di belakang dalam tarif *reduction* berbanding dengan negara ASEAN yang lain, yang kebanyakannya telah menurun kepada 5% atau sifar. Kita telah mendapat bantahan dari negara jiran seperti negara Thailand. Ini juga menimbulkan masalah, saya bagi satu contoh, PROTON Edar Indonesia, baru-baru ini telah mengimport 1,300 Proton ke Jakarta dan kita telah dikenakan duti import 20%. Walaupun Indonesia mengenakan duti import 5% kepada negara-negara ASEAN yang lain, ini adalah *principle reciprocity*.

Jika, kita kena import 20%, dia akan caj kita balik 20%. Ini bermakna kereta Proton kita tidak ada begitu *competitive* berbanding dengan negara ASEAN yang lain di Indonesia. Walau bagaimanapun, tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat bahawa kekhuatiran ke atas industri automatif nasional. Saya di sini hendak menyatakan walaupun import duti telah dikurangkan, tetapi import eksais duti telah ditingkatkan. Seperti contoh untuk kereta penumpang ASEAN, walaupun import duti tahun ini telah diturunkan dari 70% ke 20%, tetapi duti eksais telah meningkat dari 60% ke 90%. Duti eksais merupakan cukai dalam negeri dan tidak bercanggah dengan konsep AFTA.

Yang akhir, bahawa kerajaan dalam peringkat akhir mengubah Undang-undang Syarikat di Malaysia untuk melindungi industri kereta supaya tidak ada kemudahan. Kementerian juga memperketatkan, *rules of origin* terutama dengan negara-negara ASEAN supaya negara jiran tidak, dia *under declare import portion*, kereta tempatan mereka. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan pampasan yang dituntut oleh pihak jiran kita seperti Thailand. Apakah jumlah pampasannya? Kalau kita unjurkan kepada tahun 2010 kerana itulah pada tahun 2010 yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, cukai tarif akan dikurangkan kepada sifar. Ada lima tahun lagi. Berapakah pampasan yang akan kita bayar kepada pihak Thailand?

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lepas saya pun ada sebutkan di sini, pihak jiran kita seperti Thailand – Ford dan GM sudah masuk dengan banyak pelaburan untuk mengeluarkan kereta di situ, saya memberi amaran waktu itu bahawa ini akan berlaku. Proton kita tidak akan laku lagi kerana pihak jiran kita mengeluarkan kereta dengan lebih baik kualitinya, lebih murah dan sebagainya.

Saya hendak tahu, setakat ini apakah perbincangan di antara Malaysia dengan Thailand? Misalnya untuk menyelesaikan masalah pampasan ini, dan jenis pampasan yang akan diberi kepada pihak Thailand untuk menyelesaikan masalah kerana kita hendak melindungi kereta kita.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Tadi yang saya jelaskan sejak 1 Januari 2005, kita telah memasuki gred kenderaan dalam CEPT, oleh itu masalah pampasan tidak timbul kerana kita adalah dalam CEPT. Walau bagaimanapun, masalah tadi yang saya jelaskan bahawa oleh sebab kita menggunakan tarif 20%, semua negara ASEAN lain, ia juga caj kita 20%, yang itulah jika dari segi persaingan bila kita eksport kereta, so kita ada masalah, tetapi tidak ada pampasan kepada negara Thailand sebab ini adalah dalam *regulation* yang sedia ada.

7. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Kewangan menyatakan tahap penyelewengan pengeluaran caruman KWSP untuk tujuan pendidikan yang dilakukan oleh IPTS di negara ini. Apakah punca kejadian ini berlaku dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menanganinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk tujuan pendidikan bagi anak ahli telah diperkenalkan pada Januari 2000 dan untuk ahli pada Januari 2001. Tujuannya adalah untuk membantu ahli menjelaskan yuran pengajian institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Tahap pendidikan yang dibenarkan ialah diploma dan ke atas untuk ahli dan ijazah dan ke atas untuk anak ahli.

Sehingga Julai 2005, sebanyak 113,756 permohonan berjumlah RM512.7 juta telah diluluskan. Tahap penyelewengan yang dikesan adalah minimum berbanding dengan jumlah permohonan yang diluluskan dengan kes penyelewengan adalah 312 atau 0.27% daripada bilangan yang diluluskan yang melibatkan jumlah pengeluaran sebanyak 1.6 juta atau 0.31%.

Di antara punca penyelewengan yang telah dikenal pasti ialah ahli berkenaan telah mendapat kerjasama daripada IPTS yang terbabit untuk mengeluarkan semua dokumen yang diperlukan seperti surat pengesahan, pendaftaran dan kos pengajian. Selain itu terdapat juga sindiket yang bergerak cergas, bersubahat bersama ahli dengan mengemukakan dokumen yang diberi pengesahan palsu berhubung dengan pengajian ahli di IPTS. Bagi mengatasi masalah tersebut KWSP telah pun mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (i) mengetatkan prosedur yang sedia ada, di mana ahli diwajibkan menghadiri satu sesi temu duga secara bersemuka yang dijalankan oleh pegawai KWSP di kaunter semasa menghantar permohonan. Bagaimanapun permohonan yang melibatkan institusi pengajian tinggi awam tidak perlu menghadiri temu duga ini;
- (ii) membuat pengesahan semula dengan IPTS yang terbabit berkaitan kesahihan status pelajar dan dokumen yang digunakan serta mengadakan lawatan mengejut ke atas premis IPTS yang dikenal pasti dari masa ke semasa;
- (iii) menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bagi mendapatkan senarai IPTS yang telah mendapat kelulusan untuk mengendalikan kursus dan membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil secara bersama untuk membanteras penipuan yang dilakukan;
- (iv) kebanyakan permohonan adalah untuk pengajian jarak jauh di kolej atau universiti luar negara. Mulai 10 Mei 2005, pengeluaran bagi pengajian jarak jauh dibenarkan hanya bagi pengajian yang ada program usaha sama dengan IPTS tempatan sahaja;
- (v) menyenaraihitamkan IPTS yang terlibat dan permohonan baru daripada mereka tidak akan diterima; dan
- (vi) mengenakan tindakan undang-undang ke atas ahli yang berkenaan dan KWSP telah membuat laporan polis berhubung 312 kes penipuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah tersebut bukan untuk membebaskan ahli tetapi untuk memastikan simpanan persaraan tidak digunakan bagi tujuan lain. Ahli hendaklah sedar bahawa penipuan pengeluaran akan mengurangkan simpanan untuk persaraan mereka.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dimaklumkan bahawa 312 penipuan yang dilaporkan melibatkan dua IPTS di Lembah Klang yang keseluruhan melibatkan pengeluaran KWSP sebanyak RM1.6 juta. Adakah kementerian mempunyai butiran terhadap dua IPTS yang disabitkan dalam sindiket ini. Soalan tambahan saya, sejauh mana keterlibatan pegawai-pegawai daripada KWSP dalam penyelewengan ini.

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang mutakhir, sebenarnya ada 11 buah IPTS yang terlibat dalam penipuan pengeluaran daripada KWSP. Semuanya adalah di dalam senarai polis. Saya tidak bercadang untuk

hendak mengeluarkan nama-nama mereka yang terlibat, pegawai dan juga IPTS yang terlibat.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin bertanya apakah penyelewengan juga berlaku kepada pengeluaran untuk perubatan, sebab sebelum ini kami ada membaca dalam surat khabar bahawa pusat perubatan juga bersama ahli untuk melakukan penyelewengan. Mengapakah pihak agensi KWSP tidak menjalankan suatu siasatan dalaman kerana apakah ada berlaku subahat di antara ahli, IPTS dengan orang dalam seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi sebab sebelum ini *'One home one computer'* juga gagal apabila membenarkan ahli membuat suatu pengeluaran.

Sebab Menteri Pengajian Tinggi ada menyatakan sebelum membenarkan kelulusan untuk pengeluaran bagi melanjutkan pendidikan tinggi patut merujuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Mengapakah ini tidak dilakukan oleh pegawai dan menyumbang kepada penyelewengan sedemikian.

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara baru yang dibangkitkan sebentar tadi tentang pengeluaran berkenaan kesihatan. Cuma saya hendak terangkan bahawa sebenarnya yang menipu adalah duit mereka sendiri. Tetapi penipuan ini pun sebenarnya tidak dibenarkan. Kalau ada ahli yang didakwa di bawah kegiatan penipuan, mereka boleh didenda sehingga RM10,000. Ini orang ramai kena tahu atau boleh dikenakan hukuman penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Akta KWSP yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di sini ada tiga akaun iaitu:

- (i) Akaun Persaraan 60% daripada simpanan;
- (ii) Akaun Pendidikan dan Rumah 30%; dan
- (iii) Kesihatan 10%

Manakala dia menipu, dia menipu duit sendiri yang 10% itu. Hak ahli yang lain tidak terlibat. Walau bagaimanapun, sekarang ini kalau berlaku, memang patut disiasat.

8. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk menyelamatkan buah-buahan tempatan setelah harga pasaran buah-buahan tempatan tersebut jatuh dan tidak dapat dipasarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib daripada Maran pada 6 Oktober dan juga soalan Yang Berhormat Datuk Haji Hassan bin Malek daripada Kuala Pilah pada 14 November kerana soalan-soalan yang dikemukakan adalah hampir sama iaitu masalah lambakan dan kejatuhan harga buah-buahan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, isu lambakan dan kejatuhan harga terjadi bagi beberapa jenis buah-buahan bermusim seperti rambutan, durian dan dokong. Faktor utama terjadinya lambakan adalah kerana pengeluaran yang berlebihan di lokasi tertentu pada satu-satu masa tertentu. Pada amnya isu lambakan buah-buahan ini bersifat jangka pendek iaitu di antara satu hingga dua bulan.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak kementerian melalui FAMA telah mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan harganya tidak jatuh begitu rendah. Memandangkan masalah lambakan berlaku secara bermusim dan dalam tempoh yang singkat, FAMA telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan pesta jualan atau karnival buah-buahan di seluruh negeri yang melibatkan pemborong atau peraih atau petani.

Pesta jualan atau karnival adalah dibuat di tapak-tapak strategi yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan bagi memberi peluang kepada petani dan peniaga memasarkan hasil keluaran mereka. Pada tahun 2004, misalnya sebanyak 36 tempat penjualan buah-buahan telah diadakan di seluruh negara. Pihak FAMA juga telah mengadakan 'truck sale' dengan izin iaitu kaedah jualan terus di *hyper market* yang dipilih. Pihak FAMA pada dasarnya telah mendapat persetujuan daripada 15 buah pusat pasar raya Giant di sekitar Lembah Klang, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor bagi melaksanakan *truck sale*. Dalam keadaan-keadaan tertentu FAMA telah membuat pembelian terus dari ladang dan memasarkan ke bandar-bandar utama yang mempunyai permintaan yang tinggi bagi meningkatkan harga di ladang.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang musim buah-buahan tahun 2005 pula, pihak FAMA telah mengeluarkan permit khas kepada petani-petani yang ingin berniaga di 232 buah pasar tani runcit di seluruh negara. Petani-petani yang menghadapi masalah pemasaran digalakkan menjual terus hasil buah-buahan mereka di pasar tani. FAMA juga menyediakan outlet di lima buah pasar jualan borong dan 16 buah desa raya milik FAMA.

Selain itu, FAMA juga menjalinkan kerjasama dengan PLUS Berhad untuk menganjurkan jualan di kawasan rehat lebuhraya. Sebanyak 10 buah kawasan rehat telah dikenal pasti bagi penganjuran karnival jualan buah-buahan bermusim. Dari semasa ke semasa FAMA mempergiatkan kempen 'Makan buah-buahan tempatan' di hotel-hotel dan mengadakan berbagai-bagai program jualan supaya permintaan pengguna dapat dipertingkatkan.

FAMA juga merancang untuk membuka beberapa pusat pemprosesan buah-buahan dan kaedah ini sesuai untuk buah-buahan seperti durian dan rambutan di mana buah-buahan tersebut akan dikupas, dibungkus dan sedia untuk dimakan.

Buah-buahan tempatan yang bermusim kebanyakan dimakan segar dan hanya sedikit sahaja yang diproses. Bagi tujuan untuk meningkatkan buah-buahan tersebut diproses, pihak FAMA akan mengadakan kerjasama dengan MARDI dan beberapa IPTA dalam mengadakan penyelidikan termasuk memperkenalkan *variety* yang sesuai untuk tujuan ini. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang. Akhir dapat juga saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen berhubung dengan lambakan buah durian dalam negara kita. Saya hendak minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen kerana sekiranya kita membenarkan harga buah-buahan tempatan ini turun naik dengan begitu besar kadangkala harga durian boleh sampai RM6 sekilogram tetapi kalau musim buahnya banyak ia boleh jatuh hingga 50 sen sekilogram. Kadang-kadang tidak ada orang yang hendak beli pun.

Saya rasa tindakan-tindakan yang telah diambil oleh FAMA tidak berkesan. Saya hendak dapatkan penjelasan apakah usaha yang telah diambil untuk memasarkan kita ke luar negeri dan juga mengapa kita benarkan durian Thailand masuk banyak sangat ke negara kita sehingga lambakan di pasar raya itu semua durian Thailand, bukan durian Malaysia. Sebenarnya dari segi kualiti durian Malaysia adalah lebih baik daripada durian kita di negara kita ini. Saya rasa semua R&D yang dibuat oleh MARDI ataupun FAMA itu telah mengambil masa terlalu lama. Buah durian dalam negara kita yang begitu banyak memang sentiasa mengalami kerugian yang begitu besar. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai harga buah durian yang jatuh, saya ingin memperbetulkan juga beberapa fakta Yang Berhormat bahawa FAMA ada memainkan peranan dari segi mengawal harga. Sebagai contoh Yang Berhormat, ada suatu masa khasnya durian kampung, harga dia jatuh sehingga 20 sen sekilogram, 30 sen atau 20 sen di Johor kalau tidak salah saya. Jadi pihak FAMA secara spontan telah membeli dengan harga 50 sen. Bila dia membeli dengan harga 50 sen sekilogram didapati selepas itu harga dia dapat naik kepada 70 sen. Bermakna adalah juga peranan di situ dan FAMA sebagai *buyer of last resort* memang ini strategi satu daripada strategi yang digunakan.

Terima kasih Yang Berhormat yang memberitahu dari segi kenapa tidak kita mengeksportkan durian kita. Memang ada Yang Berhormat dan ini kita terpaksa, diusahakan bersama dengan teknologi yang terkini sebab masalah durian ini dari segi baunya dan sebagainya, oleh yang demikian MARDI telah menghasilkan satu teknologi baru iaitu yang dinamakan sejuk beku; di mana disejukbekukan buah durian dengan dua cara iaitu, menyejukbekukan secara ulas durian yang dinamakan *cryogenic*, iaitu menggunakan cecair nitrogen di mana biji ulas ini dibekukan dan telah kita jualkan di Hong Kong, Taiwan dan Australia; dan satu lagi kita menyejukbekukan sebab ada jenis-jenis orang ini yang memang berminat sangat dengan durian, dia tidak suka kalau kita kopek-kopekkan, jadi dia hendak melihat buah durian itu dengan buah durian yang sebenarnya iaitu dengan duri-duri dan sebagainya, oleh itu diadakan satu teknologi iaitu menyejukbekukan keseluruhan buah itu. Ini kita telah dapat menyejukbekukan kepada -18°C dan ia boleh tahan selama dua minggu dan juga kita telah hantarkan ke Australia.

Yang Berhormat, ini balik-balik cerita kenapa durian Thailand. Masalah durian Thailand ini Yang Berhormat, kita memang ada membuat *enforcement* dan sebagainya, tetapi entah macam mana orang ini suka juga dengan barang-barang Thailand ini. *[Disorak]* Kalau tidak ada *demand* macam mana durian ini masuk pun takkan ada pembeli. Tetapi memandangkan entah macam mana...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia kata isi durian ini baik.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ... Jangan, jangan diperkecilkan buah tempatan yang juga baik, D24 dan D101 itu hebat. Tanyalah kepada Yang Berhormat bagi Arau. Terima kasih, Yang Berhormat. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan saya ialah kenapa durian daripada Thailand lebih baik? Saya tidak kata lebih baik, tetapi mungkin lebih halal, oleh kerana di sana adalah "durian kahwin". *[Ketawa]* Saya hendak tanya, apakah MARDI sudah buat tentang memproses atau *downstream* produk-produk daripada durian selain daripada buat cucur, aiskrim dan lempuk. Selain daripada itu apakah yang kita boleh buat lagi?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Malaysia pun kahwin juga, yang D24 dan D101 pun kahwin juga. Kahwinnya hebat betul, dia keluar jadi macam emas, warnanya emas. Yang Berhormat, sebenarnya ada beberapa, tetapi selepas membuat beberapa kajian dari segi teknologi-teknologi pemprosesan ia seharusnya diuji kaji di pasaran. Jadi ada dibuatkan pembangunan produk seperti seri kaya durian, kandi durian, sos cili durian - yang teringinkan tempoyak tetapi dia siap sos cili durian, ini dalam uji kaji penerimaan pasaran. Selepas itu seperti biasa ada jem durian. Jem ini pun kita boleh pelbagaikan, bukan sahaja rasa durian, tetapi mungkin kita campur-campurkan lagi; ada kastard durian, lempuk durian dan bermacam-macam lagi.

Insya-Allah dari masa ke semasa pemprosesan ini akan diperbaiki lagi, tetapi yang pentingnya walaupun kita ada teknologi untuk mengeluarkan pembangunan produk ini, tetapi ia harus diuji kaji di pasaran untuk penerimaan pengguna. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi soal jawab pada pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 26(1)(p).

Tuan Yang di-Pertua: 26(1)(p)?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya menyebut mengenai laporan surat khabar mengenai apa yang berlaku semalam, *The Star*, contohnya. Saya baca:

"The International Trade and Industry Minister, who was challenged by Opposition Leader Lim Kit Siang to explain claims that she had given APs to her son-in-law and that she was being investigated by the Attorney-General for corruption, was clearly miffed when she replied"

dan *quote* beliau. Ini tidak benar.

Saya tidak kata bahawa "...she had given APs to her son-in-law and that she was being investigated by the Attorney-General for corruption" mengenai perkara ini. Ini tidak benar.

The New Straits Times hari ini yang ada melaporkan di muka 4 mengenai soalan-soalan *Original question: Supplementary questions* - Lim Kit Siang yang berbunyi:

"Were APs awarded to MPs to silence them over an issue involving a corruption scandal of a minister giving millions of shares to an in-law?"

Is it not true that the Attorney-General has proposed that you be detained for corruption? Can you tell us the benefits that you and your family accrued from the award of APs? Why are you reluctant to issue the list of AP recipients from when you became the minister?"

Ini pun tidak *accurate*, memesongkan daripada soalan yang sebenarnya, yang ada saya kemukakan ialah mengikut *Hansard*,

"...bukankah benar bahawa apabila keputusan dibuat untuk memberi AP kepada Ahli-ahli Parlimen tahun 1997 ialah berhasrat untuk membeli silence Ahli-ahli Parlimen oleh sebab skandal korupsi Yang Berhormat Menteri pemberian saham kepada menantu, Fadzrin Azwar berjuta-juta saham Leader Universal, First Allied dalam perkara ini dan itulah latar belakang, bukannya ini benar dan bolehkah Yang Berhormat Menteri, sebenarnya Peguam Negara sekarang ada mencadangkan Yang Berhormat Menteri didakwa, ditahan, didakwa di mahkamah atas korupsi, bukannya ini benar?"

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan yang mulia ini segala faedah Yang Berhormat Menteri dan keluarga yang dapat dari sistem AP daripada 'AP King of King' yang keluar masuk guna helikopter, bukan guna kereta, apa-apa faedah yang dapat daripada 'AP King of King' sama ada hadiah, kereta, saham atau apa-apa "

dan akhirnya:

"Adakah Yang Berhormat faham, apa Yang Amat Perdana Menteri mahu, cemerlang, gemilang, terbilang, bukan melalui semacam ini gelap, korupsi, penyelewengan menyalah guna kuasa. Bolehkah satu jawapan semua dibagi."

Apa yang dilaporkan dalam *The Star* dan *New Straits Times* tidak *accurate*, memesongkan dan sudah menjadi *established precedent* dalam semua *privileges convention* di semua *Parliament Commonwealth*, ialah apabila ada laporan mengenai prosiding *Parliament* yang tidak *accurate*, yang memesongkan inilah merupakan bentuk pelanggaran hak keistimewaan.

Saya mahu mengemukakan usul di 26(1)(p), tetapi sebenarnya saya enggan buat begitu oleh sebab tidak mahu menggalak surat khabar untuk memberi ruang yang lebih banyak, tetapi saya mahu minta *guidance* dan nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua apa cara selain daripada kemukakan satu usul di bawah 26(1)(p), di mana pelanggaran hak keistimewaan semacam ini boleh dibetulkan atau tidak ada lain cara selain daripada kemukakan satu usul 26(1)(p).

Sebelum saya kemukakan usul itu bolehkah Tuan Yang di-Pertua memberi *guidance*, oleh sebab ini satu perkara yang mustahak Yang Berhormat Menteri ada mencabar saya - mahu *sue* saya, saya berani untuk apa-apa *sued* oleh beliau. Semalam ada kata beranikah, dia cabar, saya ulangi, apa dia keluar di luar dia cuma diam-diam. Saya mahu dilaporkan betul. Bolehkah dapat panduan dan nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, oleh sebab perkara ini telah dibincangkan dengan begitu banyak sekali, sama ada di luar Dewan mahupun di dalam Dewan, begitu *fluid* sekali, jadi sudah tentulah sesetengah laporan itu mungkin tidak begitu tepat, mungkin tertinggal sana dan tertinggal sini, merupakan satu perkara yang berlaku sama ada di dalam laporan-laporan yang tertentu mahupun di dalam akhbar-akhbar. Jikalau perkara itu mungkin tidak tepat (*not very accurate*), tetapi dia tidak boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang memesongkan dengan....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya belum kemukakan usul. Sebelum saya kemukakan usul, saya minta nasihat kalau Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan atau menasihatkan surat khabar untuk membetulkan. Saya rasa..

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan datang kepada itu. Ya, saya akan sampai ke situ. Ini satu-satu perkara yang ada berlaku sama ada laporan biasa mahupun di akhbar-akhbar. Sekiranya perkara ini betul-betul tidak tepat dan seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi, saya harap akhbar-akhbar yang tertentu boleh berbincang dengan yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Jikalau sekiranya laporan itu apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tidak betul, maka saya harap pihak akhbar dapat membuat pembetulan. Ya, baik.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] dan tidak perlulah saya bangkitkan hal ini lagi sekali di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600)

dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." [4 Oktober 2005]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Santubong, sila mulakan ucapan.

11.11 pagi

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya belum berucap Tuan Yang di-Pertua. Saya baru mula-mula nak berucap, lepas itu komputer masalah. Saya dimaklumkan bahawa kita hanya dikhaskan 30 minit. Jadi izinkan saya dan rakan-rakan, saya nak baca daripada teks yang saya buat 30 minit.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga Perdana Menteri Malaysia, kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang menunjukkan bahawa prestasi ekonomi kita amatlah membanggakan.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu di seluruh dunia, masih ada indikasi-indikasi yang menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai prestasi yang amat boleh dibanggakan. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa KDNK kita dijangka meningkat kepada 5% dan *per capita income* meningkat daripada 16,616 tahun 2005 kepada 17,741 tahun 2006. The *purchasing power parity* dari RM9,630 ke RM10,323 pada tahun 2005 dan pengurangan defisit daripada 5.6% 2005 ke 3.5% tahun 2006. Ini adalah menunjuk satu angka yang kukuh, satu angka yang Malaysia masih mempunyai asas ekonomi yang amat kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bajet 2006 juga menunjukkan bahawa telah ada pengurangan defisit, dalam masa yang sama masih kita mengeluarkan sebanyak peruntukan belanjawan 2006, RM136.8 bilion. Satu angka yang cukup besar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, perkataan ini saya nak sebut dulu Tuan Yang di-Pertua, yang tak sebut dalam teks inilah, perkataan 'bajet' ini kita baru guna dua kali, kalau tak salah saya. Saya lebih selesa menggunakan perkataan belanjawan. Bahkan belanjawan itu lebih *Malaysian* bunyi dia daripada bajet.

Kenapa kita ada satu perkataan yang elok sebagai belanjawan diganti dengan perkataan bajet. Bajet ini, kalau di Sarawak tu, orang Melayu Sarawak pun susah nak cakap bajet ni. Apa dia bajet itu? Jadi, saya mengguna perkataan belanjawan dan saya memintalah pada masa akan datang kita gunakanlah kembali perkataan belanjawan ini, perkataan belanjawan ini elok betul. Belanjawan kita RM136.8 bilion dan dibahagi dua untuk mengurus dan juga pembangunan.

Untuk mengurus kita diagihkan RM101.3 bilion iaitu 74 % dan belanja pembangunan RM35.5 bilion iaitu 26%. Jadi ini menjadi satu masalah yang amat tidak menyenangkan saya bahawa perbezaan di antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan ini amat jauh perbezaannya. Jadi nampaknya sekali lagi kita melihat jurang yang besar dari kos mengurus dan kos pembangunan dalam belanjawan kerajaan.

Dari jumlah tersebut kerajaan telah membahagikan lagi perkara-perkara ini dan dalam keadaan sedemikian, peruntukan untuk membangun adalah amat berkurangan sekali. Sepatutnya negara kita cuba untuk menyeimbangkan peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan ini dalam berperingkat-peringkat supaya kita diperbanyakkan lagi peruntukan untuk membangun daripada mengurus.

Saya tidak mengetahui di mana letaknya kelemahan penggunaan duit yang banyak untuk mengurus dan sebegitu sedikit kalau dalam konteks bajet ini untuk pembangunan. Apa yang saya nak sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua ialah persoalan asas dahulu. Apabila kerajaan melaksanakan dasar penswastan (*privatisation*), tujuan kerajaan ialah untuk mengecilkan *civil service* di dalam negara kita. Tetapi malangnya *civil service* kita masih begitu *bloated*, begitu banyak sekali, dan penubuhan, badan-badan penubuhan lembaga, penubuhan jawatankuasa, bermacam-macam lagi. Ini telah membesarkan lagi *civil service*, dan dalam keadaan sedemikian tidak hairanlah kalau perbelanjaan untuk mengurus ini bertambah semakin banyak dari hari ke sehari. Kita juga melihat keperluan kita, umpamanya polis dan askar tentera. Polis akan diperbanyakkan anggota kalau tak salah mengikut Suruhanjaya Pembangunan Jabatan Polis Suruhanjaya Diraja, kita perlu 20,000 lagi anggota polis hendak ditambahkan.

Jadi, kalau penambahan ini dibuat, dirangkumkan dalam penggunaan pengurusan, nescaya pada masa akan datang, kita melihat perbelanjaan mengurus ini akan bertambah begitu rupa dan perbelanjaan untuk membangun itu akan berkurangan. Ini tidak akan mendatangkan kesan yang elok kepada ekonomi negara kita secara keseluruhannya. Kita sepatutnya mempunyai perbelanjaan yang lebih untuk membelanja membangun daripada mengurus. Dalam soal perbelanjaan mengurus, khususnya dalam bidang ekonomi, walaupun dalam bidang ekonomi ini kita hanya diberi RM8.2 bilion pembangunan dan RM14.3 bilion untuk pengurusan, RM14 bilion untuk pembangunan, nampaknya ada pembangunan yang besar dan pengurusan yang kecil sedikit. Iaitu 16% sahaja untuk bidang ekonomi.

Tetapi saya rasa kecewa, Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam keadaan ini peruntukan dikhaskan untuk pertanian hanya mendapat 1.5% daripada jumlah belanjawan negara. Sektor pertanian ini dan sektor luar bandar mendapat keseluruhannya 4%. Dari jumlah RM1.9 bilion untuk mengurus, hanya RM3.7 bilion untuk pembangunan. Saya beranggapan bahawa ini tidak mencukupi untuk kedua-dua sektor yang masih jauh kebelakangan ini. Penekanan kita kepada sektor pertanian selalu disebut, tetapi dalam masa yang sama peruntukan untuk pertanian menurun, tidak begitu besar sangat, tidak mencerminkan bahawa kita menekankan kepada sektor pertanian ini. Jadi, itu yang pertama.

Yang kedua, sektor pembangunan luar bandar. Kita melihat di luar bandar khususnya di negeri-negeri seperti Sarawak dan Sabah yang selalu kita sebut, yang selalu kita tekankan, yang selalu heboh-hebohkan bahawa negeri itu mempunyai hampir 60% kawasannya masih boleh dikatakan luar bandar yang perlu mempunyai pembangunan yang banyak. Tetapi malangnya peruntukan yang sedemikian iaitu 4% daripada belanjawan ini tidak akan boleh memberi kesan yang besar kepada pembangunan luar bandar daripada Sarawak Sabah dan juga kawasan-kawasan di luar bandar di Semenanjung Malaysia. Jadi belanjawan ini tidak *reflects* penekanan kepada sektor pembangunan pertanian dan juga pembangunan luar bandar pada hal perkara ini yang perlu ditumpukan di sektor ini. Kita masih jauh di belakang negara-negara lain yang berasaskan pertanian dan pembangunan sektor pertanian.

Jadi sektor pembenihan pertanian ini, kita lihat di belakang Thailand, kita di belakang Taiwan, R&D kita dalam pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bunga belum mencapai tahap yang menggembirakan. Begitulah juga R&D kita dalam bidang akuakultur. Negeri seperti Taiwan telah mempunyai berupaya mengeluarkan ikan, apa sahaja jenis udang laut dalam, dalam kandang kecil. Kita belum sampai ke peringkat itu. Kerana kita kena ingat bahawa kita bukanlah negara nelayan laut dan rakyat kita telah beratus tahun tidak menjelajah laut lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya. Keadaan hidup yang selesa selama hampir setengah abad telah menjauhkan kita dengan lombakan ombak dan tiupan taufan di laut. Kita kena perkuatkan keadaan kita di darat. Ikan adalah sumber protein asli yang perlu kepada pembangunan insan negara kita. Lagi pun sumber laut akan berkurangan dan mempunyai ciri-ciri *sustainable* adalah produk akuakultur keluaran R&D berteknologi tinggi. Kita kena perkuatkan ini, malangnya peruntukan nampak amat terbatas.

Peruntukan R&D, Tuan Yang di-Pertua, secara khusus di bawah kepala ini masih kekal di paras RM210.1 juta iaitu sebanyak 02%. Ini juga nampak kurang penekanan dalam mencari penemuan dan kaedah baru. Kita sepatutnya tidak lagi boleh membuat satu alasan seperti yang pernah dibuat pada dekad dahulu. Tidak tanam padi di Sarawak kerana tanahnya kurang sesuai. Kita kena cari jenis dan baka yang sesuai. Sekarang saya dimaklumkan BERNAS tidak lagi melabur untuk menanam padi di Sarawak. Soalannya kenapa? Adakah BERNAS telah dikaburi mata oleh tanda ringgit hingga lupa kepada keperluan *food security* untuk negara, dengan izin. Harap kementerian boleh menjawab dengan teliti perkara yang dibangkit ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, soalan sosial. Sosial ini termasuk pendidikan dan saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada belanjawan ini kerana telah membahagikan bahagian pengurusan sebanyak RM34.6 bilion dan pembangunan RM10 bilion iaitu 32.6% daripada jumlah belanjawan negara untuk pembangunan sosial yang termasuk pendidikan. Dan kebanyakan peruntukan ini diberi kepada bidang pendidikan. Saya terima kasihlah dan mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi RM23.5 bilion iaitu 2.9 daripada belanjawan negara kepada pendidikan. Ini amat sejajar dengan perancangan dan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membangun *human capital*, dengan izin, bernilai tinggi. Apa yang penting ialah sistem penyampaian atau *delivery system* menerusi agensi-agensi kerajaan di bawah dua-dua kementerian termasuk kementerian itu sendiri agar sumber kewangan begitu banyak tidak dibazirkan dengan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat bahawa kita hanya ada 16 tahun untuk mencapai tahap negara maju pada tahun 2020. Kita mesti ingat bahawa kita tidak akan membangun mengikut model negara-negara lain di mana jurang perbezaan di antara yang kaya dan miskin semakin membesar, jurang pembangunan pendidikan dan jurang kadar keupayaan bandar dan luar bandar jelas ketara. Di samping kerajaan membantu kemajuan dan prestasi, *the affirmative action*, dengan izin, dijanjikan oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pada 1991 ke 2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001 ke 2010. Kerajaan jangan sekali-kali lupa merealisasikan Dasar Ekonomi Baru. Kerana di sanalah letaknya kestabilan, di sanalah letaknya kemampuan dan kebolehan semua etnik di negara ini. Kalau dengan adanya pembangunan Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara tetapi kalau kita terlupa kepada Dasar Ekonomi Baru, nescaya pembangunan negara ini akan menghadapi apa yang berlaku di negara lain, *imbalanced development* bandar dan luar bandar orang yang terlibat dengan ekonomi khususnya orang etnik bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu saya menggesa Kementerian Pendidikan supaya mengenal pasti semua sekolah yang usang tidak mencukupi, tidak selesai di bandar atau di luar bandar untuk dibangunkan semula. Dalam keghairahan membangun bangunan-bangunan sekolah itu, kewangan kerajaan janganlah dicicirkan. Dengan rancangan yang tidak sempurna dan pelaksanaan yang ala kadar sebagaimana yang telah banyak boleh dilihat di Sarawak. Di kawasan Santubong umpamanya, masih ada 6 buah sekolah yang amat perlukan pembinaan semula. Jangan lagi diberi tugas kerja pembinaan kepada kontraktor yang telah banyak mengaut untung dengan menganiaya kerajaan dan masyarakat seperti yang telah dibuat selalu.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan dalam masa yang sama kerana mengambil tindakan berani apabila mengumumkan bahawa anak-anak warga negara kita dibolehkan memasuki sekolah antarabangsa (*international school*). Walaupun ini nampak seperti satu jangkauan ke arah yang berlainan tetapi saya berpendapat bahawa keputusan ini adalah selaras dengan aspirasi menimba ilmu dan membangun *human capital*. Soalan saya, bilakah dasar ini boleh dan akan dilaksanakan supaya ibu bapa boleh menghantar atau merancang untuk menghantar anak-anak ke sekolah antarabangsa tersebut yang tertentu.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Pengajian Tinggi kerana telah membuat perancangan untuk memperkenalkan ilmu keusahawanan dalam mana-mana pengajian.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan saranan yang disebutkan tadi berkenaan dengan menghantar anak ke sekolah-sekolah antarabangsa, *international schools* yang ada sekarang ini. Perkara ini juga telah dibincangkan sebelum ini tetapi kenapa kita tidak benarkan. Saya mohon supaya Yang Berhormat dapat memberikan rasionalnya kerana sekarang ini kita berbincang tentang soal *nation building* ataupun pembinaan bangsa yang dikaitkan dengan soal sistem pendidikan kita adalah satu aspek yang paling penting dalam pembinaan bangsa ataupun *nation building*. Sekiranya kita membenarkan anak-anak kita belajar mengikut aliran sesuka hati mereka, mungkin hasrat untuk memenuhi tujuan *nation building* yang disebut sebelum ini tidak akan tercapai. Apakah rasionalnya? Kenapa sekarang ini kita boleh membenarkan mereka pergi ke aliran mana sahaja yang mereka kehendaki?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyingkap sejarah, Yang Berhormat. Apabila dasar Bahasa Malaysia dilaksanakan di Malaysia pada tahun 1976 kalau tidak salah saya, menteri yang merancang Bahasa Malaysia sebagai bahasa nasional pada ketika itu dari Sarawak. Semua anaknya, keluarganya, semua bersekolah di luar negara, di England masa itu. Jadi anak-anak Sarawak mengatakan kenapa ini ada *double standard*. Ia memaksa orang belajar di Malaysia tetapi dia sendiri menghantar anak-anaknya ke England untuk belajar. Jadi pada ketika itu Sarawak telah dibenar dan Sabah juga dibenar selama 10 tahun tidak payah mengikut dasar Bahasa Malaysia untuk dilaksanakan di seluruh negeri Sarawak dan Sabah.

Akhirnya Sarawak dan Sabah dibolehkan sampai 1986 baru melaksanakan Dasar Bahasa Malaysia dan pelajaran dan pengurusan kerajaan di negeri Sarawak. Apabila kita berubah pada akhir tahun 90'an untuk memperkenalkan Bahasa Malaysia nampaknya kita boleh berani mengatakan di Sarawak kita mempunyai *edge* dengan izin dalam Bahasa Inggeris. Kita boleh belajar Bahasa Malaysia tetapi mempunyai *edge* dalam Bahasa Inggeris dan kita tidak lagi rasa kaku dalam Bahasa Inggeris.

Soalan pilihan ini orang masih, kalau orang mendapat sumber kewangan orang masih menghantar anak dia pergi ke England, pergi ke Singapura, pergi ke Australia, New Zealand dan sebagainya. Bahkan banyak anak-anak di Sarawak, banyak anak-anak kita di sini saya tidak tahu kalau di Sarawak, di Sabah saya cukup yakin di Sarawak banyak sekali orang menghantar anak-anaknya ke Australia dan New Zealand. Dalam keadaan sedemikian semua sumber-sumber kewangan ini akan dibawa ke New Zealand, bawa ke Australia, bawa ke Amerika, dibawa ke England, jadi kalau anak-anak ini di benar belajar dalam negaranya sendiri dalam jurusan-jurusan yang mereka pilih nescaya sekurang-kurangnya sumber kewangannya itu tidak terjejas.

Yang kedua saya tidak mempunyai satu penyelidikan yang khusus persoalan yang menunjukkan bahawa anak-anak yang belajar di England atau di Australia itu tidak patriotik kalau di bandingkan dengan anak-anak yang belajar dalam negara ini sendiri. Bahkan saya boleh melihat daripada keluarga saya sendiri yang belajar di luar negara balik ke sini dia orang mempunyai semangat patriotisme lebih patriotik, lebih mencintai negara ini kerana mereka telah lama *exposed* dan melihat di negara orang lain macam mana keadaan mereka di *treat* sebagai *second class citizen* di Australia, macam mana mereka dipanggil seseorang sebagai *Paki* masa di England, macam mana mereka di *treat* sebagai orang yang berlainan daripada yang *mainstream* di Amerika dan sebagainya.

Anak saya 4 tahun duduk di Amerika jadi mengetahui perkara ini jadi saya tidak melihat dia menjadi satu masalah kerana ini adalah satu *choice* yang dibuat oleh sesebuah keluarga, terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat atas penjelasan yang diberikan, benarlah sebelum ini ramai anak-anak kita yang dihantar ke luar negara tetapi kalau pergi ke luar negara itu bilangannya tidaklah besar kalau dibandingkan

sekiranya kita membuka sekolah-sekolah antarabangsa kepada anak-anak kita dalam negara kita sendiri.

Lagi satu persoalan bila disebutkan soal *nation building* ataupun pembinaan bangsa yang disebutkan tadi, bahasa tentang soal penggunaan bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan hanyalah salah satu daripada aspek kepada pembinaan bangsa ini. Tetapi banyak lagi aspek-aspek lain seperti soal sejarahnya, pemahaman sejarahnya, tentang soal pemahaman kenegaraannya dan aspek-aspek yang lain, yang menjadi ramuan kepada pembinaan satu bangsa yang selama ini kita lihat inilah masalah dalam konteks negara kita yang berbilang kaum terutama sekali sebelum dasar pelajaran sebelum tahun 1969 dan sebagainya.

Sekarang ini apakah Yang Berhormat mencadangkan boleh kita hantar ataupun sekolah-sekolah antarabangsa membuka peluang kepada anak-anak dalam negara belajar ke sekolah tersebut tetapi perlu ada penyesuaian dengan sekolah tersebut misalnya beberapa mata pelajaran khusus seperti sejarah sebagaimana yang kita kehendaki, tidak lama nanti mungkin ada orang fikir tentang sejarah kemerdekaan, ada orang tidak belajar tetapi diajar bahawa bukan Tuanku Abdul Rahman misalnya sebagai Bapa Kemerdekaan, ada orang lain pula contohnya kerana tidak diajar di situ. Apakah penyesuaian perlu dibuat dan dibenarkan mereka ini untuk belajar di sekolah-sekolah yang berkenaan, itu cadangan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, saya bersetuju bahkan saya banyak berucap di Dewan ini mengatakan bahawa sumber sejarah untuk di belajar di semua sekolah jangan lagi mengambil sumber-sumber sekolah ataupun penulisan-penulisan yang mungkin tidak disenangi oleh kita di Malaysia ini untuk diajar kepada semua anak-anak kita di sekolah. Dalam keadaan yang sama di *International School* kita boleh menyesuaikan bahkan boleh diadakan satu opsyen projek atau subjek-subjek yang tertentu atau mata pelajaran tertentu di sekolah-sekolah tersebut supaya diberitahu anak-anak kita ini soalan-soalan kenegaraan, soalan-soalan sejarah negara kita. Saya cukup bersetuju Yang Berhormat. Saya minta maaf Yang Berhormat saya ada 15 minit lagi jadi oleh kerana ada perkara yang penting yang saya hendak sebut sini jadi saya sebutkanlah.

Saya berharap syarikat yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah syarikat yang dilantik oleh pihak kementerian melaksanakan projek-projek negara ini membina sekolah dan sebagainya tidak membazir dan mengambil duit itu sewenang-wenangnya dan pelaksanaannya adalah tidak menyenangkan oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua saya juga hendak mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Menteri Pengajian Tinggi kerana telah membuat perancangan untuk memperkenalkan ilmu keusahawanan dalam mana-mana pengajian. Tujuan ialah untuk membolehkan graduan kita dan apa-apa sahaja disiplin mengetahui dan seterusnya terlibat dalam keusahawanan.

Sebenarnya saya telah mengaku sebagai salah seorang Ahli Parlimen yang terawal sekali yang menyentuh keperluan latihan, memberi keilmuan berhubung dengan kecenderungan dalam keusahawanan ini kepada graduan di universiti-universiti kita. Ke arah keusahawanan salah satu sebabnya ialah supaya pelajar dan graduan tidak bersandar dengan kerajaan dan syarikat-syarikat kerajaan untuk mencari rezeki dan menyarakan hidup. Kerajaan bukanlah *employer the last resort*. Tetapi persoalan yang saya ingin tanya Tuan Yang di-Pertua ialah kenapa menteri mencari ilham dia keusahawan di *Cambridge* atau di *Oxford*. Tidakkah keusahawanan itu bermula dan berkembang di negara kapitalis seperti *United States of America*.

USA adalah satu negara yang memberi tumpuan khusus kepada pembangunan keusahawanan, Silikon Valey adalah menjadi satu simbol dan *nucleus* pembangunan keusahawanan yang cemerlang dan inilah mempengaruhi pengajian dan pelajaran di universiti-universiti di Amerika khususnya di California. Amat besar harapan saya jikalau kementerian boleh memberi penjelasan sebanyak boleh berhubung dengan kemampuan universiti melaksanakan program dan apakah tindak balas pelajaran dengan program yang diperkenalkan oleh kementerian ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya minta penjelasan berhubung dengan kualiti graduan universiti di negara kita. Saya banyak menerima laporan yang mengatakan bahawa graduan berkualiti rendah, khasnya kuasa berfikir yang lemah, kurang berpengetahuan dan rata-rata mempunyai kuasa bahasa Inggeris yang amat rendah. Kalau hendak tahu tanyalah ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya, ini persoalan yang pernah diberi kepada saya, kalau saya hendak tahu tanyakan dengan semua ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Jabatan yang menemu duga graduan-graduan yang memohon pekerjaan dari kerajaan. Berpuluh-puluh ribu graduan telah ditemu duga oleh Suruhanjaya ini tiap-tiap tahun boleh memberi maklumat-maklumat yang sewajarnya.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua saya telah dimaklumkan 3,000 graduan ditemu duga oleh pihak Suruhanjaya Polis dan rata-rata yang ditanya ialah apabila ditanya satu persoalan apa fikiran kamu berhubung dengan perkara ini? Semua graduan dikatakan terpegun tidak tahu menjawab apa fikiran.

Tuan Yang di-Pertua, ini setelah menjadi satu alasan bahawa graduan kita kurang berkualiti. Saya belum cukup yakin kerana tidak ada penyelidikan khas yang dibuat. Dengan itu saya meminta Kementerian Pengajian Tinggi supaya membuat satu penyelidikan untuk mencari kenapa perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, tersemat dalam hati dan sanubari para pentadbir dan pensyarah universiti. Kita supaya jangan menjejir kelulusan *first class honours*, *second class upper honours* dengan membabi buta.

Universiti sepatutnya mempromosikan *scholarship* dan budaya belajar dan mencari ilmu. Pelajar mestilah diberi banyak-banyak peluang untuk berfikir sementara menimba ilmu. Galakkan mereka mencari dan menilai sendiri dalam khazanah dan ilmu sama ada buku-buku atau dalam media yang lain. Jangan beri sangat *handout* dan nota yang boleh menjawab soalan. Sistem persoalan dan jawapan kepada soalan mestilah diguna pakai untuk menilai kekuatan dan kelemahan pelajar. Menghafal adalah untuk hafiz Al-Quran bukan bidang ilmu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terhormat Kuala Terengganu bangun.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya gaji pensyarah-pensyarah kita itu bukan berdasarkan kepada kategori, kedudukan, status tetapi berdasarkan kepada produktiviti penghasilan *research*nya, penemuan-penemuannya. Ertinya dia berdasarkan kepada penghasilannya, daripada sekarang ini berdasarkan kepada kategori kedudukan-kedudukannya. Sebab inilah caranya saya kira kalau kita hendak mengukur, hendak menyukai kecemerlangan seseorang itu, hasilnya apa, *research* nya apa, bagaimana peringkat dalaman, luar peringkat antarabangsa, bagaimana pula dia dapat menjana daripada hasil penyelidikannya itu keuntungan kepada universiti?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak menyebut di Dewan ini juga perkara ini. Sepatutnya kita kalau Pengerusi Eksekutif Petronas boleh menerima gaji RM120 ribu sebulan dan perdana Menteri hanya menerima RM22 ribu sebulan, saya tidak melihat kenapa salahnya seorang pensyarah mendapat lebih besar gaji dan *perk* dan kemudahan daripada *vise chancellor*. Jadi saya mempunyai keyakinan kualiti ini mestilah kita dapati daripada semua pensyarah supaya menggalak pensyarah itu menjadi orang yang berkualiti tinggi, mencari membuat *research*, membuat *papers*, membuat jurnal, membuat penulisan dalam jurnal-jurnal untuk memperkenalkan penulis Malaysia, pemikir Malaysia ini ada juga terlibat dengan perkara-perkara yang unik, perkara-perkara yang boleh diketengahkan, perkara-perkara yang boleh diambil kira oleh pihak *academia* seluruh dunia.

Jadi sepatut ini patut kita menyelidik semula. Saya memintalah kementerian supaya melihat perkara ini dengan secara *holistic*, kita patutnya memberi promosi secara meritokrasi, jangan lagi *connection*, jangan lagi soalan *political suitability* dan sebagainya. Kita mesti dalam bidang pendidikan ini menumpu kepada soalan kualiti yang unggul. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya hanya sedikit sahaja cerita pendek itu, kita mesti melihat contoh-

contoh *scholarship* dan budaya pelajaran di negara-negara yang maju, England dan Amerika Syarikat...

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya yang berhormat. Yang Berhormat Kepong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar : Yang Berhormat saya ada lima minit Yang Berhormat. Minta maaf, kalau Tuan Yang di-Pertua boleh beri saya sepuluh minit, insya-Allah, saya boleh habiskan ini selepas itu kalau hendak tanya tengah hari pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan jawapan, ucapan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Yang Berhormat, kalau hendak tanya luar selepas ini. Umpamanya di England, *Council of Legal Education* yang memberi ijazah *degree of Utter Barrister* ataupun *Bar-at-Law* di mana *the cream of British Law Graduate come for their final test* sebelum memasuki pengamalan undang-undang. Sepuluh tahun sekali baru boleh melihat pelepasan *Council of Legal Education* mendapat *first class*. *First class the Council of Legal Education* sepuluh tahun sekali, tidak pernah lihat. Dalam tahun saya sekali sahaja jumpa. Boleh dikatakan 95 peratus pelajar Malaysia yang hanya mendapat *third class* walaupun mendapat cemerlang di peringkat Universiti. *Only the rear breed around* empat peratus yang mendapat *second class lower* kalangan pelajar Malaysia.

Saya belum berjumpa seorang pelajar, graduan Malaysia yang mendapat *second class upper* ataupun *first class* di *Council of Legal Education*, tetapi bolehkah mereka secara ilmiah dan berfikir tetap bertahap kelas pertama kerana telah dididik untuk menganalisis, berfikir dan berhujah.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan perlu, sumber kewangan yang banyak. RM13 juta untuk mengurus dan RM5.6 juta untuk membangun.

Saya ingin bertanya dalam soalan ini sahaja berapa banyak kah pegawai inspektor dan kadet ASP telah dilantik oleh Suruhanjaya untuk memasuki Jabatan Polis dan apakah pecahan menerusi etnik mengikut negeri seluruh Semenanjung dan juga di Sarawak dan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah kepada tanggungan tertentu dalam belanjawan kita kali ini. RM19 juta telah diagihkan, kerajaan patut mengikir sumber kewangan ini semula sistem pencen kita kerana RM5.5 juta telah diagihkan untuk pencen. Dengan kemungkinan menukar secara berperingkat-peringkat kepada sistem seperti insurans, gratuity, dan wang simpanan pekerja. Kerajaan mesti melihat bahawa jangka hayat rakyat Malaysia sekarang sudah meningkat ke tahap negara maju 72 tahun untuk lelaki dan 75 tahun untuk wanita. Pembayaran kepada skim pencen akan bertambah dan tahun ke tahun dan akan membebankan kerajaan dan masyarakat keseluruhannya dalam jangka panjang.

Lagipun dalam penilaian ekonomi, pembayaran pencen ini tidak produktif dan membazir. Skim penyimpanan pekerja dan mendatangkan hasil untuk pekerja dan kerajaan dan juga kepada pencarum. Ini soalan bayaran pindahan, ini juga saya ingin tanya kepada kerajaan bagaimanakah prestasi bayaran balik pinjaman kerajaan-kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat. Sila beri senarai penuh mengikut negeri pinjaman tertunggak yang belum dijelaskan oleh pihak negeri-negeri kepada kerajaan pusat.

Di samping itu, saya juga ingin mengetahui bagaimana pula pengagihan pemberian Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh perlembagaan. Adakah kerajaan menilai semula pemberian itu supaya pembangunan menggunakan kaedah baru kerana kaedah lama yang bertambatkan bilangan penduduk dilihat tidak memberi keadilan kepada negeri-negeri yang luas seperti negeri Sarawak, Sabah, Pahang, Johor dan Perak. Khususnya Sarawak dan Sabah sebab ialah kerajaan merancang membina jalan di Semenanjung Malaysia akan berupaya memberi nikmat kepada semua negeri di Semenanjung termasuk negeri-negeri seperti Pahang, Perak dan Johor. Sementara di Sarawak dan Sabah terus ketinggalan dalam infrastruktur asas seperti jalan.

Saya telah selesai mengelilingi semua jajahan Malaysia berkereta dan didapati jurang perbezaan di antara Sarawak Sabah dengan keadaan pembangunan di Semenanjung Malaysia amat ketara sekali. Ini amat perlu diatasi dengan segera. Wang yang bernilai RM2 bilion untuk Sarawak dan RM1.6 bilion untuk Sabah bukanlah peruntukan baru tetapi peruntukan yang telah dalam pelaksanaan. Bahagian besar yang didapati oleh Sarawak umpamanya adalah untuk pembinaan lapangan terbang dan secara monopoli diberi kepada satu syarikat bukan bumiputera secara runding terus yang tidak langsung mahu memberi subkontrak kerja dan pembekalan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Saya rasa kecewa atas keputusan yang tidak mengambil kira kepentingan bumiputera ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Menyesal, menyesal fasal bumiputera Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini satu minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Ok, okay tadi saya ...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar : Ha, okay , okay.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Saya bukan apa saya hendak tanya sedikit dalam dasar kerajaan kita, kita dah katakan bumiputera diberi peluang untuk *participate* dalam apa jua perniagaan. Jadi apabila projek yang begitu besar tidak diberi usaha sama dengan bumiputera bagaimanakah bumiputera hendak mempelajari cara-cara hendak membina lapangan terbang dan sebagainya. Jadi adakah Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada kerajaan supaya mempertimbangkan kembali keputusan yang telah dibuat itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang masalahnya Tuan Yang di-Pertua, Yang terhormat Jerai lapangan terbang ada dah siap, ada setengah siap, ada yang akan siap, ada yang setelah dimula, ada pelantikan kontraktor-kontraktor sampingan mereka sendiri. Jadi soalan untuk membawa bumiputera masuk terlibat sama dalam persoalan ini sudah terlambat dan tidak ada peluang lagi, Yang terhormat. Kita hanya boleh menangis dengan air mata darah, sedih dan kecewa tetapi peluang untuk masuk itu tidak wujud lagi bagi kita. Jadi, yang monopoli itu ialah *Global Upline* yang namanya semua orang bumiputera menjadi pengarahnya tetapi di belakangnya semua orang tahu. Kalau tidak tahu tanya mana-mana Ahli Parlimen Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi perkara yang penting sekali biofuel dan biodiesel. Tuan Yang di-Pertua, dua elemen yang pendorong kepada biofuel dan biodiesel ini menjadi perkara terkini ialah kepekaan negara di dunia kepada alam sekitar yang memusnahkan ozon layer kerana pengeluaran *carbon dioxide* dari *cost of fuel*. Yang kedua kenaikan harga minyak yang mendadak. Tetapi malang bagi kita bahawa kita belum lagi melihat biofuel dan biodiesel ini sebagai satu realiti.

Kita hanya bercakap tidak berhenti bercakap dan saya bercakap menggesa kementerian semenjak 5 tahun dahulu, tetapi kereta atau penjana bio-fuel dan bio-diesel belum lagi mendapat tempat. Negara-negara lain seperti Brazil, Amerika, Sweden, Germany, Australia, Cina dan Ghana telah menerokai bidang ini. Tahukah Tuan Yang di-Pertua, 20 peratus ke 60 peratus dari minyak gasolin di Brazil adalah daripada *ethanol*, ataupun '*ethal*' ataupun *grain* alkohol, sejenis alkohol yang diperbuat daripada bijirin ataupun tebu. Penggunaannya bukanlah terhad kepada kereta, tetapi kepada kapal terbang juga telah menggunakan *ethanol* di Brazil. Brazil telah melaksanakan pelaburan tempatan dan luar negara, melabur USD6 bilion dalam masa 5 tahun untuk penanaman bijirin dan pembuatan ethanol di negara mereka.

China sekarang telah membina beberapa *ethanol plant* dan menghantar pakar saintis botanis ke Brazil untuk belajar daripada Brazil yang *dibrand* sebagai *super efficient* dalam bidang *ethanol* ini. Amerika telah pun mengeluarkan *ethanol* dengan menggunakan jagung sebagai bahan bakar. Alternatif, dijangka akan berupaya menggantikan tiga peratus bahan bakar untuk pengangkutan. Bahkan Amerika telah meluluskan undang-undang untuk memperhebatkan lagi...

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Mambong bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...penggunaan *ethanol* bagi bahan bakar kepada kenderaan. Tunggu sekejap ya. Di samping ini Amerika juga akan bekerjasama dengan Brazil untuk membangunkan *ethanol fuel* untuk kenderaan kerana Brazil sekarang boleh menjual *ethanol* dengan harga USD25 iaitu setengah dari harga minyak mentah, *crude oil* Tuan Yang di-Pertua, ya sila Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih rakan dari Santubong. Ini tentang *ethanol* dan *methanol*, adalah dua bahan tenaga yang berbeza. Teknologi-teknologi ini memang sudah diketahui umum lebih-lebih lagi di Sarawak di kalangan kaum Dayak. Jangan sahaja orang Iban, orang Bidayuh juga, *ethanol* adalah arak yang diperbuat daripada proses *fermentation* nasikah, *fermentation* jagungkah dan lain-lain. Ia berlainan daripada bio-diesel tetapi *ethanol* ini memang dikatakan bio-fuel dia punya *delivery energy* kurang lagi daripada bio-diesel. Bio-diesel ini lebih tinggi lagi *delivery energy* yang diguna pakai di kereta.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Santubong ini, bolehkah kita memajukan teknologi ini yang sedia ada di Sarawak, *indigenous* teknologi yang memang diguna pakai selama ini untuk membuat 'langkau'? Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, inilah yang menjadi cerita ini lebih sedih lagi Yang Berhormat kerana teknologi ini sebenarnya kita sudah tahu benda ini mereka buat. Itulah kenapa di Brazil dia lebih maju kerana orang Brazil perangnya macam orang Sarawak juga, dia minum arak ini daripada *fermentation* daripada barang-barang lebih, bahkan daripada buah nanas dan sebagainya. Semua *di-fermented* dan boleh digunakan menjadi arak dan digunakan sebagai tenaga kereta. Jadi biarkan saya habiskan cerita saya dan berapa lagi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua terima kasih lagi kerana memberi saya peluang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah habis sepatutnya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Berapa penggunaan kereta? Di Germany ini telah membuat tawaran kereta 100 peratus boleh menggunakan bio-diesel. Di samping itu membuat undang-undang penggalakan penggunaan bio-diesel di Germany bukan sahaja menggunakan bijirin, *sugar cane* sebagai bio-fuel, iaitu *ethanol* tadi, tetapi juga daripada lemak binatang. Jadi bas di bandar Sweden dan di Australia telah pun menggunakan bio-fuel dan bahan alternatif lain seperti baki minyak masak daripada *fast food outlet* seperti McDonald. Canada juga menukarkan buangan gandum dan bijirin menjadikan bahan bio-diesel kerana akan mengurangkan pengimportan minyak sebanyak USD240 juta kerana beralih kepada bio-fuel yang dibuat daripada '*fast growing physic nuts*'. Di Indonesia, Fiji, Venezuela juga telah membuat inisiatif ini sekurang-kurangnya R&D seluruh South America, USA, UE .sedang membuat penyelidikan ke atas jenis tanaman yang boleh dijadikan *ethanol*. Tetapi kita Tuan Yang di-Pertua mempunyai banyak bahan dan bahan buangan dan mempunyai kepakaran, ini yang saya sebut Yang Berhormat, "kepakaran". Bukan sahaja daripada kelapa sawit tetapi daripada banyak bahan lain, kelapa sawit, kelapa, tebu, padi, minyak, beras, semua boleh dipakai, tetapi masih leka dengan penggunaan *fossil fuel*, *fossil fuel* akan habis mungkin tidak dalam masa 20 tahun, tetapi kenyataan ialah akan menjadi lebih mahal, penuh dengan kerenah politik antarabangsa dan bekalannya berkurangan juga. Jadi kita tidak ada pilihan lain melainkan mencari bahan alternatif bagi peringkat pertama biarlah lebih mudah dan senang, dan cari *fossil fuel* dan bio-diesel ini.

Tuan Yang di-Pertua, alternatif kedua ialah *hydrogen power* sebelum *ultimate power*, *nuclear power* digunakan. Untuk itu menjana kuasa menjadi pilihan terakhir. Biarlah saya membincangkan *hydrogen power* dahulu. Saya cukup yakin bahawa kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat baru hendak mula berucap sahaja?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung Yang Berhormat?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ada sedikit Yang Berhormat. Saya cukup yakin bahawa kita mengetahui hala tuju industri masa hadapan yang perlukan minyak sebagai alternatif, kerana telah banyak di negara-negara lain, dunia untuk menghebatkan penukaran bio-fuel kepada diesel kepada bahan baru materialnya. Amerika umpamanya telah menjanjikan *hydrogen economy* selewat-lewatnya 17 tahun yang akan datang. November 2003, Australia, Brazil, Canada, Cina, Eropah, European Commission, France, Germany, Iceland, India, Itali, Japan, Korea, Norway, Russia dan UK telah menandatangani *the term of reference* untuk membangunkan *hydrogen power economy*. Jadi di mana letaknya Malaysia, adakah Malaysia juga mengambil inisiatif ini supaya terlibat sama, jangan ketinggalan pada masa akan datang Tuan Yang di-Pertua? Canada Stuart Energy bekerjasama dengan Cheung Kong Infrastructure Holdings, Hong Kong telah menubuhkan kaedah dan piawaian untuk perjanjian hydrogen power ini. Stuart Energy Canada telah menunjukkan kebolehan mereka membuat back-up apabila bahagian Ontario, bahagian utara Amerika Syarikat keputusan tenaga dalam masa 8 *second restore* kuasa kepada negeri-negeri tersebut.

Jadi sekarang Stuart Energy telah memperkenalkan hidrogen stesen di Sweden untuk membekalkan *hybrid hydrogen fuel* kepada bas di bandar Malmö. Jadi Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang telah terlibat Dalian Institute of Chemical Physics di negeri China buat kajian. Honda Motor Jepun telah membina satu stesen untuk membina hidrogen dari gas asli, guna *fuel cell* kegunaan kenderaan bermotor.

Sementara dalam masa yang sama, 'Indemitsu Kosun Company', stesen di Hadano, Korea juga telah terlibat dengan pengeluaran hidrogen daripada minyak tanah untuk *fuel cell* kegunaan kereta. Singapura kerjasama dengan Daimler dan Chrysler mengeluarkan kereta dengan menggunakan kuasa hidrogen.

Jadi dengan itu saya ingin menyarankan supaya pihak kerajaan menyarankan kepada pihak Proton, menyarankan kepada pihak Petronas supaya membuat *research and development* daripada segi hydrogen power ini supaya boleh kita gunakan pada masa hadapan, supaya kita tidak akan ketandusan, dan kereta kita boleh jual di antarabangsa dan boleh menarik minat dan perhatian orang menggunakan power alternative kepada Proton kita, dan kita boleh menjual Proton kita di mana-mana sahaja, kalau kita boleh menjual dengan kuasa alternatif dengan syarat kita boleh mempromosikan hidrogen ini dan hidrogen ini bekalannya boleh didapati *next door to our filling station* yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung, terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Jerai.

12.09 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan selamat menyambut bulan puasa pada Muslimin dan Muslimat sekalian dan kepada mereka yang bukan beragama Islam, selamat menghayati bulan Ramadhan ini. Uniknya Malaysia kita dapat lihat walaupun dalam bulan Ramadhan kita bekerja tidak mengira masa dan waktu. Di samping itu juga kita lihat rakan-rakan kita yang bukan Islam menghormati kita dan di sebelah petangnya apabila kita berbuka puasa insya-Allah kita akan lihat rakan-rakan kita yang bukan Islam bersama-sama dengan kita, sama ada di hotel ataupun di mana-mana berbuka puasa bersama.

Inilah yang unik di Malaysia sebuah negara Islam yang sederhana, tetapi diterima oleh segolongan rakyat dalam negara ini dan kita saling hormat-menghormati, tidak begitu Kepong? [*sambil memandang ke arah Yang Berhormat Kepong*] Ya, Kepong sokong. Tidak begitu yang bagi Pasir Mas? Assalamualaikum. Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun sokong. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyokong Belanjawan kesederhanaan dan keprihatinan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. RM116 bilion telah diperuntukkan untuk kita selesaikan bagi tahun

2006. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingati sesama kita peruntukkan ini harus diselesaikan. Kadang-kadang kita dapat lihat peruntukkan-peruntukkan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh kerajaan, tidak dapat dibelanjakan dan ini merugikan. Matlamat telah kita ada, peruntukkan telah kita bagi, tetapi tidak dapat kita jalankan dan tidak dapat kita buat disebabkan oleh birokrasi, disebabkan oleh perhubungan yang tidak secocok di antara kadang-kadang pegawai kerajaan, tokoh politik dan juga dengan pihak rakyat.

Jadi kita kena ada satu aliran. Pegawai-pegawai kerajaan, orang politik dan rakyat harus faham bahawa segala pembentangan Belanjawan ini adalah untuk rakyat dan ini adalah tanggungjawab kita. Kalau kita tidak bekerjasama, benda itu akan jadi terlepas. Yang susah, rakyat. Kadang-kadang peruntukan sudah ada, tetapi disebabkan oleh syarat itu, syarat ini dan kelewatan menjalankan tugas dan tanggungjawab, rakyat yang menanggung penderitaan. Kadang-kadang rakyat sudah terlampau marah, dia memanggil pasukan TV dan sebagainya, dan menyebut wakil rakyat, akhirnya sasaran yang kena adalah wakil rakyat. Sedangkan wakil rakyat telah membuat kerjanya, telah menjalankan tugasnya, tetapi tidak apalah. Kami menerima itu kerana ini adalah tugas kami. Tetapi janganlah selalu sangat wakil rakyat dipersalahkan kerana kelewatan projek, sedangkan projek peruntukkan semua sudah ada, tetapi *implementation* projek itu, dengan izin, tidak dapat dijalankan oleh sebab kelemahan-kelemahan pentadbiran yang tertentu. Saya boleh bagi contoh....

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Jerai. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai ada mengatakan bahawa semacam ada satu trend di kalangan stesen-stesen televisyen sekarang ini yang semacam mendahului dan membongkar isu-isu rakyat. Kita ucap terima kasih kepada TV3, NTV7 yang ada suatu rancangan khas, *Edisi Siasat* ataupun mengutarakan tentang kemiskinan di kalangan rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai tentang trend ini? Kalau trend ini berterusan, nampaknya bahawa semacam memperlihatkan berlakunya suatu kelemahan birokrasi yang ketara di antara kerajaan dengan rakyat. TV ini tidak apalah, dia mungkin ada satu tanggungjawab. Tetapi apabila trend ini nanti berleluasa, adakah ini memberikan suatu *sad back*, suatu gambaran yang tidak baik terhadap pentadbiran kerajaan? Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat. Di sinilah saya minta tadi kemuafakatan di antara seluruh jentera kerajaan sama ada jentera penerangan, jentera TV dan sebagainya berpakat. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, macam kita bukan tidak tahu benda itu. Benda itu kadang-kadang orang kampung bising kata jalan tidak ada dan sebagainya. Kita ada buat permohonan, wakil rakyat sudah buat permohonan, permohonan dihantar di kementerian. Kementerian akan proses. Kalau ada duit, Insya-Allah dia akan balik. Saya bersetuju dengan pihak TV-TV stesen menayangkan iaitu contohnya, *'Bersamamu'*. Ini adalah untuk kebaikan, dan ini saya setuju kerana mereka juga membantu kerajaan untuk mengatasi masalah kesusahan dan kemiskinan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Program Karam Singh, Yang Berhormat tidak setuju?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Program Karam Singh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Karam Singh itu pun kadang-kadang okey, tetapi kadang-kadang *over* sedikit. Dia okay.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat berpuasa Tuan Yang di-Pertua dan selamat berpuasa Yang Berhormat bagi Jerai. Boleh tahan juga Yang Berhormat bagi Jerai bulan puasa bercakap tengah hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Nasib baik saya semalam sudah bercakap. *[Ketawa]* Ini tentang TV, semalam saya bangkitkan dalam saya punya perbualan, apabila Hattan tidak mengaku salah. Dia kata tidak salah. Saya dengar dia punya Setiausaha Agong FM pula kata, dia pun tidak salah. Tidak salah lagu *Negaraku* yang dinyanyikan itu. Bagi saya yang lebih dahulu dengar, lagu *Negaraku* itu lebih dahulu daripada Hattan. Pasal umur saya lebih daripada umur *Hattan*. Hafal lagu ini. Jadi, dia kata tidak salah, saya kata salah. Pembaca pun *response* macam-macam kat TV, kat radio, membaca kat surat khabar. Yang TV 1 kenapa, kita minta jasa baik TV 1, siarkanlah malam ini. Tetapi malam ini sudah Tarawih, kita sudah tidak dapat hendak tengok. Bila agaknya yang bagus.

Pukul 1.30 itu beritanya, berita pukul 1.30 itu pun sudah lewat sangatlah. Kalau pukul 11 agaknya, cuba dia punya baris yang akhir itu tunjukkan. Baru tahulah. Pasal kalau TV 1, untuk bersama-sama bertanggungjawablah kita hendak menjaga kedaulatan perkara-perkara yang menjadi kemegahan, kedaulatan negara itu, dia ada lambang-lambang itu, kalau TV 1 benar-benar rasa bertanggungjawab, macam juga Menteri Kesenian kata hendak berpakat dengan Menteri Penerangan. Keluarkanlah, tetapi beritahulah biar kita ramai-ramai tengok. Hendak tengok siapa salah, siapa tidak salah. Tetapi pokok di sini bukan soal siap salah, siapa tidak salah. Soalnya, macam mana kita hendak menghormati lambang-lambang kemegahan negara. Terima kasih, ambil masa sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading tetapi kita cari satu jalan, mungkin kita boleh juga minta dia punya *tape* itu daripada TV 1, kemudian kita tengok sendiri, ataupun kita beri peluang *replay match*. Mungkin dia sudah main atau belum, kalau belum main, main sekali lagi suruh *replay match* benda itu dan kita tengok. Mungkin kadang-kadang penyanyi ini bila dia 'karan' lebih, dia pi lah. Sebab itu orang ini dia tidak boleh 'karan', apabila dia 'karan', Tuan Yang di-Pertua, dia hilang *track* dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 'Karan' itu apa dia Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia seronok lebih, dia syok lebih. Jadi, di sebelah Kedah kata '*karan*'. Jadi apabila dia '*karan*' lebih itu, yang hujung itu pun depa panjang. Jadi, Yang Berhormat bagi Sri Gading mungkin *Hattan* malam itu dia '*karan*' lebih. Pasal dia tengok seronok sudah menang apa semua, '*karan*' semua mai kat dia, dia sudah terlupa seni kata dia ikut cara dia. Jadi yang ini kes '*karan*'. *[Ketawa]*

Berbalik kepada tadi, maknanya kita bersetuju macam Yang Berhormat bagi Kubang kerian kata tadi, saya setuju. Semua kena main peranan. Bukan kerajaan semata-mata. Berkali-kali saya sudah katakan, kerajaan adalah eksekutif yang mentadbirkan negara. Tetapi rakyat juga perlu membantu kerajaan, macam sekarang ini Pak Lah kata. Kita tengok *time* Belanjawan. Belanjawan ini, Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang besar, RM116 bilion, tetapi mengurus adalah macam tadi, Yang Berhormat bagi Santubong kata 81 dan pembangunan 35. Kalau kita kata berniaga, bankraplah kes macam ini, tiada keuntungan. Tetapi kita memerlukan pengurusan, supaya kita mendapat satu pasukan pentadbiran yang baik untuk menolong rakyat.

Gaji, kemudahan itu dan kemudahan ini yang didapati walaupun kadang-kadang kami ini, wakil-wakil rakyat ini bukan dapat tang mana sangat. Tidak adalah kemudahan-kemudahan. Alhamdulillahlah, adalah sedikit sebanyak. Tetapi pengorbanan pun banyak. Jadi, kerajaan membentuk pengurusan untuk pembangunan sebanyak RM35 bilion. Pak Lah pun bagi tahu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi tahu baru ini, rakyat kena

budget perbelanjaan dia. Saya pernah minta kerajaan, kementerian-kementerian *budget* perbelanjaan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apa, apa khabar kamu itu? *[Bercakap loghat Sarawak]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai. Ini soal pengurusan pentadbiran kerajaan, saya ingin berkongsi pendapat daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Perdana Menteri ada pernah membuat saranan beberapa kali tentang perbelanjaan pengurusan ini.

Apa pendapat Yang Berhormat bagi Jerai terhadap pengurusan-pengurusan yang membazir. Misalnya, kita punya keraian, kita menyediakan makanan yang berlebihan. Bahkan siapa yang hendak makan apa yang dihidangkan itu sikit sahaja. Yang lebih itu masuk tong sampah. Sama juga dengan bekalan elektrik, penggunaan tenaga. Seorang pengarah - bos di sesuatu pejabat, semua bangunannya dinyalakan. Sama juga dengan penggunaan air. *Paip* yang rosak tidak diperbaiki di pejabat-pejabat kerajaan. Pelupusan kereta-kereta yang terpakai masih lagi berlonggok di kawasan pejabat-pejabat kerajaan, terutama sekali pejabat-pejabat JKR. Jadi, siapa yang bertanggungjawab ini? Siapa punya duit itu? Yang Berhormat bagi Jerai, saya minta penjelasan sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dalam Islam, betulkan saya kalau saya silap. Pembaziran itu dilaknat Allah. Betulkah tidak, Tuan Yang di-Pertua? *[Bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua]* Bermakna kita jangan membazir, kerana mungkin yang kita membazir itu rezeki orang lain. Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat tadi. Kadang-kadang kita buat satu-satu majlis itu, majlis-majlis sambutan itu beria-ia sangat sampaikan *over* kita buat, melebihi.

Negara kita membuat *conference* banyak sangat. Seminar antarabangsa, yang panggil mai daripada dunia yang ketiga. Kemudian kita *lavish*, belanja sakan. Saya pun biasa ikutlah Menteri. Saya *level* Ahli Parlimen biasa ini, bukan boleh tera mana, ikut kot belakang itulah. Kadang-kadang kita pi negeri orang, pukul 10.00 minum teh pun tidak ada *conference* depa. Hang *conferencelah*, *breakfast* itu pagi sampai *lunch*, tidak ada *tea-break* apa semualah. Kita ini hendak buat *conference*, jawatankuasa sahaja pun padalah. Jawatankuasa makan minum, tidak ada kerja lain dah. Kuih spera hendak buat itu pun jenis besar mana, jenis bubuh sekali, kulum telan ataupun jenis tokak dua kali, yang itu pun ambil kira. Kuih spera ini macam karipaplah. Orang Kedah kata spera. *[Ketawa]* Sampai macam itu. bawa mai, bubuh dalam hotel-hotel *five star*.

Saya hendak tanyalah kepada pihak kerajaan, jenis-jenis *conference* yang kita buat ini, berapa million kita belanja setahun-setahun untuk mengadakan seminar-seminar. *conference-conference* yang tertentu. Kalau kita pergi negeri orang lain, tidak tera mana pun. Kadang-kadang *conference* sama *conference* sahaja, balik dok situlah. Tahun depan mai pula. Jadi yang ini pembaziran. Saya hendak minta kepada pihak kerajaan supaya kurangkan yang ini kerana rakyat di kampung memerlukan. Depa tidak mahu *conference*. Depa mahu infrastruktur. Depa mahu jalan, depa mahu air. *It is not the conference they want*, dengan izin. *It is the infrastructure they need.* *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Sudah habis? *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Belum habis, semangat. *I am coming alright now. Don't worry.* Jadi saya mintalah daripada Menteri. Kalau dia mai pun, sambut ala kadarlah. Bunga manggar ini pun tidak usahlah. Buat semak sahaja. Nanti cocok biji mata kita itu, yang wayar mangga itu. Kasihan kadang-kadang. Jadi tok sah. Mai cara betul-betul. Kadang-kadang benda ini baru pelancaran Tuan Yang di-Pertua, bukan kejayaan lagi. Pelancaran pun kos untuk melancarkan beratus ribu, tidak tahu hendak katalah. Ini fasal bulan Ramadhan saya dok *cut down* sikit, kot-kot saya mengumpat, saya dok *balance*. Bila mengumpat, hilang dosa. Balik sat ini, apa pun tidak boleh, penat sahaja. Jadi dok *adjust* Tuan Yang di-Pertua, dok *adjust* ini. Tetapi insya-Allah, bukan saya niat hendak mengumpat, bukan hendak niat mengata. Insya-Allah, mudah-mudahan Tuhan faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak hilang dosa Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hilang pahala, bukan hilang dosa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau mengumpat, bukan hilang dosa, hilang pahala.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hilang pahala, hilang pahala. *[Ketawa]* Jadi, tolong. Kata hendak buat bangunan besar, tidak payah bubuh batu asas, tidak payahlah panggil mai hendak bubuh batu asas. Buat dulu siap, tunjuk baru panggil rasmi.

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga Ahli Yang Berhormat yang lain bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Jimmy Donald: Sri Aman, Sri Aman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Aman, Lipis dan Ledang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ini.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bagi Lipislah, Lipis. Minta pendek-pendeklah, bagi peluang semua orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis sila. Yang lain sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Masa terhad. Cerita panjang.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Jadi ini satu lagi aspek pengurusan kerajaan ini. Tadi pembaziran. Ini satu lagi tadi yang berkait dengan PBT ini. Bila saya dengar cerita PBT

tadi masa soal jawab, saya terfikir juga yang bahawa PTB ini kadang-kadang memang di urus secara macam kongsi gelaplah.

Seorang Ahli: Kongsi gelap. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Hmm, kongsi gelap. Saya bersetuju. Kadang-kadang terfikir bersetuju juga sebab ini ada satu contoh. PBT, majlis daerah, setiausahaanya tidak ada, baru hendak dilantik. Saya dengar sudah tiga kali temu duga tetapi tidak ada calon.

Walaupun banyak calon yang datang untuk temu duga tetapi, tidak ada calon yang dilantik, sudah tiga kali. Jadi bila saya tanya mengapa tidak dilantik, takkan tidak ada calon langsung daripada semua siswazah yang banyak menganggur ini, yang layak untuk menjadi setiausaha majlis daerah? Jadi dengar ceritalah. Betul tidak betul ini, tidak tahu. Tetapi dengar cerita, katanya kerana penolong setiausahaanya sekarang ini sedang belajar untuk mengambil Ijazah Pertama. Jadi kita hendak tunggu sampai calon penolong setiausaha...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan dia Yang Berhormat, soalan.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Ini soalan dia adalah apa ini, sekejap lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]*.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Hendak cerita sikit fasal bulan puasa kena cerita sikit. Penolong setiausaha ini dapat Ijazah Pertama, selepas itu barulah kita buat temu duga dan kita lantik penolong setiausaha ini. Kemudian, saya tanya lagi, rupanya ada seorang ketua kerani, sudah ada Ijazah, tetapi masa temu duga tidak dipanggil, takut beliau ini layak dan dilantik. Jadi, macam kongsi gelap jugalah rasanya cara mainan itu, macam mana?

Seorang Ahli: Pakat-pakat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Pakat-pakat ini, macam pakat-pakat. Macam mana ini Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita ini di bulan-bulan baik ini, kerajaan ini, jangan kita sebut kongsi gelap kepada jabatan kerajaan. Jadi saya pun tidak berapa setuju cara *approach* macam itu. Mungkin pentadbiran dia tidak elok, tidak betul dan saya akui. Sebab itulah tadi mukadimah saya hendak kerjasama ini. Tetapi jangan kita sampai kata kongsi gelap. Kongsi gelap ini maknanya teruklah. Ini kira masuk jail punya kerja ini. Jadi, mereka pun manusia, kita pun manusia.

Mereka pun kadang-kadang mempunyai *constraint* dia, masalah mereka, pentadbiran. Yang inilah yang saya katakan pegawai pentadbir dengan orang politik, dengan rakyat ini dengan kerjasama. Kadang-kadang dasar yang kita buat ini elok. Pegawai kerajaan hendak *implement* elok tetapi rakyat tidak boleh terima. Dia kena patah balik mai beritahu wakil rakyat, rakyat tidak boleh terima. Kita pun bawa balik dalam Parlimen, perbetulkan bagi rakyat terima. Jadi...

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Allah, saya ini macam mana masa ini? Ya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey. Bulan puasa kena beralah. Tidak apa Dato' oi. *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat kami, Yang Berhormat bagi Jerai. Sahabat kami Tuan Yang di-Pertua. Begini

Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat bagi Jerai, saya terfikir tadi apabila mendengar hujah daripada Jerai, bahawa sebenarnya kita sedang berdepan dengan krisis keutamaan. Orang bercakap kita tidak cukup peruntukan, tidak cukup duit, saya tidak percaya sebab dia tidak cukup kerana salah belanja. Seperti Yang Berhormat bagi Jerai sebut tadi, ada yang tidak utama belanja dulu.

Saya hendak pujilah Kementerian Kewangan dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Baru-baru ini dia buat taklimat. Taklimat bajet di bangunan Parlimen. Taklimat keselamatan dalam negeri di Bukit Aman, tidak payah di hotel. Hal di hotel, biarlah dia cara lain. Begitu juga perbelanjaan peruntukan di kampung-kampung. Yang tahu tentang sesuatu projek yang utama ialah wakil rakyat. Jadi adakah Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju supaya wakil rakyat ini dilibatkan tentang membelanjakan peruntukan untuk program-program atau projek-projek yang utama. Sila Yang Berhormat bagi Jerai. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memanglah keutamaan. Keutamaan (*Priority*), harus kita susun. Dalam segi pegawai-pegawai kerajaan sudah buat kertas bajet ini pun, adalah di atas keutamaan. Selepas itu, Kementerian Perbendaharaan dia potong, pi potong mai. Jadi ini dia yang ada duit banyak ini. Yang itu saya faham. Tetapi apabila kita hendak *implementkan*, *implement* dengan berhemah. Hadiah pun tidak bagi, tidak apa. Saya kadang-kadang pun di kampung, "Ishh kata tak usahlah bagi hadiah dekat aku. Tetapi dah hampa bagi, aku ambillah, kalau tidak hampa kecil hati pula". [*Ketawa*] Tidak, ini betul. Tak usah bagi hadiah.

Tuan Jimmy Donald: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya Sri Aman, kawan lama. Sila.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Ini memang kawan lama, dulu kawan dari Yan sekarang dari Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh tak bagi tapi kena bagi.

Tuan Jimmy Donald: Okey, dulu kawan dari Yan, tetapi sekarang dari Jerai, begitu lama. Bercakap tentang hadiah ini, Yang Berhormat dari Jerai, kita di Malaysia mengamalkan satu sikap yang saya rasa sangat membimbangkan. Kita memberi hadiah cenderamata yang begitu berharga kepada pemimpin kita. Kadang-kadang pemimpin kita berada di sana dua puluh tahun. Saya nampak rumah mereka kadang-kadang tidak ada tempat lagi untuk menyimpan cenderamata dan cenderahati dan hadiah-hadiah. Setujukah Yang Berhormat kalau kita minta jangan bagi cenderamata, oleh kerana kadang-kadang pemimpin kita pun bingung tak tahu di mana hendak letak hadiah mereka. Yang kedua, masalah hendak mengadakan majlis, kita menyusun cara duduk, tempat duduk, protokol bukan main hebat di hotel-hotel dan dewan-dewan. Ini juga membazir dan kita nampak di negara-negara lain, presiden itu, perdana menteri itu, bila masa, pukul 9.00 dia patut bercakap dia datang, selepas bercakap dia lari. Jadi tidak ada menyusahkan orang. Jadi macam mana kalau kita membuat penjimatan dari segi itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, saya macam ini, hadiah kalau nak dibagi, kadang-kadang pergi ke kampung, orang kampung niat nak bagi itu ikhlas, tak apa, jangan guna duit rakyat. Yang tu saya tak mahu. Kalau kita ambil peruntukan kerajaan, pergi beli hadiah untuk pembesar, untuk wakil rakyat untuk siapa la, yang itu kita ambil duit rakyat, bagi tak boleh, adakah rakyat bersetuju. Masalah ini kita kira duit ni duit rakyat, bukan duit kita. Jadi kalau kita ambil duit rakyat, pergi bagi kat saya, rakyat tak setuju, saya tak seronok. Tapi kalau saya pergi ke kampung, dia nak bagi saya apa ka, karas ka, apa ka, buh dalam raga hamper itu, durian empat lima biji, yang itu dia bagi ikhlas, nak tunggu apa lagi, ambillah dah dia bagi, yang itu tak salah dia ikhlas. Tetapi jangan kita, oh kita nak bagi hadiah apa ni, nak siap hadiah dan sebagainya. Ketua pun kena siap besar ni, pasal Menteri mai, kita buat bagi elok-elok supaya dia pun cepatlh naik sikit. Jadi yang itu tak boleh. Kita ada dewan-dewan kerajaan, kita ada pusat-pusat konvensyen yang dibuat oleh kerajaan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Tidak puas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nanti saya mahu kasi puas.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Belum puas. Ada yang terlupa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Aku kasi puas nanti.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Tuan Yang di-Pertua, setujukah sahabat saya dari Jerai kalau Ahli-ahli Parlimen buat satu contoh, satu teladan kepada pegawai-pegawai kerajaan seperti apa yang kita buat di *coffee house*, kita minum kopi satu cawan, teh satu cawan, mee sedikit saja, satu biji telur dan kalau keraian perkahwinan kita makan Meggi mee saja, setuju tak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, sebiji saja telur, satu lagi mana pergi? *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apa, puasa, astragfirullah al-adzim. Jadi begini, konvensyen-konvensyen Yang Berhormat Putatan, patut dibuat di bangunan-bangunan kerajaan. Kita buat di hotel lima bintang, Yang Berhormat tau tak, satu kepala makan nasi setengah hari, RM70, RM80. Lauk makan itu, hak makan di kampung saya, kena dengan ikan keli, ikan temenong, gulai dengan bubuh kacang bendir, ikan masin sikit, pekasam sikit, dia punya *current* sikit lebih sedap dari lima bintang, baru RM3, penuh pinggan. Jadi itu pembaziran, kadang-kadang saya tengok, kesian sayang ni, kalau belah-belah kampung la, ya Allah hai, makan nasi biasa. Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bila musim getah harga jatuh dulu dengan hujang, orang kampung makan nasi, ambik cabai Melaka dengan toyu (kicap), patah cabai makan nasi dengan itu saja, untuk nak isi perut saja. Kita tengok di sini kadang-kadang, lailahailallah, makan la sikit, tak usahlah membazir, sayang ni rezeki yang Allah Taala bagi, di bulan Ramadhan ni, Tuhan kata jangan membazir, sedekah-sedekahlah, tak begitukah Setiausaha Parlimen. Bukan Hal Ehwal Islam semasa, dak, ni saya nak terang.

Jadi minta tolong, kalau pelancaran benda itu tak usah dok buat. Bila dah siap nak rasmi tak apalah, kita nak buat 'Qulhu' sikit kah, nak baca Fatihah sikit, doa selamat minta berkat Allah Ta'ala, itu tak apa. Tetapi pi bubuh batu asa saja belanja dekat RM500 ribu, RM600 ribu, pi hendak letak batu asas kemudian hendak tembak, keluar asap, 'pum pang-, pum pang,' buat apa pi tembak asap tu, senak perut kita tengok, bila rasmi saja Tuan Yang di-Pertua, pung! meletup, keluarlah kertas dengan asap. Asap di jalan dah tak larat dah, dengan asap rokok, asap jalan, asap ni pun tembak mai lagi, kadang-kadang bukan tembak ikut tepi, tembak ikut bawah, naik pula lagi, keluar kertas-kertas kecil tu. Itu pembaziran bukan satu keindahan. Keindahan lain, pembaziran itu mudharat, bukan itu kata-kata seronok, dah juga.

Jadi tolong jangan buat macam tu, kesian ni pakcik nak mai *welfare* ni pun kadang tiga bulan tak sampai, teketak-ketak mai kat kita. Jadi ini saya minta, yang ni kami tak boleh buat, kami wakil rakyat pun bukan bawa kebesaran, tak mau, pasal kami pun mai ikut bawah, asal orang susah, tak begitu Putatan. Putatan dulu jalan kaki, dia naik bukit, dekat Sabah sana, betul ka, aku tak bohong, betul kan, jalan kaki mai kuliah. Jadi kita tak mau itu semua, pasal apa? rakyat masih melihat dan rakyat memerlukan. Kemudian keramaian-keramaian - Citawarna, tak warna ka warna sampai dah tak ada warna dah, kita dok bubuh ni kesian, hak di kampung tu baju pun tak dak.

Jadi saya harap pegawai kerajaan, jangan kecil hati, saya nak habak, kadang-kadang tak apa la, nak jaga tauke pun jagalah, patut padanlah, kesian rakyat. Jadi kalau kita *cut* kos yang tu, *conference* besar-besar pun tak usahlah, sampai seorang sebiji kereta. Saya biasa pergi negeri-negeri, naik kereta tak besar mana, kadang-kadang dia buh atas van saja, naiklah kami Ahli Parlimen duk dalam van, kadang-kadang van pun tak naik, naik teksi la, tak apalah, mailah conference, pasal apa nak bagi yang tu, yang ni, tutup jalan, tak apalah untuk Perdana Menteri okeylah, sampai ambik kereta jenis model baru

kena bagi, bagi Proton tak apalah, ni pegi bagi kereta import ni yang saya naik garang ni, teringat ilham itu tak sat ni. Pembesar negara mai kita *conference* di Malaysia kita pakai kereta Mercedes, kita pakai BMW, Proton Saga kita buh dalam raga, mana boleh, bagi depa naik Proton. *This is our national car, we are proud of our national car*, presiden or no presiden, *this is the car for you to go in*, dengan izin. *Thank you very much. I really appreciate.*

Jadi ini pun juga, okey, kita selesaikan yang itu. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, kita kerjasamalah macam tadi di Yan, tsunami, duit mai bulan dua belas, Menteri Luar Bandar bagi kat saya, suruh buat titi, tiga, empat titi, sampai hari ini tak siap lagi titi, kelulusan dah ada, duit ada, rakyat marah kat saya, "Ni Dato' kami nak pegi sembahyang tarawih macam mana?" Hampa berenanglah, ambik air sembahyang sekali, berenang, dah titi putus, daripada bulan dua belas duit mai, sampai hari ni tak boleh buat titi, bukan nak buat titi macam Pulau Pinang, dak, titi boleh motor selisih cukuplah, harga pun tak sampai seratus ribu. Yang ni pun, ah nak salah siapa, orang kampung marahlah saya, orang politik, Dato' tak buat kerja, Dato' pegi Kuala Lumpur Parlimen saja, kami ni nak pergi sembahyang tak boleh, titi pun tak dak, sampai kadang-kadang kampung tu panggil makan kenduri saya pun tak boleh pi, nak pi nak makan pun tak boleh, mai kawan nu kata, "amboi kami titi baru Dato' hoi,

Allah, sakit dada! "Eh, titi kami lebih baik dari titi Pulau Pinang tok oi!" "Hampa ni nak bergaduh dengan aku ka?" Kita bergaduh dengan depa pula, 4 - 5 tahun sekali hendak suruh depa memangkah kita. Jadi yang ini salah siapa? Wakil rakyat hendak cari duit mai. Takkanlah hendak buat titi tu makan setahun, kalau duit tidak ada itu lainlah. Sampai hari ini hendak mari sini, minggu ini pun tidak pacak lagi tiang. Tidak patut, nasib baik bulan puasa kalau tidak, lailahaillallah, naik anginlah. Tidak apalah itu selesai.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap terima kasihlah kepada orang-orang lain, bangsa-bangsa lain dalam Malaysia kerana mereka terima Dasar Ekonomi Baru kita ini, DEB 30%. Ini sebenarnya kita bukan hendak ambil hak mereka, tidak. Janganlah kaum-kaum lain, orang India ke, orang Tionghoa ke, merasa bumiputera hendak ambil, tidak. Ini hak kita dalam Perlembagaan, 30% kita sudah janji. Tok wan, tok nenek kita sudah janji. Kita hendak ambil yang itu. Kalau dalam pentadbiran negara kita boleh berpakat daripada Perikatan dan Barisan Nasional, kenapakah dalam bidang perniagaan kita tidak boleh pakat? Kita kena pakat jugalah. Maknanya kita orang-orang bukan Melayu harus memberi peluang kepada bumiputera untuk hendak naik ke tahap 30%. Kita tidak mahu jurang antara kaum dalam negara kita ini jauh. Kita juga tidak mahu jurang antara miskin dengan orang kaya itu jauh kerana bila ini berlaku negara tidak akan aman. Jadi kita hendak kekalkan keamanan ini. Saya mintalah kepada sesiapa pemimpin-pemimpin dan NGO-NGO, kita jangan mainkan isu ini. Yang 30% ini telah termaktub dalam Perlembagaan, hak kita sebagai bumiputera kerana kita ketinggalan pada ketika itu untuk kita menyeimbangkan ekonomi antara rakyat-rakyat yang ada dalam negara kita ini.

Saya berterima kasih kepada komponen dalam Barisan Nasional memahami konsep ini. Bukan kerajaan hendak memihak kepada sesuatu kaum, tidak. Tetapi kerajaan hendak menyeimbangkan dan peranan ini harus dimainkan oleh pegawai kerajaan sekali lagi untuk mempercepatkan kecapaian 30%. Pasal saya ingat seorang menteri kita kata "*sat naik sat turun sat naik sat turun*", pasal apa macam itu? Hendak buat macam mana? Ekonomi naik turun, naik turun, maka kita pun naik turun naik turunlah, yang ini biasalah.

Saya mengalu-alukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menubuhkan Yayasan Amanah Harta Bumiputera. Tertubuhnya yayasan ini menunjukkan UDA gagal dalam menjalankan amanah dan tugasnya untuk meletakkan orang-orang bumiputera di dalam kawasan-kawasan bandar. Inilah kerenah, inilah yang kita dapat apabila sesuatu badan yang ditubuhkan dan diswastakan lalu akhirnya ia telah menyimpang daripada matlamat penubuhannya. Ini saya hendak pesan kepada agensi-agensi kerajaan yang ada supaya matlamat jangan lari.

Apabila UDA diamanahkan dahulu untuk memberi ruang-ruang menguasai kedai-kedai sikit dalam pekan ini untuk bumiputera duduk, tidak laratlah kita duduk di pinggir jalan, di tepi jalan untuk berniaga. Kita hendak jugalah berniaga di *supermarket* tetapi kerana mereka mementingkan keuntungan daripada sosial dan juga matlamat penubuhan,

akhirnya matlamat tidak kecapaian. Saya percaya penuh, tidak apa Perdana Menteri hendak tubuhkan yayasan ini kerana mereka gagal. Lepas itu diswastakan pula, beri kepada orang, maka habislah kerana *bottom line*lah yang mereka hendak. Ia bukan kira bumiputera boleh berniaga atau tidak boleh berniaga. Sebab itulah kita tengok di Seremban, buat bangunan besar-besar kemudian pajakkan kepada *supermarket* yang besar. Saya tidak hendak sebut nama *supermarket* pasal kita juga yang pergi beli di *supermarket* itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ledang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi tinggal kedai-kedai yang kecil-kecil ini, hak Melayu kita hendak berniaga, hendak duduk di mana? Dengan kipas cuma satu dan bilik air tidak ada. Bila pelanggan hendak kencing kena pergi sana, bersembur tengah jalan, tidak sampai ke bilik air. Eh, Yang Berhormat bagi Ledang kerap pula tanya ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat, Yang Berhormat bagi Jerai. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tentang UDA dan beberapa agensi kerajaan, GLC, yang lari daripada matlamat. Jadi saya hendak bertanya soalan pendek sahaja tentang Tabung Haji. Tabung Haji Plantation akan diapungkan di BSKL pada bulan 12 ini sedangkan tidak mendapat restu pun daripada pendeposit. Ia pun macam Bank Islam, tidak mendapat restu, tidak dapat izin pun. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jerai? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Saya hendak clarified, saya ini pun duduk dalam Tabung Haji, senang – ketelusan. Saya kena beritahu sebenarnya syarikat ladang Tabung Haji itu ialah anak syarikat. Tabung Haji ada Jawatankuasa Pelaburan dan sebagainya jadi jawatankuasa ini telah bagi *green light*. Ia tidak semestinya kena minta daripada semua *shareholder* kerana yang buat kerja macam itu, ASB dan ASN jenuhlah dia hendak melabur, ia kena tanya kepada semua sama ada setuju atau tidak setuju. Jenuhlah. Dia tidak boleh buat begitu Yang Berhormat bagi Ledang oi! Ia kira bila sudah diperbaiki. Tetapi walau bagaimana pun saya *insya-Allah* selagi saya duduk dalam itu, saya akan pertahankan. Kalau ia tidak betul dan menyeleweng, kita kata tidak usah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi yang ini kita pegang kepada dasar perjuangan dan hak kita. Apa lagi Yang Berhormat bagi Jasin? *[Ketawa]* Kas kas!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai, Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji. Biasanya syarikat, kalau ia untung, buat apa ia hendak bagi orang? Biasanya syarikat-syarikat yang dikorporatkan, *going public*, IPO kerana ia memerlukan duit hendak membesarkan perniagaannya. Tabung Haji kita dengar banyak untung. Buat apa keuntungan itu hendak diberi kepada orang lain? Bukankah lebih baik untung itu diberi kepada yang menyimpan duit dalam Tabung Haji? Subsidi orang Islam yang hendak pergi ke Mekah, haji itu diberi subsidi. Adakah Tabung Haji hari ini menghadapi masalah modal? Adakah hari ini Tabung Haji menghadapi soal kekurangan wang? Adakah Tabung Haji Plantation hari ini rugi besar di Indonesia? Ini kami hendak tahu yang menyebabkan Tabung Haji ini hendak diswastakan ataupun hendak *dipublickan*. Sila Yang Berhormat bagi Jerai, Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak boleh jawab sebab saya tidak ada hak untuk menjawab. Yang ini kementerian akan jawab tetapi Tabung Haji dan Tabung Haji Plantation ia ada beza. Tabung Haji Plantation adalah anak syarikat kepada Lembaga Tabung Haji, jadi kemungkinan ia hendak membesarkan lagi perniagaannya tetapi sudah tentu perkara ini kita pastikan bahawa hak mutlak Tabung Haji Plantation itu tidak akan hilang. Bermakna ekuiti maksimum dalam Syarikat Tabung Haji Plantation ini akan masih kekal dalam genggam tangan pihak Tabung Haji. Sudah tentu kita akan kaji balik dan kita akan bantu. Saya tidak boleh....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Allah nanti sat lagi sat lagi. Banyak. Sat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat pun kena gulung, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kena gulung pula dah. Tidak apalah, tanyalah masa lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagilah saya masa sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagilah, bagilah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya bila bercakap mengenai Tabung Haji, saya pun minat jugalah untuk turut sama. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai boleh mencadangkan supaya pelaburan perladangan Tabung Haji di Indonesia ataupun di Sumatera ini dibuka untuk siasatan dan dibentangkan ataupun kita mengundang Jawatankuasa PAC untuk siasat pelaburan yang mengalami kerugian di Indonesia ini supaya perkara yang sama tidak berulang. Katakan dia hendak *public listed*kan Tabung Haji Perladangan ini mungkin kita ada meletakkan beberapa *precaution* supaya perkara yang sama tidak akan berlaku. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, itu cadangan cukup baik, saya akan bawa dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. PAC mana boleh masuk mana-mana hak kerajaan, tidak ada masalah. Memang suatu ketika dahulu Tabung Haji agak kesukaran tetapi setelah Yang Berhormat daripada Parit Buntar kita jadi menteri, dia sudah *turn around* dan hari ini Tabung Haji berada di atas landasan yang cukup baik. Dan saya sebagai Ahli Lembaga Pengarah, insya–Allah, selagi saya duduk di situ, ini amanah rakyat kepada saya, maka saya akan jaga elok-elok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulung, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Allahu Akbar. Bulan Ramadhan syeikh. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasa Ramadhanlah saya minta gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Syukran, syukran. Bulan Ramadhan, Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua bertolak ansur, Allah Taala limpah pahala yang lebih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua sebagai sedekah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sebab itu saya suruh gulung, Yang Berhormat supaya dapat pahala banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya. Saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya pakai seluar. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau tidak boleh gulung, berhenti berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, jadi yang itu saya hendak kita pakatlah, tolong jayakan 30% ini dan kalau kita boleh kongsi, maka kongsilah. *[Bercakap dalam bahasa China]* – dengan izin. Maknanya orang China dan orang India pun boleh berniaga. *[Bercakap dalam bahasa Cina]* – Ali Baba maknanya Ali tidur, Baba buat kerja. Ini dak, ini

kongsi, kongsi makna Lonchong Cho Kang, semua pakat kerja. Baru kita belajar macam mana tadbir negara. Sekarang Barisan Nasional. Kalau politik, kuasa kita boleh *share*, pasal apa ekonomi kita tak boleh *share*? Tak salah. Sekarang ini kalau Yang Berhormat dari Batu Kawan nak kongsi dengan saya, tak dak masalah. Kita cari jalan. Ada rezeki kita dapat, tak dak, tak dak lah. Cuma Ipoh Timor dia susah sikit, dia *transparent* tak *transparent*. Saya susah hendak berniaga dengan dia. [Ketawa]

Orang tak berani nak berniaga dengan dia. Yang berani dengan dia, adalah Kuala Kangsar. Yang Berhormat, okey. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup dah, ya..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dah nak habis Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, penswastan. Saya sekali lagi nak minta daripada kerajaan, sebelum nak swasta sesuatu, fikir habis-habisan. Sebelum nak buat perjanjian, fikir habis-habisan. Yang kita nak swasta ini hak rakyat. Pasal apa kadang-kadang hak rakyat ini rugi, individu untung. Yang ini yang saya tak boleh tengok Tuan Yang di-Pertua. Saya tak boleh tengok, hati saya cukup sakit.

Harta rakyat, bila kerajaan untuk rakyatlah, dibagi kepada individu untuk menolong membangun, individu untung, rakyat rugi! Ini adalah pengkhianat! Kita tahu berapa orang jamin, depa boleh jadi kaya-raya, dan boleh berjalan di Kuala Lumpur naik kapal terbang, itu, ini. Mereka bukan ada perasaan. Hati mereka dah ditutup oleh Tuhan. Mereka tak dak perasaan. Rakyat makan tak makan tu dia punya pasal. Saya kaya, saya kaya, di atas kebolehan saya. Tapi dia menipu. Jadi nak swasta, mintalah kementerian ke, kerajaan ke, kajilah elok-elok. Win win situation, keadilannya. Menang menang. Sampai hari ini saya nak tahu daripada Menteri apa jawapan kepada saya. Balai Polis Yan, Balai Polis Pendang, dan Balai Polis Sg. Petani gagal disiapkan oleh syarikat yang ambil tanah kerajaan sebanyak 150 ekar.

Beberapa Ahli: [Sorak]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mana pi Sri Gading tak masuk? 150 ekar, projek dah siap, kerusi dah dapat, rumah sudah jual, *supermarket* pun dah sewa kat orang. Pasal apa Balai Polis Yan tak dak? Pasal apa Balai Polis Pendang tak siap? Pasal apa Balai Polis Sg. Petani pun tak siap? Bukankah ini satu penipuan kepada rakyat?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau saya tipu Jerlun, Jerlun bawa saya ke mahkamah, saya masuk jel. Tetapi kalau saya tipu kerajaan, saya terlepas, pasal apa? Tak adil! Jadi kerajaan kena fikir. Pada masa akan datang kalau nak buat swasta, ke apa semua, tengok betul-betul, kemudian bagilah patut padan Tuan Yang di-Pertua.

Ini wajah muka tu saja, mahu dia tak jadi *billionaire*. Saya pun boleh jadi *billionaire* kalau semua mai dekat saya. Ikan saya, udang saya, daging saya, telur pun saya. Sua boleh jadi *billionaire*. *No problem!* Tapi, yang lain macam mana? Yang lain macam mana? Awat orang lain tak dak perut kah? Orang lain tak dak kebolehan kah? Orang lain tak dak kepandaian kah? Orang lain boleh cari modal. Macam dalam kawasan saya, bagi penswastan kepada satu orang. Syarikat Tan Sri Syed Mokhtar yang sepatutnya buat titi ke Pulau Bunting, jalan buat rosak, orang kampung tak boleh lalu. Titi dah siap nak suruh *repair* jalan pun tak mahu! Kerajaan *repair*, dah lah untung dalam projek beratus juta! Kerajaan, jalan lebih kurang 4 kilometer, belanja satu juta pun dia tidak boleh bawa keluar untuk rakyat kampung – dia guna jalan itu. Wakil rakyat mana tak marah Tuan Yang di-Pertua kalau hang miskin papa tak pa! Ini hang kaya-raya! Duduk dalam *column* berapa *billionaire*. Jalan di kampung di Kuala Sedaka pun tak boleh buat, di dalam kawasan saya. Berkali-kali kita minta benda tu tak boleh buat, jadi saya harap ...

Seorang Ahli: Apa nama syarikat itu tadi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hangpa tahu lah nama dia, Tan Sri. Kita ada Datuk saja, dia ada Tan Sri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Dah cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya nak terima kasih ni kelas F ni, Pak Lah nak bagi ini. Kelas F. Jadi nikmat kat depa sikit kelas F, kelas F. Kelas F Tuan Yang di-Pertua, bukan ada apa. Cuci parit buat longkang, kerat rumput dan sebagainya sahaja. Dan saya setuju dengan system la ni, depa pi mengundi. Yang tu baguih. Pi seluk dalam tong, bawa keluar, kalau ada rezeki hang, ambil. Itu, sampai macam tu, sampai macam tu Tuan Yang di-Pertua. Orang miskin kelas F kontraktor nak cari makan. Seluk dalam kotak. Gui, gui, gui, tarik naik, kalau ada, adalah, kalau tak dak, tak dak lah. Tu pun hak yang kosong lekat naik, hak yang dapat lekat di bawah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ada hal lagi, tapi tak pa lah, itu *transparency*. [Ketawa]

Jadi lagi satu Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, sikit lagi, last Tuan Yang di-Pertua ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa lagi satu Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Allah Tuan Yang di-Pertua, saya ni nak bagi pahala dekat Tuan Yang di-Pertua, sungguh..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak bagi pahala pada orang lain juga Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya. Ini kerajaan tempatan, saya bersetujulah, kerajaan tempatan, tapi bukan *standard*. Saya nak nafikan bukanlah *standard* kongsi gelap. Yang dok kerja dalam tu pun ada yang cerah, ada yang gelap tak kiralah .. [Ketawa] tapi bukan kongsi gelap. Saya mahu, kerajaan tempatan lebih bertanggung jawab. Kadang-kadang depa pun tak dak pegawai. Macam Majlis Daerah Tempatan mana ada *engineer*? *Engineer* tak dak. Akauntan pun tak dak. Jadi macam mana bila pelan-pelan masuk dia tak boleh ni... Jadi saya nak mencadangkan, kerana Majlis Daerah Tempatan ini adalah kerajaan ketiga. Dan kerajaan ketiga rapat dengan rakyat.

Jadi saya nak minta dengan kerajaan, JPA jangan terlalu *rigid* sangat nak bagi kerja ni. Banyak sangat dah *university student* kita keluar. Bagi depa, masuk depa kerja sebab kadang-kadang pelan pun nak lulus tak boleh. Pasal tak dak orang yang *know how*. Sungguhpun orang tokoh politik ataupun masyarakat tempat duduk dalam lembaga ataupun jawatankuasa dia, dia bukan *engineer*. Lagipun dia bukan makan gaji dengan ... dia hanya mewakili rakyat di situ. Jadi, minta supaya rakyat tidak menanggung kesusahan. Dan mintalah beramanah terutama sekali kerajaan tempatan ini supaya pelan-pelan yang diluluskan itu bukan kerana kepentingan kita, kepentingan rakyat. Saya bersetuju kadang-kadang kita tengok bukit botak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bila bukit tak dak jadi rumah. Daripada hutan belantara jadi rumah batu, mana dia alam sekitar? Itu kita dok kata, awat lah hangat, awat lah hangat, awat tak hangat? Pokok-pokok yang ada keliling tebang habis?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kolam-kolam Tuan Yang di-Pertua, bela ikan, dikambus habis. Mana awat tak hangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cukup Tuan Yang di-Pertua? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Cukup Dato' duduklah..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma ini satu Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dah lebih banyak masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja. Yang Perdana Menteri baca, dia kata, "Peruntukan sebanyak 581 juta ringgit bagi membina dan menaik taraf jalan", tak cukup. Banyak ni mana cukup Tuan Yang di-Pertua, jalan kampung 1 kilometer yang JKR dok buat RM70 ribu, jadi tidak cukup – oleh itu mintalah.

Kemudian yang last sekali Tuan Yang di-Pertua, jadi ibu tunggal kampung semua minta tolong saya cakap. Kalau saya bagi depa nanti marah Tuan Yang di-Pertua. Ibu-ibu tunggal miskin ni minta bagi khabar dekat Dato' Shahrizat, Menteri Kebajikan. Dia kata, "Dato' Shahrizat tu segak, elok dah, macam chombi dia kata. Kami ni berseraput muka.. nak beli bedak pun tak dak duit. Kadang-kadang welfare mai bulan Januari, bulan Mac pula mai, bulan Februari lompat, tau-tau bulan Jun pula sampai, jadi depa nak bajet macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukup Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat boleh bercakap 5 jam, tapi bagi ahli-ahli yang lain juga lah... Yang Berhormat kena faham juga lah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua. Allah, saya minta ampun, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak lah. Selamat berpuasa. Assalamualaikum.

12.57 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2006, yang mana saya kira ini kali kedua Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membentangkan bajet untuk tahun ini dan tahun sudah. Dan kita lihat, seperti tahun sudah, tahun ini memberi peluang banyak di kawasan luar bandar. Apatah lagi masyarakat petani-petani. Dan daripada ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat di mana saja pergi, di dalam UMNO dan juga kerajaan, sentiasa bercakap berkenaan dengan masyarakat petani dan mengharapkan pertanian akan menjadi *growth* yang ketiga untuk menjana ekonomi. Tetapi, walaupun tahun sudah, satu peruntukan yang besar diberi kepada pertanian. Dan tahun ini juga satu peruntukan yang besar lagi. Tetapi malangnya, malang seribu malang Tuan Yang di-Pertua, tahun ini sudah bulan Oktober tetapi tidak berlaku apa-apa di kawasan luar bandar. Orang kampung minta saya menyampaikan pantun ini Tuan Yang di-Pertua. Orang kampung minta saya menyampaikan pantun ini:

*"Kalau tangga katakan tangga;
Jangan letak atas tungku;
Kalau ada katakan ada;
Jangan buat kami orang kampung tertunggu-tunggu." [Tepuk].*

Tuan Yang di-Pertua. Ini yang masalah dia, kalau kita nak tengokkan. Kata sahabat saya dari Santubong. Apa yang kita tak tahu ini? Prasarana cukup, jabatan

pertanian, MARDI, FAMA, apa lagi? Complete. Universiti Pertanian. *[Menyampuk]* LPP, Bank Pertanian!

Dalam segi ikan pula, Persatuan nelayannya, LKIMnya, apa semua. Dan kalau kita lihat sepanjang tahun adanya Pameran MAHA, adanya pameran itu, dan saya dengar akhir tahun ini ada lagi Expo pertanian, ada lagi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, nak sambung petang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jasin, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah saya nyatakan tengah hari tadi bahawa kerajaan dan lebih-lebih lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di forum mana pun akan menyebutkan berkenaan berapa perlu dan pentingnya kita dapat membantu industri pertanian. Kerana dengan adanya industri pertanian ini kalau kita perkuatkan dengan sendirinya masyarakat luar bandar akan dapat nikmatnya dan faedahnya, tetapi malang sebagaimana saya sebutkan tadi, sehingga hari ini belum nampak, riaknya lagi. Belum nampak lagi, apakah permasalahannya? Tidak cukupkah dengan kementerian yang ada? Tidak cukupkah dengan jabatan yang ada? Kadang-kadang kita selalu cakap apa yang kita tidak tahu. Semua kita tahu, tetapi buatnya - kita sebut tentang lambakan buah-buahan, Tuan Yang di-Pertua. Tahun sudah kita menghadapi masalah bagaimana buah-buahan yang dikeluarkan oleh orang kampung kita tidak dapat dijual. Durian harga bawah daripada 50 sen, tahun sudah kita menghadapi masalah, tahun ini sekali lagi.

Padahal, Tuan Yang di-Pertua, buah-buahan kayu, kata kita orang kampung, itulah masanya bagi kita orang kampung ini dapat beraya sedikit, itulah pendapatan tambahan untuk orang kampung kita, tetapi kita tidak dapat menyelesaikan apa masalah. Durian tahun ini, kita lihat di Kuala Lumpur sampai satu bakul RM5, satu bakul RM10. Kita minta Kementerian Pertanian mengatasi masalah ini. Namun kita lihat, jangan kata durian kita ini hendak dihantar ke Australia, hendak hantar ke Arab, sebagaimana yang disebutkan dalam Budget, yang mana Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa kementerian ataupun kerajaan telah meluluskan pelantikan kaunselor-kaunselor, *trade counselor agriculture* yang akan ditetapkan di negara-negara tertentu, tetapi sedarkah orang pertanian, durian di Kuala Lumpur 50 sen satu kilo, tetapi harga durian di Sabah, tidak pernah turun daripada RM5, Tuan Yang di-Pertua. RM5!

Perhimpunan Agong baru-baru ini ada perwakilan UMNO dari Sabah, apabila dia tengok harga durian 50 sen dekat Kuala Lumpur, sampai pengsan dia makan durian. Berbakul, rupanya orang Sabah ini, *[Disampuk]* sampai masuk hospital. *[Ketawa]* tetapi tidak boleh ke FAMA. *[Disampuk]* Bukan hina, ini kebenaran, kenyataan. Mengapa tidak durian yang di Semenanjung ini hantar sahaja ke Sabah, tidak payah RM5, RM3 sudah. Ambil dengan orang kampung RM2. Ini sampai 20 sen. Kadang-kadang orang pertanian ini apa, tidur ke atau kenapa? Dia *happy-happy* sahaja katanya tetapi kalau kita lihat, mesyuarat FAMA di Kota Kinabalu, mesyuarat FAMA di Kota Baharu, mesyuarat FAMA Unit

pun di Derby. Oh! Di Perth. Wah! Rupanya peruntukan yang kita siapkan RM2 bilion lebih, RM3 bilion ini untuk biaya makan anginkah?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih abang saya, Yang Berhormat bagi Jasin, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tertarik tadi apabila soal buah durian ini, saya hendak tambah se lagi, dokong. Di Kelantan, dokong, kalau musim murah boleh 5 kilo seringgit. Dokong ini. Jadi, apakah Yang Berhormat bagi Jasin bercadang, kalau kita kata kelapa sawit, dia daripada batang, dahan, buah, boleh keluar jadi semua. Sampaikan makanan lembu pun boleh. Jadi, kenapa kita tidak boleh wujud satu *factory*, kilang-kilang kecil, kalau setujulah minta FAMA dan juga MARDI buat kajian dahulu, FAMA *marketing*kan. Setuju atau tidak? Kalau rasa hendak tolong rakyat betul-betullah. Setuju atau tidak?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, saya amat setuju Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Kerana sudah sampai masa dan ketikanya, kita ini macam-macam dasar sudah keluar - Dasar Pertanian Negara, tetapi kita lihat macam tidak ada apa-apa. Sepatutnya kita harus ubah balik struktur pertanian ini. Kalau misalan kata, kita hendak minta orang kampung tanam sayur, kita harus *concentrate* tanam sayur di kawasan Kuala Lumpur kerana pembelinya banyak di kawasan bandar-bandar dan kita *zonekan* tanaman-tanaman ini.

Kalau misalan kata kita hendak fokus Malaysia ini hendak jadi macam Belanda, pengeluar bunga, sebagaimana yang baru-baru ini kita pun sudah pergi ke Belanda, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pergi Belanda, Menteri Pertanian pun sudah pergi Belanda, pegawai-pegawai pun sudah pergi tengok macam mana Belanda itu negerinya lebih kurang Pahang, tetapi menjadi *the second biggest agriculture producer in the world*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Di Belanda hanya saya dia tidak hantar. Petani-petani yang berjaya kita tidak hantar pegawai pergi, kita tidak marah tetapi kita harus ingat, kalau misalan kata, kita hendak buat bunga macam di Belanda, sepatutnya kita kena fokus negeri-negeri yang dekat dengan lapangan terbang supaya bunganya dapat dieksport. Jadi, Melaka, Negeri Sembilan termasuk Johor kita buat bunga. Jadi, ada *zonanya*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin. Saya tertarik dengan saranan daripada Yang Berhormat bagi Jasin bahawa sudah tiba masanya bagi kementerian untuk membuat *zoning* di setiap negeri-negeri sebab kita harus ada satu produksi di setiap negeri yang ada tuntutan daripada mana-mana negara.

Ini memudahkan kita mengeksport apa juga buah-buahan yang ada kepada kita. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian ini supaya mulai daripada Bajet 2006 ini bahawa bermulalah satu titik baru untuk kementerian memberi *zoning* di negeri masing-masing mungkin dengan dua, tiga bentuk produksi supaya memudahkan kita FAMA mengurus segala bentuk eksport, import ini secara teratur. Sebab kita kalau negeri ini jual mangga, negeri lain pun jual mangga

Seorang Ahli: Pisang jangan buah lain tidak apa pisang jangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Durian pun sama jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian? Yang kedua, Yang Berhormat cuba saya mahu tanya juga kita pun bingung, harga pisang ini tidak menentu dia turun naik, turun naik demikian juga dengan buah betik tidak ada harga yang ditetapkan, terapung-apung, tergantung-gantung terus, apakah komen Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan jauh, ini pengumuman harga barang-barangan oleh FAMA yang harga betik tergantung,

harga pisang turun naik, Ya? *[Ketawa]* Harga Ya, kadang-kadang turun kadang-kadang naik.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, jadi saya setuju apa yang disebutkan ini oleh rakan-rakan kita kena zonkan. Kadang-kadang durian ini macam kata disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh, bila dokong itu dapat harga satu Malaysia tanam dokong, bila sampai musim dokong buah Siam punya dokong keluar, Johor punya dokong keluar, Terengganu punya dokong keluar akhirnya melacak tidak ada orang hendak beli.

Sudah tidak ada dokong, dokong sudah tidak ada harga lagi tetapi mengapa tidak kalau misalan kata dokong itu sesuai di Terengganu, sesuai di Kelantan hanya dokong ditanam di sana sahaja dan kita ambil tanaman lain di zon-zon yang lain. Ini harus kita buat. Kita kena tengok ada gini, kita sudah tubuhkan LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) selain daripada Jabatan Pertanian. LPP bergerak pula cara koperasi, setakat hari ini tidak apa hendak dibanggakan berpuluh tahun dan kerajaan telah habiskan jutaan-jutaan ringgit, dengan kakitangan, dengan kenderaan dia.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita tengok pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, di *Philippines* pada hari ini, *Philippines* pada hari ini telah berjaya mengeksportkan buah mangga dia, duduk sekejap Yang Berhormat Lipis. *Philippines* telah eksportkan buah mangga dia dan kita lihat di *Philippines* tidak ada kebun-kebun ataupun ladang-ladang mangga yang besar-besar.

Walaupun sahabat saya baru balik daripada *Philippines* tidak bawak buah mangga. Dia tidak ada kebun besar-besar tetapi kebun ditanam di belakang rumah-rumah petani, 20 batang, 30 batang tetapi gerakan koperasi dialah macam LPP ini pergi mengutip daripada kampung-kampung keluar kampung kutip daripada rumah ini sekotak, dua kotak dan akhirnya bila pulang ke pusat dia dikumpulkan, *dibrandingkan* baru dieksport tetapi yang kita LPP berapa lama? Berapa lama *existence* LPP ini? Tidak langsung bergerak, ya sila Yang Berhormat Lipis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Ini tadi pasal dia sebut peruntukan, jadi menyentuh tentang peruntukan ini saya pun tidak pasti sama ada peruntukan tidak turun ke peringkat daerahkah atau macam mana? Sebab dalam satu mesyuarat untuk membasmi kemiskinan, jawatankuasa basmi kemiskinan daerah Yang Berhormat Jasin, saya berceritalah tentang bagaimana kita hendak membangunkan ikan air tawar ini.

Macam-macam saya cerita pasal di kawasan Lipis ini banyak sungai tetapi akhir agaknya Pegawai Perikanan itu sudah bosan mendengar saya bercakap dia kata macam mana hendak buat Yang Berhormat? Peruntukan yang ada hanya RM14,000 sahaja setahun, RM14,000 hendak beli jaring pun tidak lepas. Kemudian saya tanya pada pegawai wakil daripada Jabatan Pertanian. Dia kata peruntukan yang dia dapat lebih kurang RM50,000 setahun. Jadi ke mana yang berbilion-bilion yang kita beri hari itu? Macam mana Yang Berhormat Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang inilah yang kita lihat, integriti kementerian yang mana orang sudah tahu pada hari ini Kementerian Pertanian *they are famous* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kalau hujung tahun *Christmas Free* untuk menghabiskan peruntukan mana kubota buruk besok, enjin-enjin buruk dihantar ke Jabatan Pertanian Negeri-negeri, LPP di kampung-kampung kerana menghabiskan peruntukan dia belilah ini semua *Christmas Free*.

Seorang Ahli: FAMA?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Itu saya tidak tahu, FAMA saya tidak tahu sepatutnya FAMA tidak kerja itu, kot-kot FAMA pun beli mesin juga macam itu Wallahualam bisawab, ya sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya sila, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Jasin. Memang Yang Berhormat bagi Jasin memang hebat soal hebat sekali soal tentang masalah kelemahan pengurusan kementerian. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada? Oh ada di sini, tetapi Pengerusi FAMA tidak ada.

Ini soal pembaziran sekali lagi Yang Berhormat, saya baru-baru ini melawat tempat sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Buah salak dibuat arca, dua, tiga tan membazir sekali, jadi bagaimana pendapat Yang Berhormat Jasin tentang ini lambakan buah-buahan atau buah salak ini yang tidak dapat dijual kepada pasaran, saya minta pendapat yang dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan buat satu arca besar termasuklah dia kena *Guinness Book World Of Record*.

Beberapa Ahli: [Ketawa] [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya memang kita tengok pertanian ini sekarang ini yang sebenarnya mereka pun tidak tahu hendak buat apa.

Tuan Yang di-Pertua, dia orang ini tidak tahu apa kerana *the last senses* tentang pertanian ini diadakan pada tahun 1972. 30 tahun sudah kerajaan tinggalkan ini pertanian, 30 tahun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Maaf.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, baru hendak jawab sudah sampai lagi, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya mantan Pengerusi FAMA.

Beberapa Ahli: [Bersorak] [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita kena mengaku Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju, saya setuju dengan Yang Berhormat kerana FAMA dia tidak boleh buat *farming* dia hanya *marketing* itu dalam peraturan dia, dia ada akta dia. Dia hanya menjual sebab itulah saya bawa buah macam-macam pergi jual, saya bawa buah rambutan, saya bawa buah apa-apa semua saya pergi jual buah kita. Bawa buah kita pergi jual di luar negara sampai orang putih tengok buah rambutan dia tanya "*What is this?*" I kata "*This is hairy fruit*"

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak ada dalam dunia buah berbulu, mana ada buah epal, tidak ada bulu Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Buah kiwi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Buah kiwi bulu kecil, bulu roma sahaja. [Ketawa] [Dewan semakin riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat terus.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua pasal bulan puasa Tuan Yang di-Pertua ingatkan saya. Kita hendak mencadangkan sekarang ini kita bawa buah pergi *market* di sana tetapi apabila kita sampai di negara tersebut kita hantar buah ke England, kita hantar buah ke Dubai.

Dia hendak buah rambutan, kita pun bawa balik tetapi bila kita hendak mereka *order* sesekali *order* 4, 5 kontena tetapi bila kita balik semula ke Malaysia, Tuan Yang di-Pertua kita tidak boleh dapat kerana kita tidak menyusun pak tani-pak tani kita menanam buah-buah pengikut kehendak pasaran dunia.

Pak Long Mat tanam rambutan jenis lekang nyok, hak Mak Timah ini tanam rambutan jenis budak pergi sekolah, kawan nun tanam sedikit, kawan ini tanam sedikit dia berlainan, saiz pun berlainan. Buah hendak eksport saiz kena sama Tuan Yang di-Pertua, *grading ABC* ini.

Seorang Ahli: Bulu dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bulu tidak apalah tetapi tang buah rambutan itu dia kena hak besar, hak kecil, kecil. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya harga macam tadilah harga pasaran berapa? Buah betik tergantung, pisang naik turun apa semua ini tidak akan timbul sebab pasaran kita di luar negeri bagus jadi kita boleh eksport.

Jadi inilah yang Kementerian Pertanian kena buat. Kita hendak fokus pergi ke arah pertanian moden tetapi kalau tanaman tidak baik, keluaran tidak stabil maka kita tidak boleh eksport dan kita tidak boleh dapat pertukaran hasil. Macam mana Yang Berhormat, bersetuju tidak dengan saya? Dari segi FAMA, *so far* sejak saya dan hari ini, *perfect of course* kita kena bagilah sedikit lagi bantuan kewangan kepada FAMA untuk promosi dan untuk mempertingkatkan lagi. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, memang itu tujuan kita, hendak menyelesaikan masalah kita kena *go on the ground* supaya kita tahu berapa banyak orang tanam rambutan, apa jenis rambutan dan sebagainya supaya senang bagi kita buat strategi pemasaran. Tetapi apa yang kita sedang berlaku sekarang, pertanian pada masa ini telah menjalankan Banci Pertanian 2005. Saya amat sangsi kalau bancian ini dijalankan, pertanian boleh dapat apa-apa data yang disebut oleh Jerai nahi, *nil, very bad content*,

dengan izin, menghabiskan duit. Ini diciplak daripada India - Rama Krishna Mukardinia, tidak ada apa, yang mana dia *study* tentang *poverty in India, in Calcutta, bad in 1997*. Ini yang dia ambil statistik, dapat apa?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang bila kita minta supaya rakan-rakan kita dekat pertanian inilah, cukuplah, *enough is enough*. Kita kena kalau terpaksa Ketua Pengarah ke, KSU ke, siapa pun kalau agak-agak tidak boleh jalan, kita minta tukarlah kerana hasrat pemerintah, hasrat kerajaan untuk melihat luar bandar ini berubah tidak akan menjadi kenyaatan kalau Kementerian Pertanian sendiri tidak berubah.

Memang kalau kita lihat bagi orang yang menjalankan kajian statistik, kalau tengok bancian yang dijalankan oleh pertanian, kadang-kadang apabila saya tengok bancian yang itu, apa yang dia hantar kalaulah didapati bahawa di negara kita ini ada 600 ribulah keluarga yang bergantung kepada pertanian, 500 ribu pekebun kecil dan petani-petani, 100 ribu nelayan, hendak hanya 600 ribu dengan peruntukan yang kita sediakan tahun sudah dan tahun ini, saya kira kita tutup sahajalah Kementerian Pertanian Tuan Yang di-Pertua, duit yang ada ini kita bagi pencen kepada petani-petani dan juga nelayan-nelayan ini duit yang kita peruntukkan ini tidak habis Tuan yang di-Pertua kerana tiap-tiap kali kita cakap tentang kemiskinan kita akan libatkan petani dan nelayan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof : Tetapi kalau kerajaan bagi RM400 pencen, kepada ketua-ketua keluarga petani dan nelayan, duit kerajaan pun tidak habis sebagaimana dalam bajet ini dan tetap masyarakat kita sekurang-kurang pun senang dengan RM 400 sebulan, Tuan yang di-Pertua. Ya sila Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Jasin. Waktu yang amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan satu pembaharuan di mana penekanan kepada sektor pertanian. Sebaik sahaja beliau menjadi Perdana Menteri 2003, awal 2004 pengumuman itu begitulah, terlupa. Apabila Menteri Pertanian menyambut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau sanggup dengan Timbalan Menteri-Timbalan Menteri-nya Setiausaha-setiausaha Parlimennya, sanggup tetapi berdetik di hati kecil saya wahai Jasin adinda yang disayangi, berdetik di hati kekanda akan kecewalah padahnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga menteri Pertanian kerana yang hendak mengendalikan, yang hendak menguruskan, yang hendak melaksanakan tidak pernah mahu berubah.

Kalau wang sahaja dilonggokkan tetapi mentaliti pegawainya tidak mahu diubah saya sokong cadangan daripada Jasin lebih baik wang itu terus diagih-agihkan kepada petani-petani kita, tidak payah ada kementerian. Bagi sajalah...

Seorang Ahli: Bagi terus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:lebih memberikan manfaat kepada petani daripada petani sebenarnya digula-gulakan. Betul pihak pucuk pimpinan begitu bersemangat, betul pihak menteri memang bersemangat, tetapi pihak pelaksana di bawah, hoho....Ini kita belum cerita lagi nelayan, belum cerita nelayan Tuan Yang di-Pertua. Apabila sebut nelayan terbayang kita kefakiran, kemiskinan, kelemahan terlubuk di puak ini

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ini hendak tanyakah hendak berucap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, apa pendapat Jasin? [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Sri Gading. Bercakap di bulan puasa ini lain macam sedikit. Memang ini yang sedang berlaku sekarang dan kita tidak boleh duduk diam. Dewan Rakyat ini tidak akan duduk diam kerana hasrat pemimpin kita, hasrat negara kita ingin melihat masyarakat luar bandar dapat pembelaannya, masyarakat petani dan nelayan akan dapat pembelaan dia, tetapi kementerian yang ditugaskan untuk menyelesaikan masalah ini kalau dia sendiri tidak dapat hendak menyelesaikan diri dia bagaimana hendak menyelesaikan orang ramai?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tentang pertanian kita berharap, kita berharap *general overhaul of the* kementerian terpaksa kita adakan kerana kita hendakkan supaya masyarakat kita luar bandar ini dapat manfaat.

Perkara yang kedua saya hendak sentuh, dah terlampau lama dalam pertanian Tuan yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan GLC-GLC sekarang ini. Di luar sudah bercakap GLC (*Government Link Companies*).

Di luar hari ini orang dah bercakap "gosok-gosok, longgok-longgok, cabut". GLC sekarang "gosok-gosok, longgok-longgok, cabut". Kita seronok dengar "Telekom Malaysia (TNB)" kita dapati anak-anak kita menjadi CEO, kita seronok. Kelulusan yang berjela-jela *Oxford, Cambridge* tetapi kita lihat realiti pada hari ini adakah TNB yang ditugaskan, dipertanggungjawabkan untuk membangun industri pembekalan elektrik dapat menyelesaikan masalah elektrik dalam negara kita? Adakah TM - Telekom Malaysia ini TM yang ada burung itu yang tak muat. Dengan adanya CEO orang muda yang berpelajaran tinggi adakah menyelesaikan masalah komunikasi dalam negara kita?

Rata-rata rekod daripada laporan tahunan kita dapati GLC-GLC ini mereka untung kerana mereka banyak mengerjakan Voluntary Special Scheme (VSS), itu sahaja tetapi sepatutnya orang-orang yang berpengalaman ini harus *directly* kerana kita hendak pergi global, kita hendak pergi global. Dengan kakitangan yang terlatih ini mengapa tidak kita *explain* Indonesia ke *explain* ke negara luar. Ini tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Yang Berhormat, Yang amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyarankan bahawa syarikat-syarikat GLC ini kalau boleh tidak dibenarkan untuk mengadakan anak-anak syarikat bagi tujuan untuk bersaing secara terbuka dengan kontraktor-kontraktor tempatan yang baru hendak maju. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan bahawa syarikat-syarikat GLC yang sudah ada anak-anak syarikat yang sudah kaya ini supaya ditutup dan diberi kontraktor-kontraktor yang ada kepada kontraktor tempatan yang baru hendak maju, baru hendak naik supaya mereka ini diberi garis panduan supaya juga mereka boleh naik seperti syarikat GLC.

Seperti Felda contohnya, kalau Felda di Sabah semua dia punya. Dia ada Felda angkut, dia ada Felda tumbak, dia ada Felda supermarket, dia ada Felda *upgrading*, semua dia punya. Pokoknya orang lain tidak boleh masuk, dia punya semua. Macam di GLC yang lain pun begitu, minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Siapa itu? Tidak boleh *control*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Kinabatangan, saya sebenarnya hendak ke arah itu yang sebenarnya kerana itu sebabnya mereka tahu tentang itu, yang jadi *chairman* itu kalau dia *Chairman* Telekom apabila tiba anak-anak syarikat itu kalau ada 50 anak syarikat, 50 dia juga *chairman*. Jadi kalau satu anak syarikat RM2,000, RM3,000 kalau RM50 berapa? Dia bukan kisah, sepatutnya kerajaan tubuhkan GLC ini hendak membantukan kerajaan, hendak meringankan kerajaan, mereka tidak kisah. Itu yang saya kata tadi, gosok-gosok, longgok-longgok, cabut.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Cari yang baru.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Cari yang baru, orang lain nanti pening yang kepala. Apa dia? Telekom Malaysia ini? TM

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sekejap Yang Berhormat bagi Ledang, ini tengah *stim* ini, yang tidak muat ini. Semasa Jabatan Telekom kita lihat tiap-tiap ibu negeri ada tanah-tanah mereka, Jabatan Telekom Malaysia di dalam bandar-bandar, sekarang ada lagikah? Tidak muat, sudah jual. Jadi ini yang untung, ini yang untung Telekom Malaysia ini untung sekian, jual harta yang ada. Esok harta ini semua sudah habis dijual, cabut. Cabut tukar pula CEO baru. Ini yang sedang berlaku Tuan Yang di-Pertua Ha, ini yang disebut oleh Jerai tadi tentang UDA. UDA Holdings, anak syarikat kerajaan yang tujuannya untuk membantu orang-orang Melayu, pemilihan kedai dan harta di dalam bandar. Macam mana, yang saya hairan ini siapa yang beri kebenaran untuk Lembaga Pengarah dia MBO? *Management* bayar, walhalnya GLC ini harta rakyat, boleh jual macam itu sahajakah?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya terpanggil untuk bangun apabila Yang Berhormat menyebut mengenai UDA sebab seingatan saya UDA ini ditubuhkan pada awal tahun 70-an iaitu selepas peristiwa 13 Mei dan ianya adalah merupakan pusaka daripada Allahyarham Tun Abdul Razak, pemimpin besar kita yang melihat orang Melayu mundur dalam bandar. Orang Melayu datang ke bandar, rumah tidak ada. Orang Melayu datang ke bandar hendak berniaga, kedai pun tidak ada, Orang Melayu datang ke bandar terhimpit dan akhirnya ditubuhkan UDA (*Urban Development Authority*) sebuah perbadanan untuk menjaga kepentingan orang Melayu dalam bandar dan membangunkan kepentingan-kepentingan negara untuk orang Melayu di bandar.

Apabila Yang Berhormat sebut bahawa ada usaha MBO ini adakah Yang Berhormat bersetuju sepatutnya MBO ini bukan dibuat dengan syarikat kerajaan. Kalau dia syarikat korporat kemudian orang yang berjaya dalam korporat tersebut hendak buat *management buy out* macam yang dibuat dalam NST pada saya itu tidak jadi masalah sebab ia bukan hak rakyat tetapi UDA ini adalah sebuah pertubuhan hak rakyat, macam mana boleh sebuah pertubuhan hak rakyat tanah kerajaan beli dengan murah, bagi dengan murah, duit modal kita beri, apabila sudah berjaya, 4 atau 15 orang atau 10 orang yang duduk dalam *management* ini memikirkan bagaimana hendak jadi jutawan, maka dia buat *management buy out*. *Management buy out* hak rakyat untuk menjadi hak kepada 10 orang yang kaya, sepatutnya terbalik, apakah Yang Berhormat melihat perkara ini adalah satu khianat sebenarnya? Nama sahaja *management buy out*, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Sudah terang lagi disuluh, sudah terang lagi disuluh, pengkhianat! Kalau hendak buat *management buy out* yang syarikat kerajaan rugi dia beli, *turn* kan sebagai untung, itu yang kita tabik, tetapi kalau yang sudah untung dan yang memperjuangkan untuk rakyat ini sudah tetap untung, MBO buat apa? Seheinggakan pada hari ini dalam bajet ini Yang Amat Berhormat Presiden ataupun Menteri Kewangan terpaksa mewujudkan satu badan yang lain untuk menjaga harta milik Melayu yang dia sendiri pengerusikan. Walhal UDA ini, kita berharap perkara-

perkara macam ini tidak akan kita benarkan berlaku lagi kerana kita sudah *fed-up* dan terlampau *fed-up* masalah-masalah ini. Dengan MBO, dengan UDANYA hari ini 9 orang yang pegawai biasa sudah jadi jutawan. [*Dewan riuh seketika*] Menggunakan *company* seolah-oleh *company* UMNO yang hanya dijadikan baju sahaja dan dia gunakan keris UMNO bunuh balik Melayu ini. Ini kita tidak dapat terima.

Tuan Yang di-Pertua, ini jangan main-main, ini amanah. Cakap dalam bulan puasa ini amanah kerana akhir-akhir ini kalau saya hendak cerita dekat Melaka banyak yang saya lihat apabila mereka diberi kuasa tetapi tidak ada amanah, saya tengok akhir kalamnya menyedihkan sekali.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak sambung yang UDA ini sebab saya rasa Yang Berhormat tidak beri cadangan, saya hendak cadangkan dan saya diberitahu dan saya dengar *management buy out* atau MBO yang dibuat dalam UDA ini sebenarnya tidak ada *due diligent*, tidak pernah ditapis atau tidak pernah disemak. Pada masa ini banyak dan perkara ini bukan sahaja setakat MBO, katanya sekarang ini MRCB telah menguasai 24 peratus daripada saham yang ada dengan mudah, *public listed* menguasai sebuah syarikat kerajaan. Sepatutnya syarikat kerajaan menguasai *public listed*, dia sudah jadi terbalik. Apakah Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya siasatan segera perlu dibuat dan saya bagi pihak diri saya, saya hendak mencadangkan supaya keputusan untuk membeli UDA oleh MRCB ini hendaklah dihentikan dengan serta-merta sebab ini merugikan rakyat. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya setuju sangat kerana UDA ini Tuan Yang di-Pertua, ditubuhkan oleh parlimen, kalau dia hendak jual pun dia mesti minta izin daripada Parlimen, jangan sembarangan-sembarangan. Apabila penubuhan di Parlimen tetapi boleh buat sesuka hati, jadi dengan Dewan yang mulia ini saya berharap kerajaan berhentikanlah kerja menjual ini, tidak menguntungkan sesiapa, tidak menguntungkan Melayu keseluruhannya hanya menguntungkan kepada 9 orang ini sahaja yang akan menjadi jutawan. Begitu juga dengan projek-projek penswastan yang lain, sebagaimana yang diingatkan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Jerai tadi. Kita tidak hendak penswastan ini akan jadi beban kepada rakyat dan beban kepada kerajaan. Sepatutnya penswastan ini meringankan beban kerajaan dapat membantu meringankan beban rakyat barulah projek ini kita swastakan. Ya silakan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin. Tadi bercerita berkenaan dengan UDA, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Satu lagi hak rakyat ataupun hak bersama iaitu orang Islam iaitu Tabung Haji. Saya difahamkan bahawa Tabung Haji juga akan menyenaraikan Tabung Haji Plantation Sdn. Bhd. ke Bursa Malaysia. Saya juga faham dan maklum bahawa penubuhan Tabung Haji juga termaktub dalam Akta 535, Akta Tubuhan Tabung Haji 1995 mengikut Seksyen 4 yang diluluskan di Parlimen. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang cadangan Tabung Haji untuk menyenaraikan TH Plantation kepada bursa saham kerana ini juga melibatkan penguasaan bukan Islam dalam satu tabung yang khusus untuk orang Islam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Batu Pahat. Jawapannya saya bersama-sama dengan saudara tidak sekali-kalinya setuju. Bagaimana saya sudah sebut tadi semasa Jerai, masa *floor* Jerai tadi, adakah Tabung Haji tidak ada duit ataupun Tabung Haji menghadapi masalah kewangan? Biasanya syarikat, kalau kita sudah untung itu diam-diam sahajalah. Yang disebutkan untuk dikorporatkan, yang hendak bagi *public offering* itu kalau kita tidak ada duit, tidak cukup duit hendak membesar. Jadi daripada kita pinjam duit bank yang menggunakan *interest* yang tinggi maka kita bagi pada *public* untuk menanam modal supaya kita tidak dikenakan *interest*. Tetapi saya penuh yakin dan percaya Tabung Haji tidak ada masalah kewangan. Eh! Merata bangunan sudah boleh beli, orang beli seratus juta dia beli tiga ratus juta pun boleh beli, takkan ya lah kelapa sawit ini tidak dapat. Bangunan yang tidak perlu pun dia boleh beli. Maju Junction yang tidak ada *junction* macam-macam, 'Sibon' apa ke pun dia boleh beli. Jadi saya berharaplah yang ini amanah rakyat bagaimana saya sebutkan tadi.

Balik pada penswastaan ini Tuan Yang di-Pertua, kerana pada hari ini saya akan tengok macam-macam orang main wayang terlampau banyak dalam negara kita ini. Akaun yang rugi pun dia boleh buat untung untuk mengaburkan mata kerajaan. Kita pun hairan juga MAS berapa tahun untung, kita pun seronok MAS untung tetapi akhir-akhir ini rugi pula. Petronas dagangan berapa tahun untung tetapi laporan surat khabar hari ini kita baca ada rugi pula. Eh! Apa sudah jadi ini. Ini satu lagi ini penswastaan kita. Ini Pelabuhan West Port di Pelabuhan Kelang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau tengok surat khabar iklan-iklan dia 'West Port lah pelabuhan yang termaju di antara serantau ini.' Iklan tetapi yang betul-betul apa yang berlaku sana, wallahuaalam bissawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya sila Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Kita pada hari ini berada dalam kebimbangan iaitu kita melihat bahawa kerajaan cenderung memberi satu pemegang syarikat ini untuk membekal semua kepada rakyat. Kalau Petronas satu sahaja dia *N block*. Tenaga? Tenaga pun *block*, Komunikasi juga *block* sahaja. Tidakkah Yang Berhormat berhasrat mencadangkan kepada kerajaan bahawa supaya ini dibuka. Menggerudi minyak bukan Petronas sahaja yang dibenarkan, bahkan bagi orang lain juga. Yang penting syaratnya dia ada kemampuan dan tempatan. Demikian juga dengan komunikasi, demikian juga dengan penerbangan mungkin, demikian juga dengan Tenaga. Apakah Yang Berhormat setuju supaya kalau ada kekacauan orang lain boleh membekalkan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya tidak setuju, yang ini minta maaf Kinabatangan. Kerana saya tidak hendak jadi macam kereta nasional. Proton kereta nasional, Perodua kereta nasional, sudah terlampau banyak kereta nasional akhirnya pasarannya kecil. Biar dia monopoli itu, Telekom - Telekom buat. Hanya saya hendak minta supaya Ahli-ahli Parlimen, orang-orang politik duduk di dalam anak-anak syarikat ini, GLC-GLC ini sebagai mewakili kerajaan untuk kita melihat supaya jangan ada penyelewengan.

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila.

Datuk Ronald Kiandee: Ya terima kasih Jasin. Jasin banyak mengeluarkan perkara-perkara yang melibatkan integriti dalam jabatan dan agensi. Saya ingin menyentuh tentang West Port. Kita dimaklumkan *Board of Management West Port* ini baru sahaja membeli tanah berharga RM1.8 bilion dan adakah Jasin berpendapat bahawa *board of director (BOD)* ini boleh membelakangi kabinet Persekutuan untuk satu jumlah pembelian besar ini. Dan difahamkan kita dapat maklumat bahawa BOD member yang luluskan RM1.8 bilion. Adakah dia yang tidak perlu dibuat kepada pihak atasan untuk meluluskan satu bentuk pembelian yang lebih besar.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya. Saya pun tidak tahu apa akan jadi dengan West Port baik, dengan Lembaga Pelabuhan Kelang baik. Kita tengok banyak dia langgar peraturan. Lembaga Pelabuhan Kelang sepatutnya *regulatory body* yang mengawal *players to West Port - North Port* tetapi kalau yang *player West Port* ini duduk sebagai Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Kelang, sebagai *player* duduk dalam *regulatory body* ini sebagai Lembaga Pengarah, faham-faham sahajalah. *You scratch my back I scratch your back* lah. Ah! Lembaga Pelabuhan Kelang boleh *guarantee* bagaimana disebutkan oleh sahabat saya tadi, kerajaan *guarantee* pembelian tanah ini walaupun *market price* dia lebih rendah daripada apa yang berlaku. Dibeli dengan harga RM25 satu kaki persegi tetapi ada orang *offer* separuh daripada itu, yang RM25 di ambilnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua ini bulan puasa Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kalau saya cakap, alergi, kita pula naik 'peh' pula.

Tuan Yang di-Pertua: Lama lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa hendak tentang penswastaan ini. Kita berharap kerajaan lihat balik dasar-dasar penswastaan. Saya hendak pergi ke yang akhir Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini berkenaan dengan Proton dan juga AP. Semalam kita didatangi oleh Menteri yang bertanggungjawab AP. Memang sedap percakapannya memang cantik bahawa 37 syarikat yang AP francais. Dan kita tidak hendak, malas hendak ceritalah siapa 37 syarikat itu dan kita tahu 7 daripada syarikat yang dapat itu milik dua tiga orang itulah, kita faham, jangan kita sebut soal ini. Oleh kerana kerajaan sedang merangka dasar automasi negara pada hari ini, saya berharap kerajaan mengambil tindakan tegas supaya AP-AP ini selain daripada AP terbuka yang tidak terbuka macam saya soal Menteri MITI semalam, AP-AP yang lain itu janganlah bagi pada syarikat-syarikat milik individu. Tidak ada satu pun, tidak ada satu pun daripada senarai itu yang layak mengikut peraturan-peraturan bagaimana yang disebut oleh Menteri semalam.

Dan kita berharap akan datang AP ini dibagi kepada anak-anak syarikat GLC-GLS yang dimiliki oleh kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, SOCSO, syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan dalam PNB supaya kalau benarlah niat dia Menteri MITI hendak menolong Melayu, bagilah kepada syarikat-syarikat PNB ini supaya semua orang Malaysia ini dapat keuntungannya dan tidak pergi pada individu. Kita tahu, kalau hendak dipertikaikan, kereta *Mercedes*, siapa yang *franchise ownernya*?

Daripada dahulu kita tahu *Mercedes - Cycle & Carriage*. Mengapa AP diberi kepada NZ Wheels? Kita tahu BMW - *Auto Bavaria* tetapi mengapa pula AP pergi kepada *Catrade*? Kita tahu MAZDA daripada dulu, daripada kita budak-budak, kereta MAZDA. Siapa punya MAZDA? Cycle & Carriage! Mengapa pula AP bagi kepada Naza Wheels Sdn. Bhd? Kita tahu kereta *Peugeot*, masih *Cycle & Carriage*, mengapa pula AP dibagi kepada Nazim Sdn. Bhd? Kita tahu kereta Honda, Honda Malaysia *is nothing new to us*, dengan izin, punya kilang, mengapa AP bagi kepada West Star? Jadi, tidak payah jawablah.

Seorang Ahli: Menteri jawab nanti.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi kita berharap AP-AP yang diberi pada syarikat ini, Tuan Yang di-Pertua, besok, jangan bagi kepada syarikat-syarikat ini lagi, cukup. *Enough is enough*. Kita minta supaya kerajaan hanya bagi kepada GLC-GLC yang mana kerajaan mempunyai saham. Kadang-kadang kita malu. Macam DRB-Hicom menjadi ejen jual kereta *tune up* yang jenama *Wald*. Yang dapat *tune up Wald* itu *Amazing Tempo*. Anak syarikat kerajaan tidak dapat AP *direct*, terpaksa membeli daripada *Amazing Tempo*. Malu tidak kita?

Beberapa Ahli: *Malu*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Akhirnya tidak payahlah saya hendak panjang.

Dato' Liow Tiong Lai: Sikit-sikit.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Ini saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jasin berhubung dengan isu AP ini sebab dasar AP yang kita gubal ini adalah untuk melindungi industri automobil dalam negara kita. Apabila kita memberi AP sepatutnya ia dapat meningkatkan pasaran automobil industri tempatan. Nampaknya AP ini tidak mendatangkan kesan apa-apa. Sebaliknya memberi kesan yang buruk kepada industri automobil dalam negara di mana sekarang apabila kita hendak jual kereta kita ke luar negara, orang lain pula meningkatkan import duti kepada kereta nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Liow Tiong Lai: Oleh itu, ia amat mengelirukan. Dasar yang kita hendak buat ini memang telah pun disimpangkan dan tidak mendatangkan apa-apa manfaat. Oleh

itu, apakah cadangan Yang Berhormat bagi Jasin, seperti cadangan tadi untuk beri kepada GLC dan saya rasa sudah tiba masanya kerajaan kena tegas untuk memberi satu dasar automobil yang lebih menyeluruh agar dapat memastikan bahawa industri automobil dalam negara kita dapat kita tingkatkan persaingannya di pasaran antarabangsa. Kalau kita buat....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Liow Tiong Lai:masih lagi diberi kuota macam ini, orang lain semua tidak jual kereta, jual AP sahajalah, senang. Seperti yang dikatakan tadi, dia bagi AP, dia jual kepada orang lain yang jual kereta. Tidak payah jual kereta lagi, jual AP cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bentong. Kita berharap AP-AP yang hendak dikeluarkan mestilah untuk kenderaan-kenderaan 2,000 cc ke atas kerana ia tidak akan mengganggu-gugat industri kereta nasional kita, 2,000 cc ke atas! Dan kita minta supaya yang 76 pengimport-pengimport yang telah diwujudkan sejak tahun 70-an, yang kononnya telah diberi oleh kerajaan AP terbuka, yang mana semalam saya bagi soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri MITI, bahawa mereka ini tidak terbuka sebagaimana didakwa, 28 jenis kenderaan tidak boleh dibawa masuk, kita berharap kerajaan timbangan balik untuk memberi mereka membawa masuk kereta-kereta terpakai daripada semua jenis yang dilarang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ini permintaan daripada orang kampung, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kerajaan hendak memajukan balik sektor pertanian, rata-rata kita orang kampung, Tuan Yang di-Pertua, dia sudah biasa pakai racun *paraquat*. Hari ini, kerajaan telah membatalkan penggunaan *paraquat* dan racun yang terhampir sama dengan *paraquat*, harganya tiga kali lebih ganda daripada racun *paraquat*. Negeri maju macam Amerika, pertanian yang maju dekat Thailand, begitu juga dekat Indonesia, tidak pernah mengharamkan *paraquat*, tetapi yang kita hairan, mengapa Kementerian Pertanian Malaysia sahaja mengharamkan *paraquat* yang akhirnya pada hari ini menyusahkan orang kampung dan kerana terpaksa membeli racun-racun yang tiga kali lebih mahal daripada harga *paraquat*.

Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat melihat perkara ini kerana rayuan daripada orang-orang kampung, orang FELDA, petani-petani sawah, lebih-lebih lagi petani-petani nenas yang tanpa *paraquat*, mereka tidak dapat menyelesaikan masalah rumpai di dalam kebunnya. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meminta maaf kalau terlebih, terkurang dan terima kasih di atas peluang dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

3.26 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu hendak mengucapkan selamat kita menyambut bulan puasa dan saya tidak akan tergelincir dari apa yang saya cuba cakap pada hari ini, insya-Allah. Mudah-mudahan segala jihad yang akan kita lakukan, segala keimanan yang kita tunjukkan akan diberkati oleh Allah S.W.T. Saya ingin memulakan perbahasan belanjawan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan mengajak semua Ahli Dewan Rakyat merenungi diri kita sendiri, iaitu sejauh mana kita menghargai kesihatan.

Saya akan masuklah, insya-Allah, kepada sukan. Saya hendak beritahu Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya hendak beritahu Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya hendak beritahu Yang Berhormat bagi Pontian, saya akan beritahu Yang Berhormat bagi Tanjong Malim, saya akan beritahu beberapa orang lagi wakil rakyat kita termasuk Yang Berhormat bagi Arau yang memegang jawatan dalam badan-badan sukan, mungkin kita tidak tahu. Yang Berhormat bagi Kinabatangan pun hebat juga, pegang Persatuan Boling.

Manusia yang menjaga kebersihan amat dicintai oleh Allah S.W.T kerana ia akan menjurus kepada kesihatan fizikal. Hakikatnya, harta yang dikumpul boleh kita lihat dan akur kualiti dan kuantitinya di depan mata, tetapi tidak bagi kesihatan dan kecergasan. Manusia yang sihat ialah manusia yang sejahtera serta seimbang jasmani dan rohaninya dan sentiasa aktif. Malah, dengan kesihatan, manusia dapat meningkatkan kualiti hidupnya semaksimum yang mungkin dan dapat meningkatkan pengabadiannya kepada Allah S.W.T serta sesama manusia.

Dengan kedudukan di mana laporan mengatakan rakyat Malaysia kurang menjaga kesihatan, makan berlebihan, ramai yang gemuk dan sebagainya. adalah baik sekiranya kita turut memberikan perhatian kepada masalah ini selain daripada pembangunan fizikal. Ini kerana, rakyat yang sihat tubuh badan dan minda akan memberikan sumbangan besar kepada negara. Berikutan dengan itu, saya ingin memberikan cadangan kepada Kementerian Kesihatan supaya menekankan usaha menjadikan kesihatan sebagai harta.

Memanglah sukar untuk mengubah minda rakyat, apatah lagi untuk mengajak dan mendorong mereka melakukan sesuatu yang baru atau di luar kebiasaan walaupun untuk kebaikan. Ia tidaklah semudah yang disangka. Umpamanya sekiranya kita mengatakan dengan izin, *money is not everything*. Saya cukup faham kenapa rakan kita, Timbalan Menteri Kesihatan kecewa berikutan dengan perkembangan dan tahap sambutan orang ramai terhadap siri kempen "Cara Hidup Sihat" sejak ia dilancarkan.

Memanglah mengajak kepada perkara murni akan menghadapi halangan tetapi tidak kepada perkara-perkara mungkar. Dalam konteks ini, Kementerian Kesihatan perlu mencari cara atau kempen yang lebih berkesan. Ia bukan sekadar *billboard* atau sepanduk semata-mata. Pengajaran menjaga kesihatan perlu dijadikan amalan hidup seharian. Kempen yang dilakukan perlu mempunyai elemen-elemen bahawa kesihatan itu adalah harta, pencegahan lebih baik daripada merawat dan kos yang tinggi bila mahu merawat dan apa akan jadi kepada keluarga jika ketua keluarga meninggal.

Masyarakat Malaysia perlu diajar agar selain dari bersyukur dan gembira kerana memiliki harta yang banyak lebih-lebih lagi atas ikhtiar sendiri, tetapi juga bersyukur di atas status dan keupayaan badan untuk kekal sihat, agar mereka berbangga dengan kesihatan yang baik bukan kerana mempunyai rumah yang besar dan kereta besar atau apa-apa saja yang besar, ini kerana banyak yang besar itu tidak mendatangkan kebaikan kepada kesihatan.

[Timbalan Yang Di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya juga mencadangkan supaya kerajaan menyediakan peruntukan yang sewajarnya kepada badan-badan bukan kerajaan NGO dalam membantu menjalankan kempen kegiatan ke arah mewujudkan amalan kesihatan yang baik di kalangan rakyat.

Saya menghargai peranan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia yang menjalankan projek kampung angkat dan sebagainya, biar pun ia ketika dilanda Tsunami, namun projek kampung angkat itu dirancang oleh Jawatankuasa Bencana Khas Tsunami bagi memulakan projek pemulihan untuk mangsa-mangsa Tsunami, ia patut dipuji. Apakah kita mahu menunggu ketika malapetaka datang sekali lagi, baru kita memikirkan soal sedemikian? Ini adalah juga selaras dengan untuk membudayakan kesihatan dengan sukan sebagaimana Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan yang telah ditubuhkan oleh kerajaan, yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Pahat

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Doktor bolehlah tanya, tapi saya bukan doktor ya.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya di awal bulan puasa ni Yang Berhormat daripada Larut lain, berubah sedikit. Mangkin kacak, mangkin penuh beriman dan juga nampaknya baca teks kali ini. Jadi pada cadangan Yang Berhormat tadi, saya hendak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dulu dia tak baca tekskah?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Tak dulu, nampak semangatnya lain sikit. Jadi apabila Yang Berhormat dari Larut mengatakan bahawa, apa yang pentingnya ialah pencegahan adalah lebih baik dari rawatan dan kerjasama yang diharapkan ialah, antara kerjasama penerangan yang lebih dibuat oleh Kementerian Kesihatan. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan juga bahawa kerjasama tadi bukan hanya di letakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan sahaja, tetapi ia juga melibatkan media-media masa dan juga kementerian yang berkaitan dengan media.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat baru balik dari Manila, menghadiri seminar, forum antarabangsa. Memang itulah yang kita hendak. Masalah kita ialah apabila berlakunya sesuatu kita menyalahkan kerajaan. Kalau di sini kita lihat soal dadah, adakah dadah kita nak salahkan kerajaan semata-mata?

Peranan dan tanggung jawab kita amat penting, begitu juga sukan, kalau kita cakap soal sukan, kerana sukan ada kaitan dengan kesihatan beriadah, bulan puasa tidak bermakna kita tidak boleh bersukan, asalkan kita tahu mengimbangkan diri kita, macam Yang Berhormat main badminton, saya pun main badminton, saya main bola, Yang Berhormat tidak main bola. Sebab itu hari ini saya amat setuju, badan-badan NGO seperti saya katakan tadi diberikan peruntukan untuk mengembangkan kegiatan mereka. Rakan-rakan saya masih menyalahkan badan-badan sukan seolah-olah kemerosotan sukan ini adalah semata-mata kerana badan sukan yang ada. O.K kita bercakap pasal sukan, kita ambil bola sepak, boleh Dato'?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Rakan saya masih tak faham lagi, mustahil dulu saya dalam badan bola sepak, sebagai sayalah terutamanya nak melihat bola sepak ini terus merosot, kita nak lihat sukan terus maju, tapi mesti ada sebabnya dan di mana silapnya, apakah puncanya?

Begitu juga takraw, Sri Gading juga takraw, saya rasa takraw Johor ni yang dipegang dah lama sangat dan ramai rakan-rakan yang lain. Masalah kita ialah kita mesti melihat kemampuan kita. Badan-badan sukan yang ada, macam bola sepak sebagai contoh, orang masih bandingkan zaman Soh Chin Aun, zaman Allahyarham Mokhtar Dahari, zaman mendiang Armugam dan zaman siapa lagi dengan zaman sekarang. Pada ketika itu Tuan Yang di-Pertua, kita bertaraf amaturnya bermakna zaman Soh Chin Aun dia bekerja mungkin dengan PKNS, dia bermain bola. Kalau dia tak bermain bola, tempat dia adalah di pejabat. Dia kena kerja di pejabat. Katakanlah pada masa itu kita adakan pesta bola merdeka. Tapi Sri Gading tak ada, dia seorang yang selalu bangkit. Pada ketika itu kita adakan pesta bola merdeka, Kepong ada, Kepong boleh dengar, kebetulan yang mewakili Jepun dan Korea ketika itu mungkin adalah *high school student*, dengan izin, pelajar sekolah tinggi, tetapi mereka bermain atas nama negara mereka, Malaysia pukul, memang kita pukul, tapi kita pukul negara Jepun dan negara Korea. Tetapi pada ketika itu, Jepun dan Korea belum lagi profesional, hari ini mereka telah memasuki profesional dan kita juga era pro.

Kalau kita bandingkan dengan pendapatan jauh beza Tuan Yang di-Pertua. Katalah siling pemain kita walaupun kita tetapkan lapan ribu, masih ada *under counter* katalah paling tinggi dua puluh ribu gaji pemain pro kita, tapi gaji pemain Jepun dan Korea berjuta ringgit dibandingkan dengan pemain kita. Ini sudah tentu tidak boleh hendak dibandingkan dengan mereka. Lagi pun pemain-pemain kita semangatnya tidak lagi macam dulu, kalau mereka tidak bermain dalam pasukan kebangsaan mereka tidak perlu pergi ke *office* pergi ke kerja kerana mereka adalah *full time*, makan gaji, tidak seperti masa zaman Soh Chin Aun, Mokhtar Dahari dan sebagainya, ini adalah sekadar saya hendak

kaitkan dengan kesihatan. Maka apabila Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan ini diadakan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita telah meletakkan satu harapan yang besar, satu jaminan seolah-olah mutu pencapaian kita akan tercapai, belum tentu. Kalau sebagaimana Batu Pahat katakan tadi kita tidak sama-sama mengemblengkan tenaga untuk menyertai kerajaan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bera bangun, Kinabatangan pun bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagi Bera, dia ni Pengerusi Stadium Nasional, terima kasihlah Bera kerana telah dapat menyiapkan stadium, kita baru-baru ini ada perlawanan Piala Malaysia, sembilan puluh lima ribu orang datang menonton, termasuk dua puluh ribu yang dikatakan penyokong Indonesia yang menyokong dua pemain import yang dibawa dari Indonesia untuk Selangor, dua puluh ribu orang Indonesia.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, setiap kali kekalahan yang berlaku semua pihak tidak mengaku bertanggungjawab, bila kita salahkan FAM, FAM kata dia tak salah, bila kita tunjuk kepada kementerian, kementerian kata pun tidak salah, bila kita tuduh pemain, pemain pun tidak salah, tapi permainan terus merosot.

Tadi Yang Berhormat sebut bandingkan dengan Jepun, Korea dan waktu itu ialah pemain amatur dan kita pun amatur, tetapi sekarang kita masih amatur mereka profesional, jadi tentu tidak boleh hendak dibandingkan dengan Jepun, Korea dan sebagainya, tetapi Thailand, Burma, Singapore, Indonesia, Laos mereka juga amatur seperti kita, tapi kita kalah juga kepada dia orang, pada Laos juga kita pernah kalah, pada Thailand, Indonesia, Singapore memang kita sentiasa kalah.

Jadi soalnya Yang Berhormat, semua menuding jari kepada orang lain. Jadi, siapa yang patut dipersalahkan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita sama-sama salah. Cuma saya hendak perbetulkan Yang Berhormat, sebenarnya kita sudah era pro bukan amatur lagi. Soal kalah dahulu pun zaman Abdullah Nordin kita kalah dengan Burma 9-0 di Kuala Lumpur mungkin orang sudah lupa. Inilah masalahnya pemain-pemain sudah tidak ada semangat lagi hendak mewakili negara kerana mereka tidak nampak. Kalau mewakili negara cedera dia tidak dapat bonus untuk mewakili negeri kerana pendapatan mereka adalah mewakili negeri.

Pada zaman Soo Chin Aun dahulu kalau dia tidak main bola betul-betul, dia kena masuk pejabat, kena buat kerja, ini yang dia orang tidak mahu, lebih baik dia main bola. Nampak perbezaannya. Soal kalah menang perkara biasa. Kalau kita ambil Perancis, Perancis menjadi juara piala dunia pada tahun 1998. Boleh dikatakan semua pemain-pemainnya adalah merupakan rakyat asing yang dibawa masuk ke negara mereka, termasuklah Zidane, Thierry Henry dan beberapa orang lagi mengikut sejarah mereka.

Dan, hari ini negara-negara maju telah pun berlumba-lumba dan bersaing untuk tidak lagi menggunakan anak jati sebagai atlet ahli sukan mereka malahan mereka membawa import dalam negara kita. Saya hendak menyahut apa yang telah dikatakan Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa tidak perlu tenaga import tetapi saya sudah katakan tadi setiap kali Selangor main tidak kurang 20,000 orang warga negara Indonesia datang ke stadium semata-mata kerana adanya Bambang dan Alie Aiboi mewakili Selangor.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kami ini jiran tetapi saya tetap tidak bersetuju dengan berbagai-bagai alasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Larut, juga Naib Presiden Pasukan Bola Sepak

Malaysia. Saya melihat bahawa pada ketika kita menewaskan Jepun dan Korea, kononnya mereka menghantarkan pasukan *High School*. Kita pun tidak ada status pada ketika itu, bukan pro dan bukan juga amatir cuma begitu sahaja, pun kita boleh atas semangat. Hari ini alasan bahawa pemain-pemain kita tidak ada minat bermain untuk negara sebab apabila mereka cedera mereka tidak akan ada pertanggungjawaban. Di sinilah letaknya bagaimana kita hendak mengimplicasikan masalah kita, pendekatan kita, kenapa. Seharusnya FAM sendiri melihat kenapa berlaku begini apakah puncanya dan apa cara untuk menangani masalah yang kita hadapi.

Kita rakyat Malaysia telah memberi harapan yang sepenuhnya berpuluh tahun ditunggu sehingga hari ini tidak ada juga keputusan. Kita tanya apa jaminan masa akan datang? Tidak ada jaminan. Kita tanya kalau ada harapan masa akan datang, tidak ada harapan. Jadi, kalau begini bagus pasukan bola sepak ini diserahkan kepada kerajaan, serahkan kepada kementerian, kita *re-organisasi* dia balik, mungkin ada ubatnya. Kebiasaannya apabila pimpinan baru itu berlaku maka akan berlakulah satu revolusi dalam industri ataupun institusi sukan itu sendiri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat pun pegang sukan juga – *bowling*. Saya hendak tengoklah *bowling* ini pergi sejauh mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Menang! Peringkat negara.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tetapi bila ia kalah, baru-baru ini di SUKMA, Yang Berhormat melenting juga kerana Sabah tidak menang. *[Disampuk]* Betul, apa Yang Berhormat cakap itu betul.

Saya hendak tanya berapa banyak wang Kementerian Belia dan Sukan telah dikeluarkan untuk menganjurkan bola sepak Liga Pro? Kita terpaksa mencari RM40 juta setahun. Dahulu *Dunhill*, sekarang tidak ada *Dunhill*, I terima kasih kepada Telekom Malaysia yang telah mengeluarkan RM8.5 juta untuk membantu menganjurkan pertandingan bola sepak. Kalau tidak, tidak ada pertandingan. Cuma masalah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah soal pembangunan. Kita cuba lakukan pembangunan tetapi masalahnya ialah, dengan izin, *authority*. Kita tidak ada *authority*, melainkan pihak sekolah dan Kementerian Belia dan Sukan.

Jadi, hari ini apabila kita mencadangkan melantik jurulatih-jurulatih sepenuh masa yang bergaji penuh oleh Kementerian Pelajaran, alhamdulillah Menteri berkenaan telah pun memberi respons untuk melantik jurulatih-jurulatih sepenuh masa bagi tujuan melatih atlet dan ahli sukan, sama ada bola sepak ataupun sukan-sukan yang lain. Lapan sukan teras yang telah ditetapkan di bawah Dasar Jawatankuasa Kabinet. Saya berapa mengatakan kalau kita buat Becham Bower, Michel Platini ke Malaysia, apakah jaminan bahawa masa depan bola sepak kita akan maju? Tidak boleh, sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi melainkan kita sama-sama membudayakan sukan di semua peringkat akar umbi untuk memulihkan kembali baka-baka yang baik, yang berkualiti dan bermutu untuk mewakili negara kita.

Singapura telah mengambil pemain-pemain bukan dari negara asing dengan diberikan kerakyatan untuk pasukan bola sepak mereka.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Yang Berhormat bagi Ketereh, dua bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua orang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hah! Yang Berhormat bagi Ketereh, saya bagi sebab dia bekas Setiausaha Politik Menteri Belia dan Sukan. Mungkin dia ada pengalaman. Dia hendak minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasihlah Yang Berhormat bagi Larut. Saya daripada tadi memerhati dan mendengar ucapan Yang Berhormat yang memang pintar dalam bidang bola sepak, sudah pangkat besar dalam bola sepak dan orang yang menerajui bola sepak. Tetapi sebagai *layman*, sebagai orang yang juga pernah terlibat, macam Yang Berhormat kata tadi kita tengok dahulu tidak ada pro, bola sepak bermutu tinggi, pemain bagus. Kemudian FAM *introduce* pro sebab dunia *introduce* pro, kerana memperkenalkan pro, profesional, FAM pun bawa profesional.

Peringkat awal datang profesional, lagi ada profesional, lagi teruk main. Kita bayar pemain untuk bermain untuk kelab. Yang Berhormat ulas tadi kerana pemain sudah tidak ada minat hendak bermain untuk negara. Okey, baguslah itu. Maknanya, FAM sudah kenal pasti pemain tidak ada minat hendak main untuk negara. Kenapa? Yang Berhormat sudah bagi jawapan. Habis kenapa FAM tidak *rectify this problem*. Lagi ada pro lagi teruk, baik tidak payah ada pro. Itu pendapat *layman*.

Tetapi Yang Berhormat, saya pun faham, ada profesional ini industri bola bertambah. Industri bola ini maknanya ada orang dapat duit daripada bolalah. Orang yang ada stadiumnya, penganjuranya dan berbagai-bagai. *Sponsors*nya dapat duit daripada industri. Tetapi industri naik dalam membina negara tujuannya ialah untuk melahirkan pasukan negara yang mantap agar nama negara naik kerana ada pemain yang baik. Tetapi ini tidak berlaku daripada dahulu sehingga sekarang. Persoalannya kenapa? Saya pun pening, saya tidak boleh cari jawapan. Persoalannya, FAM mesti menyelesaikan masalah ini. Sudah berkali-kali tukar pemimpin FAM ini. Adakah kerana FAM ini beku sangat, tidak faham sangat, dok fikir pasal industri, tidak fikir tentang negara. Itu pandangan orang rakyat, Yang Berhormat. Tolong selesaikan masalah saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah. Pertama, Yang Berhormat sendiri tidak tengok bola sepakkan? Waktu pertandingan piala FAM

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Saya main bola, *under twelve* saya pemain negeri Kelantan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah! Itu pemain, saya pun pemain juga. Saya cuma hendak menyebut, jangan melenting, bila Yang Berhormat bercakap saya dengar. *[Ketawa]* Waktu piala FAM yang barui ni pun Yang Berhormat tidak ada di Stadium Kelantan, saya mengharapkan Yang Berhormat datang bersama-sama untuk memberi sokongan kepada pasukan Kelantan ketika bermain dengan Kelab

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Bertugas di luar negara.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Ketawa]* Sebenarnya saya bukan hendak menyebut di sini siapa yang salah, siapa yang betul. Cuma hendak memberi penterjemahan. FAM adalah merupakan badan NGO untuk menganjur. Kalau hari ini kalau FAM tidak menganjurkan bola sepak, siapa hendak menganjur? Beritahu saya. Siapa?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Tangga Batu? Tahniahlah Yang Berhormat bagi Tangga Batu kerana Ketua Menteri Melaka telah tampil ke hadapan untuk sama-sama

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dua orang bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nanti sekejap saya belum habis lagi, kalau tidak, tidak tahu apa yang ditanya, mengelirukan lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: FAM mesti bertanggungjawab. Dia organisasi ini. Mana boleh sandarkan kepada orang lain?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sabarlah kita dalam bulan puasa. *[Ketawa]* Dengar dahulu penjelasan saya, bagi saya jelaskan dahulu. *[Disampuk]* Kita sebagai penganjur. Penganjur maknanya kita menganjurkan, sebagai badan yang menganjurkan dan kita terpaksa mencari dana-dana dan juga penaja-penaja. Kita mesti lihat perkembangan bola sepak negara kita ini pada keseluruhannya. Macam yang dikatakan tadi industri bola sepak kita berkembang, 200 atau 300 orang dapat pekerjaan.

Bayangkan kalau dua, tiga kelab seperti MK Lane, Public Bank umpamanya dan yang lain menarik diri daripada bola sepak kita, ke mana akan pergi 30, 40, 60 orang pemain-pemain untuk mendapat pekerjaan? Sudah tentu mereka akan menganggur. Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi pembangunan di mana pembangunan ini membabitkan akademik. Akademik yang dimulakan di peringkat sekolah. Kita sebagai badan NGO, bermakna kita menganjurkan pertandingan untuk disertai oleh negeri-negeri. Jadi, Yang Berhormat kena faham. Kementerian Belia dan Sukan, *alhamdulillah* tidak mengeluarkan ...

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekejap. Tidak mengeluarkan peruntukan seperti mana badan-badan sukan yang lain. Soal taraf pro yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya hendak beritahu di sini, pemain-pemain Brazil kenapa bagus, bila bermain di luar. Di Brazil dia tidak ada. Daripada Argentina dia main keluar, di Eropah, di mana-mana di benua Eropah kerana mereka hendak mencari, hendak menarik pemasaran di peringkat Eropah. Begitu juga di Afrika.

Tetapi pemain-pemain ketika ini tidak ada langsung semangat untuk keluar daripada kemelut kemiskinan kerana mereka dah tahu di Malaysia ini pendapatannya begitu baik. Sila Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu dulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya nampak Yang Berhormat Larut begitu romantik sekali apabila bercakap pasal bola. Memang jiwa dan raga nya tu bola, minum bola, tidur bola, makan bola. Puasa pun bola. Yang Berhormat Larut, saya nak cerita dalam konteks Melaka lah, pada pandangan Yang Berhormat Larut tengok Melaka ni dah seperti melukut di tepi gantang dalam liga bola ini. Masuk tak menambah, keluar tak mengurang. Kalau Yang Berhormat Larut dengan pengalaman dan kepakaran dalam pengurusan pentadbiran bola ini, apa ubat nak bagi dekat Melaka ini, Yang Berhormat Larut? Boleh bantu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, saya nak ucap tahniah pada Melaka lah, kerana Melaka satu-satunya gedung yang telah melahirkan ramai pemain kebangsaan yang sekarang ini berada di seluruh negara. Tetapi malangnya oleh kerana mungkin lah kebajikan, tawaran tidak begitu memuaskan, ramai pemain Melaka hijrah ke negeri lain. Sebut di mana, di negeri Sarawak, ada pemain Melaka, di Sabah ada pemain Melaka, di Terengganu ada pemain Melaka, di Johor ada pemain Melaka, walaupun Sri Gading tak suka, pemain import dia lupa ada pemain import pun Johor main division dua. Minta maaf. Tapi hari ini apabila Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka menyertai Persatuan Bola Sepak Melaka, mudah-mudahan industri bola sepak di Melaka kembali balik. Sebagaimana satu ketika di zaman Soh Chin Aun..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Lim Chua Chin dan ramai lagi, sekejap, sekejap. Saya nak ulas dulu, sabar dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekejap sabar dulu. Kita bulan Puasa ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sabar, sabar dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi cari Sri Gading, Sri Gading sudah masuk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya memang minta dia masuk. Supaya dia sama-sama faham. Ya, dia ulas sampai ke lagu dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat semua nampak. Melaka sebuah negeri saya nak kata di sini, amat bertuah. Kerana itulah dapat melahirkan ramai pemain bola sepak sejak zaman Ramli Junid, ramai lagi tapi akhirnya mereka ini terpaksa berhijrah hingga ke Sarawak kerana tawaran-tawaran era pro ini tidak memuaskan mereka. Tapi bila ada Ketua Menteri, saya nak ambil kesempatan ucap tahniah lah, kepada ramai pemimpin yang telah menerajui bola sepak ini seperti di Melaka Ketua Menteri, di Negeri Sembilan Ketua Menteri,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekejap ya..., jadi apa nama, Perlis - Ketua menteri, Kedah - Menteri Besar, Selangor - Menteri Besar, Johor minta maaf kerana Menteri besarnya tak minat. Dan banyak tempat lagi. Jadi yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang berpengaruh. Kita kena faham. Sebab itu kita minta supaya kementerian yang terbabit, Kementerian Pelajaran bermula daripada sekraang untuk membenihkan pemain-pemain bola sepak, ya. Pemain-pemain bola sepak ini dan mungkin juga ahli-ahli sukan yang lain. Untuk masa depan negara kita. Benih yang baik yang boleh kita latih daripada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Supaya kita badan yang menganjurkan kita hanya terima siapa juga yang menyertai pertandingan yang kita anjurkan. Jadi kita kena faham. Saya macam Sri Gading bangkitkan, tentang - terima kasihlah Sri Gading macam marah bola sepak tak pergi stadium, tapi dia masih tonton bola sepak. Sebab itu dia tahu apa yang berlaku dalam perlawanan akhir hingga mengheret penyanyi artis tempatan kita Hattan berhubung dengan lagu Negaraku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Hendak berikan laluan kepada Sri Gading.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya kena bagi dulu, saya kena jelas dulu, baru nanti Sri Gading faham. Tidak nanti dia tak tau apa yang dia nak pada saya, tak tau apa yang saya cakap, sebab dia baru masuk. Sri Gading macam saya katakan tadi pun kuat sukan. Beza dia adalah takraw saya bola sepak, itu sahaja. Ya, takraw ini pun kalah lagi teruk. Lagi kalah, tapi saya tak mahu sebutlah. Sebab takraw pun kalah dengan Myanmar, kalah dengan beberapa negeri yang lain. Dengan Myanmar pun kalah baru-baru ini. Sebab itu kita adakan kejohanan takraw di Malaysia. Kita kalah di Singapura dengan Myanmar. Jadi oleh kerana Sri Gading pegang takraw bolehlah nak Tanya kepada saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Larut, kalau nak kira malu lah, malu betul. Malu besarnya. Bola sepak lah. [Ketawa]. Malu besar. Semua pemimpin pegang bola sepak. Semua pemimpin....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Jangan kata demikian, Larut pemimpin yang menjaga bola sepak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Takpalah Tuan Yang di-Pertua, ini ... saya, dia bagi peluang saya bercakap. [Ketawa]. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, bulan puasa. Malu, segala besar-besar, orang besar-besar pegang bola tapi kalah menurun, mutu tak ada, duit dilonggokkan, pemimpin orang besar-besar, tapi kemajuan tak ada, tak malu kah?

Berhentilah semua menteri Besar. Berhentilah pegang benda-benda seperti ini tapi tidak menguntungkan negara. Buat apa? Ha, besok surat khabar keluarlah ni, Dato' Sri

Gading dia hentam pula Menteri Besar, ha payah pula saya. *[Ketawa]* Ini bercakap dari segi maruah. Maruah. Orang semua besar-besar pegang. Orang kaya-kaya. *Company* besar-besar pun sokong bola, tapi mutu bola sepak kita ke mana? Mana pergi mutu bola sepak kita? Nanti dulu, nanti dulu.. dah bagi saya laluan. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tahu ini bulan Puasa. Jadi sabar sikit. Saya bercakap dari segi kesihatan ini. Kalau lebih-lebih sangat kesihatan kena tengok juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak apa, saya sihat, doktor *check* saya umur saya paras umur 28 tahun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey, saya sudah dapat dah. Saya sudah dapat dah. Terima kasih Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak, tak, tak, nantilah dulu, belum habis lagi ni. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah, saya nak mula ni.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Belum habis lagi. Tadi kata tercari-cari, kata terindu-rindu, dah sampai....haaa

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak ulas lah ni.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, maknanya, macam-macam bantuan, macam-macam orang besar-besar, tapi mutu tak boleh naik ... Johor. Nasib baiklah Menteri Belia Sukan beri peruntukan RM60 ribu. Tak terbayar hotel.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak ada orang nak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang siapa yang berucap?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya faham apa yang dia Tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading atau Larut yang berucap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak apa Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya boleh bercakap lagi Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tengah berucap ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, tapi tadi dia bagi saya peluang bercakap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cukuplah, cukup lah tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang berhormat dibenarkan..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini bagi betis nak peha, cukup lah tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullahal azim. Tak apalah Larut bagi laluan, sangka baik, sangka baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah kepada Yang Berhormat. Saya kalau kira malu lah, malu lagi pada kalah takraw. Takraw ini daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Permainan orang melayu kita. Ini sejarah. Bola sepak ini kita tahulah di mana bermulanya. Mungkin dari Benua Eropah dan sebagainya. Kita hanya sama-sama turut terbabit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Takraw Dato', kalau tak emas, perak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini apa ni? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau tak perak, emas. Kalau tak perak, gangsa. Itulah kami punya ranking kami. Kalau tak no.1, no.2, no.3, bola sepak kalau dah kalah dengan anu, 7-0 ke apa benda, Astaghfirullahalazim. Ini semua patut buang laut juga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya mintalah Sri Gading, orang takraw..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat Sri Gading, Larut, keluar bincang..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, kita tak ada masalah. Cuma kita berdebat dari segi pandangan-pandangan. Saya nak minta Sri Gadinglah, saya pun rindu juga nak tengok takraw, kita dah lama sangat kalah dengan Thailand ini. Kita pernah jadi juara, bila agaknya kita dapat balik, kembalikan balik, pingat emas keh. Perak memang ada, kadang-kadang perak terlepas juga.

Saya nak beritahu Yang Berhormat, sebenarnya jangan silap. Ada pemimpin-pemimpin besar kita dalam persatuan-persatuan bola sepak negeri ini membantu mengembangkan industri bola sepak supaya ramai di kalangan pemain bola sepak ini ada pekerjaan, ada pendapatan sepenuh masa. Tak macam dulu.

Hari ini mereka boleh hidup mewah. Walaupun tak sama dengan pendapatan sebagaimana negara-negara lain yang maju. Kita tidak boleh bandingkan. Apa yang berlaku kita di Kuala Lumpur ini dengan di New York, dengan di L.A, tak serupa, tak sama. Sebab itu saya katakan sebab apa berleluasa hal dadah ini nak disalahkan PEMADAM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekejap saya pergi kepada PEMADAM. Takkan kita hendak salahkan PEMADAM apabila masalah dadah ini bertambah dan bilangannya semakin bertambah.

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sila Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Ha, sudah. Penantian suatu penyeksaan. *[Ketawa]* Saya rasa FAM telah banyak buat kejayaan, tetapi semakin banyak lagi diperlukan oleh FAM ini. Saya hendak beralih sedikit kepada MTA pula ini iaitu, *Malaysian Taekwondo Association*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang Larut bangkitkan masalah bola sepak.

Dato' Razali bin Ismail: Tidak apalah ada kaitan di bawah sukan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, boleh, boleh.

Dato' Razali bin Ismail: Boleh, boleh, boleh. Jadi MTA ini pula ini tidak pasal-pasal pula digantung segala kegiatannya pula ini. Baru-baru ini yang mendukacitakan saya adalah apabila sepasukan anak-anak kita daripada Sekolah Sukan Bukit Jalil berangkat ke Kazakhstan kalau tidak silap, tetapi akhirnya tidak boleh bertanding balik sahaja. Kerananya tidak dapat kelulusan untuk terlibat pertandingan di peringkat antarabangsa ini kerana MTA kita ini ataupun *Malaysian Taekwondo Association* ini telah digantung. Apa pula kerenahnya kementerian ini yang sekarang ini menyebabkan aktiviti anak-anak kita yang ghairah untuk bersukan ini pula tertahan kerana badan induknya pula itu telah dipetisejukkan seketika.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah Yang Berhormat. Sepatutnya yang ini Yang Berhormat tujukan pada Menteri yang berkenaan dia lebih baiklah menjawab kerana ini menyentuh Kementerian Belia dan Sukan. Cuma saya boleh tambah di sini oleh kerana Yang Berhormat Menteri Penerangan pun ada di sini

supaya wujudnya Pesuruhjaya Sukan ini yang dipimpin oleh bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Elias Omar, adalah untuk melihat supaya badan-badan sukan ini tidak lagi macam dahulu letak di bawah tarf di bawah pendaftar pertubuhan supaya segala permasalahan yang timbul dalam badan-badan sukan ini dapat diselaraskan oleh kementerian berkenaan. Saya tidak mahu huraikan lagi biarlah Menteri yang berkenaan untuk menjawab sekiranya ada perkara yang bangkit dalam Dewan ini.

Jadi kita mesti melihat masalah yang kita hadapi pada hari ini jangan salahkan sesiapa, kita sama-sama. Kita sama-sama bertanggungjawab untuk melahirkan ahli sukan dan juga atlet untuk masa depan negara. Kalau satu ketika kita telah membawa masuk rakyat negara asing kononnya boleh meraih pingat di peringkat antarabangsa dibawa daripada Ukraine seorang penembak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ... wanita tetapi akhirnya memberi tamparan kepada kita tidak ada sesuatu kejayaan. Kita bawak daripada negara China, kalau jalan mudah Tuan Yang di-Pertua, senang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ... badminton ambil daripada China *no problem*, sebab nama lebih kurang. Hoki ambil daripada mana India misal kata hari ini hoki pun jatuh Yang Berhormat. Yang Berhormat Sri Gading duduk dahulu. Satu ketika dahulu hoki adalah merupakan nombor wahid India, Pakistan di dunia kita antara *top four*, tetapi kenapa kita hari ini jatuh, ada sebab. Dahulu kita main atas *cow grass*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua hari ini mereka telah ubah kepada *AstroTurf*. Ini merupakan kepandaian, kepandaian kepada orang yang menguasai dunia. Cuba main atas *cow grass* dahulu kita boleh tengok kita buka Belanda, India dan Pakistan memang menang kalah, menang kalah tetapi hari ini German, Korea dan sebagainya. Ini adalah kerana perubahan teknik yang telah berlaku.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sila Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Larut. Saya tengok kepada rumusan perbelanjaan, anggaran perbelanjaan. Di antara kementerian, banyak kementerian lebih besar belanja mengurus daripada belanja pembangunan tetapi untuk Kementerian Belia dan Sukan belanja mengurus ialah RM276 juta, belanja pembangunan ialah RM312 juta. Maknanya Kementerian Belia dan Sukan ini ada visi untuk membangunkan sukan.

Persoalan yang saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat sebagai pakar sukan, dan saya sendiri juga telah terlibat atau pernah terlibat dengan Kementerian Belia dan Sukan ialah, kenapakah kementerian kita ini tidak faham-faham bahawa yang berjaya dalam bidang sukan ini sebenarnya *it has to do with size*? Macam bola sepak kalau kita kecil sampai bila kita tidak boleh - maksud saya begini, maksud saya ialah ada bidang sukan yang mana kita boleh lawan kalau sama besar. Misalnya dalam *boxing* dia ada *heavy weight*, *feather weight*, *middle weight* dan *bantamweight* yang itu kita boleh lawanlah kita cari kecil sama kecil.

Begitu juga dengan angkat berat, angkat berat dia ada *heavy weight*, *bantamweight* yang kecil kita lawan kecil, tetapi kita ini dok hendak lawan orang yang, kalau tengok saiz dia kenapa Korea boleh menang Jepun boleh menang. Pemain bola dia tinggi-tinggi pemain bola dia besar-besar, dia lari laju-laju stamina dia kuat azam dia kuat, tetapi pemain bola kita kalau hendak banding dari segi saiz kita tidak boleh hendak lawan Euro, *no matter how much* kita tidak boleh hendak lawan South Amerika. Sudah hendak lawan Euro sama-sama Asean pun kita sudah tidak kuat itu yang pertama.

Apakah Yang Berhormat tidak ingin mencadangkan kepada, oh, sebelum pada itu saya hendak ucap tahniah kepada Menteri Penerangan kerana walaupun habis *Post-Cab* terus datang, ini semangat Barisan Nasional tidak ada jawab soalan pun datang, makna datang hendak dengar kita kena tahniah, saya tidak tengok tadi tahniah - bagus. Kalaulah menteri-menteri lain ikut macam ini bagus. Dalam sukan ini apakah Kementerian Belia dan Sukan tidak hendak jadikan bahawasanya hanya sukan-sukan tertentu sahaja yang Malaysia boleh ambil boleh dapat medal. Maka yang itu kita fokuskan jangan kita hendak ambil purata semua hendak masuk - tidak jadi. Misalnya bola bowling, bowling ini tidak perlu saiz boleh, sebab itu saya rasa bowling kita berjaya. Begitu juga dengan squash dia tidak perlu saiz, saya hendak tanya begitu terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudah gaharu cendana pula. Yang Berhormat ini dahulu lama dalam Kementerian Belia dan Sukan Yang Berhormat sudah lebih tahu, sebab soal kita menentukan acara-acara ini ialah Jawatankuasa Penganjur Sukan di peringkat antarabangsa. Misal kata Sukan Sea terpulang pada tuan rumah berapa jenis sukan yang dia hendak tentukan, Olimpik Asia dan sebagainya.

Di sinilah kita mesti faham walaupun sebagaimana Yang Berhormat kata tadi saya setuju supaya kita tentukan hanya sukan-sukan yang tertentu yang boleh mendatangkan pingat kepada kita. Umpamanya, misal kata renang kita susah hendak bertanding hendak ikut saiz semua dengan negara lain, tetapi badminton kita kata boleh misal kata, hoki kita boleh, bola sepak katakan kita boleh mengikut apa yang kita boleh beri saingan. Ini mungkin peringkat Sukan Sea, macam takraw saya masih lagi rasa kecewa sebab takraw ini saya rasa berkali-kali minta supaya kita terus menyuarakan dapat masuk ke Olimpik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tentang masalah bola sepak hendak ambil berapa jam?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua kalau sudah rakan-rakan kita begitu prihatin...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam Sri Gading bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...tentang bola sepak apa salahnya kita sama-sama bincang dalam Parlimen ini. Biar sepanjang Parlimen bulan puasa ini kita bincang pasal bola sepak sahaja. Tidak ada masalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masing-masing bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, sila Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Saya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat bercerita berkenaan dengan kemajuan sukan. Tadi kita dapati kemajuan sukan ini bergantung juga kepada saiz pemain, bergantung juga corak permainan, bergantung kepada pengurusan, ia jangan lupa juga kita bergantung kepada dua perkara lagi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

Yang pertama berkenaan dengan bila disentuh sukan dan kesihatan ialah bidang psikologi ataupun bidang keyakinan diri pada pemain tersebut.

Yang kedua berkenaan dengan penaja. Saya dapati bahawa penaja ini menaja sesuatu bidang khusus sedangkan meninggalkan bidang sukan yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah Batu Pahat seorang *golfer* dengan izin. Saya tidak tahulah berapa *handicap* dia. Sebelum saya hendak pergi jauh sedikit saya hendak bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan tentang program kesejahteraan yang digalakkan di semua daerah, Parlimen dan negeri tentang hasilnya. Apakah peruntukan yang disalurkan itu benar-benar mencapai sasarannya, ini pun ada kaitan dengan apa yang saya bangkitkan ya. Kita minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang program kesejahteraan yang digalakkan di seluruh negara.

Saya amat setuju apa yang dibangkitkan oleh Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua kalau di negara lain kita boleh bagi *tax exemption*, dengan izin pengecualian cukai tiada sebab bagi syarikat-syarikat besar. Sebab di Korea mereka maju antara sebabnya bola sepak mereka dan Jepun kerana syarikat-syarikat besar mereka seperti Hyundai, Samsung sebut apa sahaja, mereka dapat pengecualian cukai daripada kerajaan.

Jadi saya merasakan sudah tiba masanya kita juga melihat betapa *tax exemption* di negara kita ini juga diberikan kepada syarikat-syarikat besar untuk menaja barang-barang sukan, tidak kira bola sepakkah, sepak takrawkah tidak kiralah kerana kalau dahulu syarikat rokok telah memberi satu sumbangan yang besar pada negara kita sampai RM1 bilion setahun.

Dunhill banyaklah tetapi hari ini tidak lagi, tidak dibenarkan oleh badan dunia, jadi sebab itu saya masih lagi merayu kepada kerajaan memikirkan, memberi pertimbangan kepada syarikat-syarikat besar ini untuk menaja mana-mana jenis sukan diberikan pengecualian cukai kerana ia akan mendatangkan satu hasil bukan sahaja kepada atlet dan ahli sukan itu malah juga menggalakkan lagi untuk kita membudayakan sukan sebagaimana yang kita sendiri mahukan supaya kita terus maju bagi mencapai tahap di peringkat antarabangsa. Yang Berhormat bagi Kemaman, sila.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Larut. Saya tertarik sekali segala penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat mengenai kemajuan sukan dalam negara kita. Saya sekadar ingin mengulang pandangan banyak orang yang mengatakan bahawa bidang-bidang yang dilihat kita cemerlang seperti badminton misalnya, seperti *bowling*, seperti *squash* yang melahirkan tokoh-tokoh dan bintang-bintang sukan.

Kebanyakan yang melahirkannya bukannya institusi, bukannya sekolah, bukannya MSN, bukannya kementerian tetapi keluarga masing-masing kalau sebut badminton kerana keluarga Datuk Sidek. Kalau *bowling* itu, Shalin misalnya kerana ayahnya Zulkifli begitu juga Nurul Huda dahulu kerana ibunya, begitu juga dengan Nicole David dalam *squash* dan sebagainya. Bukannya institusi yang dikatakan belanja mahal-mahal ada kementeriannya, ada pegawainya, ada segala pakarnya tetapi akhirnya yang melahirkan bintang ini ialah keluarga masing-masing.

Banyak orang misalnya sekolah, sekolah ada katakanlah tenis, dia ada gelanggang tenis di sekolah tetapi sepatutnya adalah guru tenisnya tetapi guru yang sepatut mengajarnya cara mengira perlawanan tenis itu dia kira macam badminton satu kosong, dua kosong tidak tahu cara tenis kiranya lain. Ini berlaku banyak di sekolah-sekolah dalam negara kita. Saya hendak minta komen kenapa perkara ini sudah lama saya sudah dengar cerita tetapi kenapa sampai sekarang tidak selesai lagi, institusi tidak melahirkan jaguh tetapi hanya bergantung kepada keluarga.

Soalan yang kedua sedikit lagi pasal pakar bola sepak ini, bagi sebuah *team*lah katakanlah sebuah kelab hendak masuk piala FAM untuk masuk bertanding tidak usah kata juara lagilah berapakah keperluan minimum dari segi kewangan? Pengalaman daripada Yang Berhormat untuk menjadi *team* yang berjaya, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebelum itu saya hendak bagi pandangan kepada Yang Berhormat, dalam bola sepak ini dia yang masalahnya

hendak mempertahankan kedudukan, hingga kini tidak ada masalah hendak mempertahankan kedudukan.

Umpamanya katakanlah pasukan Kemaman FC melayakkan diri masuk ke pertandingan piala FM tidak ada masalah tetapi hendak mempertahankan ini yang timbul masalah kewangan mungkin RM300,000.00, mungkin RM400,000.00 setahun, mungkin lebih daripada itu. Kerana setiap pasukan negeri walaupun FM memberi satu juta ringgit setahun subsidi kepada setiap negeri tetapi mereka masih tidak mampu untuk mengendalikan sebuah pasukan oleh kerana bayaran gaji, bonus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak habis ini, saya hendak masuk bab sistem penyampaian pula Tuan Yang di-Pertua sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masuklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, jadi yang ini Yang Berhormat kena faham ya? Sebab ramai rakan-rakan saya daripada Temerloh pun cuba hendak membawa pasukan Kuantan FC tetapi akhirnya dia kata dia mengalah kerana tidak boleh hendak *maintain* tidak boleh hendak *sustained* dengan izin penyertaan mereka dalam pertandingan bola sepak. Kerana kita ingat bermain bola sepak bukan macam main di peringkat kampung, setakat minum ais kacang, makan mee rebus balik, mereka hendak bonus. Setiap kali bermain mereka hendak bonus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit lagi. Saya berterima kasihlah kepada pandangan Yang Berhormat tadi mengatakan ada di antara keluarga dalam negara kita ini yang telah berjaya melahirkan jaguh-jaguh sukan atlet seperti Datuk Sidek Kamar, keluarga kepada.. mudah-mudahan kita berharap beliau berada dalam pusat rawatan segera sembuh iaitu Datuk Sidek yang telah melahirkan ramai jaguh-jaguh badminton, Misbun, Razif, Jailani, Rahman dan sebagainya. Begitu juga dengan keluarga Husin, pemain badminton dan ramai lagi.

Saya tidak tahu apakah kita sedar perkara ini kerana ada cerita mengatakan bahawa *Tiger Wood* dilatih sedemikian rupa oleh bapanya sendiri dengan diikatnya tangan, saya tidak tahu apakah cerita ini benar untuk menjadi seorang pemain golf handal di seponon pokok dan dia meletakkan anak itu supaya memukul bola supaya tidak kena ibunya, jarak yang telah ditentukan. Saya tidak tahu wallahualam apakah ini benar-benar berlaku pada *Tiger Wood*.

Kalau itu betul, itulah sehingga ke peringkat itu, maknanya bapa ini ikat maknya di seponon pokok dan menyuruh *Tiger Wood* ini memukul bola tersebut jangan sampai kepada ibunya. Sampai peringkat itu saya tidak tahu apakah ini benar tetapi itulah yang dikatakan oleh sesetengah penggiat-penggiat sukan, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini penghabisan bertanya pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya Yang Berhormat Larut yang cari Yang Berhormat masuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pada hari ini, kepada Yang Berhormat Larut berkaitan bola sepak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, soalan yang terakhirlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pada hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Besok boleh sambung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Besok boleh? Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Orang cerita bola Tuan Yang di-Pertua, pasal semua dunia gila bola. Bola ini Tuan Yang di-Pertua daripada raja sampai bawah semua minat bola. Bola ini lelaki minat perempuan pun minat, tua minat muda pun minat, orang alim pun minat, orang tidak alim

pun minat. Saya punya kampung Tuan Yang di-Pertua, selepas sembahyang Asar imam itu dengan dia punya jubah sekali tengok. Yalah, itu tidak salahlah maknanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap atau hendak minta penjelasan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Ini saya susahlah Tuan Yang di-Pertua, pasal hendak masuk ini, hendak kasi ini Yang Berhormat Larut biar dia faham itu pasal saya kasi panjang sedikit. Kadang-kadang dia tidak faham, takut dia tidak fahamlah dia orang pandai tapi pandai tidak mesti faham. Ada orang faham tapi tidak berapa pandai, ada orang pandai tapi tidak faham, ha yang itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia pandai tidak faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh jadi dua-dua sekalilah Tuan Yang di-Pertua dia pandai dan dia fahamlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Teruskan, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita bertanya Tuan Yang di-Pertua, import kita punya jurulatih daripada luar, import pemain-pemain kelab-kelab ini daripada luar, mutu bola sepak tidak juga naik. Jadi orang bertanya apa untungnya? Maknanya import jurulatih, import pemain cuma bagi untung orang luar. Kita punya mutu bola sepak tetap sama di takuk lama, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa benda-benda ini tidak dapat hendak dilihat oleh orang-orang yang bertanggungjawab dalam bola sepak? Betul saya bertanggungjawab dalam sepak takraw....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Oh, mengaku sekarang ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh mengaku, kita memang bertanggungjawab tentang bidang yang kita dipertanggungjawabkan, tapi orang? Sampai sekarang Tuan Yang di-Pertua menyepak bola pun tidak boleh betul, berlari pun tidak boleh kencang, *passing* bola, *skill* bola sepak pun tidak boleh *control*, tidak boleh. Ini apa kerja dia orang Tuan Yang di-Pertua, apa ini kerja? Dia orang apa kerja?

Ini bukan soal bola marah sepak takraw, sepak takraw marah bola tidak ada Tuan Yang di-Pertua, tidak ada saya pun tidak ada marah dia, dia banyak baik punya kawan sangat bagus tetapi ini masalah kepentingan negara. Sedar atau tidak pemimpin-pemimpin dalam bola sepak tentang kelemahan-kelemahan ini yang mesti mereka atasi dengan segeralah Tuan Yang di-Pertua. Selamat Berpuasa Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya faham dia yang tidak faham *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak apalah, kita tinggalkan bab itu dahulu. Sekarang kita sudah lihat, sebenarnya Yang Berhormat Sri Gading ada kelebihan kita bawa masuk pemain-pemain import macam saya katakan tadi, Selangor menjuarai 3 piala sejarah dalam alaf baru walaupun pada tahun 1985 mereka pernah memenangi 3, 4 piala tetapi di era pro ini, inilah sejarahnya Selangor tahniah saya ucapkan kerana memenangi 3 piala dalam semusim. Hanya dengan membawa masuk pemain-pemain jawa dengan izin pemain jawa iaitu pemain Indonesia.

Namun kita jangan lupa bahawa taktik ataupun kelebihan yang dimiliki oleh Selangor itu adalah kerana ramainya juga rakyat warganegara Indonesia yang ada di negara kita ini. Jadi apabila dibawa dua pemain *Bambang* dan *Ellyboy* daripada Indonesia ini, dua pemain kebangsaan ini telah berjaya menarik sampai 20 ribu, 30 ribu orang. Di antara ribuan penonton yang berada di Stadium Bukit Jalil itu adalah terdiri daripada rakyat Indonesia yang berada di Malaysia. Bukan kah itu lebih baik?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh saya celah sedikit. Apakah bola sepak mementingkan wang ringgit daripada maruah? Maruah tidak penting, apa faedahnya kita banggakan yang main bukan warganegara. Kalau macam itu, import sahajalah pemain Brazil duduk Malaysia...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebab itu saya cakap awal-awal tadi pasal...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ... lepas itu masuk Piala Dunia, Malaysia johan Piala Dunia tetapi yang main Brazil! *[Berbahasa Jawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu tadi saya awal-awal Tuan Yang di-Pertua, saya cakap kesihatan, saya bimbang kawan-kawan kita ini kena *check* juga kadang-kadang, kasihan, sampai tidak ada langsung berubah waktu bulan puasa pun sama sahaja. Jadi sebab itu saya berharap kita mesti lihat dari segi rasional apa yang kita buat, jangan kita kata bahawa ini merugikan, tidak. Sebab kita pun hendak pemain-pemain kita pun keluar juga bermain di negara-negara lain, bermain di Singapura, bermain di Indonesia bermain di Thailand, apa salahnya. Ada.

Macam Stadium Bukit Jalil, Yang Berhormat Bera, kalau saya tidak tolong siapa hendak pergi bagi pendapatan kepada Stadium Bukit Jalil ini? Tidak ada siapa hendak boleh main mula-mula, saya tolong menyelamatkannya Tuan Yang di-Pertua. Kita bawa bola sepak ke Stadium Bukit Jalil dengan 95 ribu orang datang senang, tidak ada siapa hendak guna. Di sinilah saya meminta supaya kementerian berkenaan supaya dapat menggunakan sepenuhnya semua kompleks sukan yang ada dalam negara kita ini. Walaupun Yang Berhormat Menteri dah sebut hendak buat macam-macam, walaupun belum dibina lagi dilaksanakan lagi, ada setengah kata "mana duitnya mana peruntukannya."

Baru-baru ini pula Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa dia sedang mengkaji untuk menyerahkan semua kompleks sukan ini kepada pihak syarikat. Ini saya tidak berapa setuju sangat, bukan apa ini pengalaman saya. Kalau semua kompleks sukan macam kata Stadium Bukit Jalil inilah yang dah begitu baik dipimpin oleh sahabat saya dari Bera menggantikan padang untuk tahun 2007 kita ada Piala Asia di situ. Kalau kita serah kepada pihak-pihak syarikat, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, ini akan menimbulkan masalah kesulitan kepada belia-belia untuk menggunakannya. Seperti mana Stadium Shah Alam hari ini, stadium yang dibina begitu indah untuk Kejohanan Remaja Dunia 1997, *Michael Owen* main masa itu, Derry Henry main masa itu ramai lagi yang saya tidak ingat. Hari ini Tuan Yang di-Pertua tengok hanya boleh digunakan untuk bola sepak sahaja kalau bola sepak tidak ada stadium ini akan tinggal kosong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat balik kepada agenda yang lain...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya hendak pergi alih ke yang lain iaitu sistem penyampaian sektor awam. Terima kasihlah kepada rakan-rakan yang mana saya tidak boleh jelaskan jangan marah kita boleh sembang dekat luarlah. Yang lain kita serah kepada menteri berkenaan apabila datang untuk menggulung kemudian hari. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kakitangan awam. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lupalah saya minta jugalah insentif yang diberikan kepada keluarga pengecualian cukai RM4000, RM9000 ini kalau boleh wang itu juga dapat dijadikan sebagai satu insentif kepada anak-anak mereka untuk menggunakannya bagi tujuan sukan.

Macam misal katalah kalau anak Yang di-Pertua dulu tidak boleh beli boot, belilah tidak ada masalah. Kalau hendak harapkan semua sebagai satu sumbangan ini menimbulkan masalah sedikit. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kakitangan awam kerana sekali lagi mendapat habuan daripada kerajaan. Pada ketika yang sama saya juga ingin mengajak pekerja swasta terus memberikan sumbangan negara walaupun tidak ada habuan seperti kakitangan sektor awam.

Bercakap mengenai sektor awam ini oleh sebab mendapat banyak insentif, mereka juga perlulah memulangkan keyakinan kerajaan ini dengan perkhidmatan yang baik. Hari Sabtu kini telah menjadi hari cuti, bermakna mereka bekerja lima hari seminggu. Sewajarnya dalam tempoh lima hari itu tumpuan adalah kepada kerja dan jangan ada lagi aduan mengenai kakitangan yang ponteng, banyak bersembang, jadi kerja dan imej perkhidmatan awam seharusnya seimbang atau setanding dengan pihak swasta.

Kakitangan kerajaan perlulah cekap, bersih dan amanah bagi mencapai tahap cemerlang, gemilang dan terbilang.

Kerana itu inilah masanya bagi sektor awam untuk menambah baik sistem penyampaian bagi memainkan peranan sebagai rakan kongsi utama kepada kerajaan. Dengan kata lain mereka perlu berubah mengikut permintaan pasaran, keperluan rakyat dan jangkaan kerajaan. Amatlah perlu prestasi dalam sektor awam dinaikkan setanding dengan sektor swasta kerana sistem ganjaran mereka kini dalam beberapa perkara mengatasi swasta tetapi dari segi penalti untuk menjadi berdaya saing jauh lebih rendah.

Kakitangan swasta mendapat bonus berasaskan prestasi tetapi bonus sektor awam nampaknya lebih kepada sikap murah hati kerajaan. Bagaimana agaknya kalau dalam bajet akan datang kerajaan tidak lagi boleh bermurah hati kerana sebab-sebab ekonomi tetapi tidaklah bermakna bermurah hati ini Tuan yang di-Pertua, sehingga tanggapan oleh pihak lain mengatakan seolah kerajaan cuba memancing kakitangan kerajaan sehingga memberi bonus kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, berikutan itu adalah wajar kerajaan memperkenalkan KPI seperti yang diamalkan kepada agensi-agensi kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Li Si Cheng]: Yang berhormat, Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Larut berhubung dengan *delivery system* ini pagi tadi sebelum saya datang ke Parlimen ini saya pergi ke Pejabat Pendaftaran untuk mengambil Mykad yang buat di Parlimen dulu ini, apa yang menjadi masalah apabila kita sampai di sana memang dia bagi nombor, kemudian masalahnya bukan disebabkan oleh personel, person itu tetapi disebabkan oleh sistem yang digunakan. Satunya sistem yang *centralize computer* itu *breakdown* dan kita terpaksa tunggu kalau saya tidak silap sampai satu jam saya tunggu di situ untuk hanya mengambil Mykad.

Masalah yang saya hendak tanya ialah tentang sistem yang kita gunakan adakah kita perlu beri perhatian kepada masalah sistem *breakdown* yang selalu dihadapi oleh masyarakat apabila berkomunikasi dengan jabatan kerajaan ini. Kalau sistem *breakdown* itu hanya mengambil 10, 15 minit itu tidak masalah, tetapi kadang-kadang sampai satu jam mereka terpaksa tunggu, padahal mereka telah mengambil nombor dan apabila datang semula kita terpaksa mengambil nombor yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap masalah sebegini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih yang Berhormat. Saya sendiri pun kadang-kadang apabila menghubungi pejabat kerajaan kadang-kadang menunggu panggilan operator, kadang-kadang *machine* yang jawab. Oleh itu kita kena fahamlah tentang beban kerja. Begitu pun Tuan Yang di-Pertua saya berharaplah di bawah KPI ini saranan Yang amat Berhormat Perdana Menteri sendiri supaya kita kurangkan birokrasi, kerehah supaya dapat mencetuskan satu sistem pentadbiran yang telus, yang licin, yang berkesan agar apa yang cuba dilakukan oleh kerajaan ini benar-benar memenuhi hasrat dan cita rasa rakyat.

Jadi oleh sebab itu adalah wajar kerajaan memperkenalkan KPI seperti yang diamalkan kepada agensi-agensi kerajaan, kerana sekiranya meningkatkan daya saing bermakna menambah baik prestasi kerajaan sendiri iaitu produktiviti, kreativiti dan menaikkan nilai pemegang saham. Saham dalam konteks ini adalah rakyat. Saya faham apa yang disebut oleh Pendang tadi kadang-kadang *breakdown* itu tidak dapat dielakkan walaupun pada kita ini satu kerja yang remeh-temeh. Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah saya katakan tadi perkara-perkara inilah mesti dijadikan satu pengalaman oleh mereka dan bukan sampai hari ini perkara yang sama yang serupa masih berulang.

Pada masa depan bagi saya jika mahu diberi ganjaran di atas usaha mereka, kakitangan kerajaan perlulah berkongsi sebagai kakitangan syarikat seperti syarikat tersenarai awam, syarikat berkaitan kerajaan atau perusahaan kecil dan sederhana yang menunjukkan hasil melebihi jangkaan bukan sekadar *average* semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua tadi rakan-rakan telah menyentuh tentang diesel sawit. Saya pada mulanya ingin hendak sentuh juga tentang industri ini, tetapi oleh sebab Mambong

dan Santubong pun dah sentuh, saya pun turut sama menyokong apa yang telah diberi pandangan oleh mereka dalam kita terus memajukan industri ini oleh kerana kita juga adalah merupakan di antara pengeluaran minyak sawit.

Akhir sekali saya hendak sentuh tentang kebersihan. Kebersihan adalah amalan yang dituntut oleh semua agama, negara dan bangsa malah kebersihan adalah punca hidup yang sihat, tidak digugat oleh penyakit dan mewujudkan satu suasana kehidupan yang nyaman dan menyeronokkan. Namun apa yang berlaku di sebaliknya, rakyat kita kini ramai yang membuang sampah merata-rata serta tidak mempunyai sikap atau budaya yang mengutamakan kebersihan, bekas makanan segera, kotak rokok, sisa industri, najis ternakan serta banyak lagi dibuang begitu sahaja. Apakah kesannya? Paling utama ialah penyakit dan keduanya ialah pemusnahan alam sekitar.

Saya hanya ingin tumpukan soal penyakit atau wabak kesan kebersihan yang tidak diambil peduli, kebetulan Tuan Yang di-Pertua yang mengambil alih adalah seorang doktor. Wabak pula, saya mahu tumpukan kepada denggi, tiada aedes, tiada denggi. Ia bukan sahaja wabak tetapi mala petaka. Ia pembunuh sehebat AIDS atau juga selesema burung, jadi oleh sebab banyak daripada penyebab mala petaka ini disebabkan oleh kesilapan manusia, maka Tuan Yang di-Pertua, pembawa atau penyebab mala petaka ini perlukan dikenakan hukuman berat.

Mengikut seksyen 25, Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975, mereka yang membiak secara sengaja atau tidak sengaja, jentik-jentik nyamuk aedes boleh dikenakan kompaun serta-merta sehingga maksimum RM500. Nilailah sendiri denda ini apa kesannya kepada mereka yang menerima malapetaka ini, bukankah mereka boleh menyebabkan kematian kepada orang lain. Kita tahu dunia sedang menyaksikan ledakan wabak demam denggi memandangkan nyamuk aedes semakin kebal terhadap kaedah kawalan pembiakan serangga yang dijalankan secara tradisional.

Pengarah Institut Penyakit Tropika, Asia Pasifik di Hawaii, Dr. Duane Gubler mengakui wabak tersebut telah mencapai satu tahap, di mana ia telah merebak dan menjadi kebal. Saya sedih membaca berita kematian kerana denggi yang disiarkan di akhbar pada awal tahun ini. Laporan menyebabkan hasrat seorang suami untuk membesarkan anak sulungnya bersama isterinya berkecai apabila isteri meninggal dunia akibat demam denggi berdarah pada 26 Ogos tahun lepas, dua hari selepas bersalin Allahyarham isterinya itu disahkan menghidap demam yang boleh membawa maut. Itu ketika dimasukkan ke sebuah hospital di Petaling Jaya untuk bersalin dan apabila Kementerian Kesihatan menyatakan kes demam denggi di empat negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak dan Pulau Pinang ini dikategorikan sebagai kritikal apabila beberapa hospital mencatatkan peningkatan pesakit secara mendadak. Oleh itu, saya mohon perkara ini diberikan perhatian yang amat serius.

Last sekali, *hot spot*, dengan izin atau kawasan yang mana mencatat kes demam denggi tertinggi ialah di kawasan bandar seperti di daerah barat daya Pulau Pinang, Johor Bahru, Majlis Perbandaran Subang Jaya, MPSJ, Setapak, Cheras, Ampang Jaya, Gombak, Shah Alam, Kajang, Seremban malah tidak terkecuali Putrajaya, apakah langkah kita mengenai kebersihan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan supaya pihak berwajib mengatasi masalah ini dengan membuat pendirian dan tindakan yang tegas terhadap memerangi denggi, janganlah ada lagi bercakap penyedap telinga umpamanya, ke semua institusi dan agensi di bawah kementerian saya, bukan sayalah, ini orang yang bercakap sudah diarah menjalankan kempen memerangi wabak denggi secara drastik atau kami akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan atau sebagainya.

Yang sebenarnya perkara yang perlu dilakukan ialah semua pihak mematuhi arahan Kabinet, apakah arahan Kabinet pada 22 Januari tahun ini yang mengarahkan Kementerian Kesihatan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cuai hingga menyebabkan nyamuk aedes membiak di kawasan

seliaan mereka dilakukan. Saya masih ingat Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata arahan ini dibuat bagi memastikan kes denggi yang semakin meningkat sejak beberapa minggu yang lalu tidak bertukar menjadi wabak yang boleh mengancam negara.

Saya mengalu-alukan jika ada usaha untuk ditambah peruntukan yang lebih dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk tujuan pendidikan kesihatan bagi mendidik rakyat negara ini mengenai betapa pentingnya mengamalkan hidup sihat, dan menghindarkan penyakit berbahaya seperti denggi ini.

Perbelanjaan ke arah itu adalah lebih baik kepada terus membina hospital demi hospital setiap tahun. Saya berbangga dengan seorang rakyat Malaysia yang akan menjalankan penyelidikan mengenai demam denggi bagi kursus Ph.D beliau di Universiti Melbourne dan memang beliau layak menjadi penerima pertama program biasiswa Melbourne Perdana Menteri Malaysia bernilai RM180,000 Australia, kira-kira dan RM500.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ulang balik Tuan Yang di-Pertua, RM150,000 dollar Amerika iaitu kira-kira RM520, 000. Satu lagi perkara yang menjadi perhatian yang perlu diatasi segera ialah mengatasi pertelingkahan antara pihak berwajib mengatasi masalah ini dan janganlah menyalah antara satu sama dengan lain, hendaklah dielakkan, yang pentingnya ialah kita bekerjasama untuk mengatasi masalah ini.

Saya sekali lagi menyokong belanjawan yang telah dibentangkan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

4.36 ptg.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk terlibat sama dalam perbahasan rang undang-undang iaitu satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun tersebut.

Yang pertamanya ialah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pembentangan oleh Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri kita, dan saya sebagai mewakili Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Cawangan Terengganu, mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih di atas bajet ini kerana telah memberi peruntukan sebanyak RM200 kepada pesara-pesara. Ini sebagai *one off payment* yang telah diberi kepada pesara-pesara yang diperuntukkan di bawah Bajet 2006 ini. Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa terdapat kira-kira 30 peratus pesara-pesara seluruh negara ini yang pendapatannya ialah di bawah RM300 sebulan. Artinya pemberian sebanyak RM200 yang diberi secara *one off payment* itu tidak mendatangkan banyak kesan-kesannya.

Seandainya dapat difikirkan apakah bentuk lain yang boleh diberi kepada pesara-pesara kita ini yang jumlah pendapatannya itu RM300 ke bawah, yakni terdapat kira-kira 30 peratus kepada mereka. Alangkah baiknya, sama ada dalam bentuk pembelian, perkongsian saham ataupun apa-apa sahaja bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada mereka sebab kita harus tidak lupa kepada jasa-jasa pesara kita ini. Jangan kita jadikan ibarat "kacang lupakan kulit", dan mereka sekarang ini masih juga berdepan dengan masalah-masalah harga makanan yang tinggi dan bermacam-macam lagi mereka juga terlibat dan perlu diingat bahawa seluruh negara sekarang ini terdapat kira-kira 500,000 orang pesara. Sebelum ini terdapat seorang wakil di Dewan Senat yang mewakili suara pesara-pesara ini, tetapi sekarang sudah tidak ada lagi.

Alangkah baiknya kalau dipertimbangkan seorang wakil daripada golongan pesara ini supaya pandangan dan persepsi mereka itu dapat senantiasa diberi perhatian, yang seterusnya yang tertarik perhatian saya ialah tentang Laporan Ekonomi 2005/2006 ini,

yang tidak tercatat di sini dan tercatat dengan secara jelas tentang peruntukan di mana dibelanjakan, iaitu peruntukan sebanyak 8.2 peratus untuk subsidi daripada jumlah yang dibelanjakan sebanyak RM135.8 bilion itu. Sedangkan pada tahun lalu, dalam laporan-laporan ekonomi pada tahun 2004/2005 tidak tercatat sebarang kenyataan berhubung dengan subsidi ini.

Barangkali pada tahun ini ada perkara-perkara yang lebih serius yang harus difikirkan tentang masalah subsidi ini, dan saya merasakan masalah subsidi ini sekarang ini terlalu boleh menimbulkan banyak masalah kepada perkembangan dan juga pembangunan ekonomi kita yang saya lihat sekarang ini kita seolah-olah dibebankan dengan faktor subsidi ini atau dengan izin, *subsidy overload*.

Dalam konteks ini saya ini tarik perhatian bahawa pada tahun lepas, pada tahun 2004 subsidi yang ditanggung oleh kerajaan ialah kira-kira RM20 bilion. Sedangkan pada tahun ini menurut laporan yang telah dikemukakan dalam ucapan bajet ialah dianggarkan kira-kira RM25 bilion, dan ini menunjukkan bahawa satu peningkatan yang cukup banyak sekali dan dianggarkan bahawa untuk 25 juta rakyat Malaysia subsidi yang telah menanggung setiap seorang daripada kita, sama ada kecil, tua, muda, buta, cacat dan sebagainya yang melibatkan kira-kira RM1,000 seorang.

Apakah ekonomi kita dapat bertahan dalam keadaan subsidi yang begitu banyak sekali yang terpaksa ditanggung? Mungkin bagi setengah orang dilihat bahawa *budget* pada tahun ini adalah sesuatu yang disukai oleh ramai ataupun dengan izin disebut sebagai *populist budget*, tetapi sesuatu yang harus kita bimbangkan juga bahawa meskipun kita suka kepada *budget* ini, tetapi usah kita berada dalam satu zon yang disebut sebagai a *false comfort zone* ataupun satu keadaan keselesaan yang palsu sebab akibat daripada kebergantungan kita kepada subsidi yang terlalu tinggi ini boleh mengakibatkan banyak masalah yang bakal dipikul oleh generasi kita ataupun generasi akan datang mahupun generasi sekarang. Subsidi yang tinggi ini menyebabkan pendapatan negara pun berkurangan kerana dalam masa yang sama juga *budget* pada tahun ini tidak menunjukkan peningkatan dari segi percukaianya.

Oleh hal yang demikian, banyak, dengan izin, *opportunity cost* ataupun kos-kos yang terlepas seperti pembinaan hospital, sekolah-sekolah dan pembangunan negara yang lain tidak dapat ditanggung lagi kerana sebahagian daripada peruntukan itu telah disalurkan kepada memberi subsidi ini. Dalam perkara ini juga harus diambil perhatian bahawa tanggungan kerajaan terhadap minyak adalah merupakan sesuatu yang cukup membanggakan bagi pandangan sesetengah orang tetapi dalam pemikiran orang-orang yang lebih dekat kepada ilmu ekonomi, tanggungan yang terlalu besar ini boleh mendatangkan risiko-risiko tertentu.

Misal kata sekarang ini, tanpa subsidi, harga minyak kita sepatutnya yang dijual di pasaran ialah kira-kira RM2.80 seliter, tetapi dengan subsidi harganya sekarang ialah RM1.62. Demikian juga untuk diesel, diesel tanpa subsidi harganya ialah RM2.15, tetapi sekarang dengan subsidi harganya hanyalah RM1.28. Demikian juga dengan *cooking gas*, dengan izin, yang harganya sekarang ialah RM2.50 sekilo dan dengan subsidi yang telah diberi harganya ialah RM1.45.

Ini membawa maksud bahawa kita telah kehilangan dalam bentuk percukaian dan anggarannya sekarang pada tahun ini kita akan kerugian kira-kira RM16 bilion. Ini adalah merupakan satu masalah yang besar yang bakal ditanggung oleh rakyat di Malaysia ini secara keseluruhannya sama ada dalam masa yang terdekat mahupun dalam masa yang panjang. Meskipun ada janji-janji bahawa dalam masa yang terdekat, yakni sebelum berakhir tahun ini, tidak akan berlaku kenaikan harga tetapi kini masih belum memperkuat janji itu dalam masa yang ke depan bahawa subsidi seperti mana yang kita nikmati sekarang, tidak akan dikecualikan ataupun dibiarkan, tidak diberi lagi. Ini memandangkan harga minyak di pasaran dunia sekarang ini semakin hari semakin meningkat. Pada bulan Ogos yang lalu, yakni pada 28 Ogos 2005, harga minyak di Amerika sudah mencecah kepada paras USD71 setong.

Dalam perbincangan kita di Parlimen ini juga ada soalan daripada Ahli-ahli Parlimen menyatakan apa akan berlaku kalau sekiranya harga minyak itu mencecah naik

sehingga USD100 setong. Ini akan membawa satu keadaan yang cukup membimbangkan kepada semua pihak.

Satu perkara lagi yang harus diambil fikiran di sini ialah tentang subsidi-subsidi ini. Sekarang subsidi ini memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak sama ada yang kaya, mahupun yang miskin. Yang sebetulnya, yang bagus, yang sebaiknya, yang miskin itulah yang boleh diberi subsidi, sedangkan yang kaya itu, yang berpendapatan lumayan itu boleh menanggung sendiri subsidi-subsidi yang telah diberi oleh pihak kerajaan dan mungkin dikecualikan tetapi masalahnya sekarang ini kita tidak ada satu kaedah untuk *discriminate*, dengan izin, untuk kita mengasingkan yakni subsidi yang berjenama baik dengan berjenama tidak baik ini supaya ia memberi keadilan kepada semua orang kerana akhirnya ia akan membawa kesan-kesan yang buruk kepada pembangunan ekonomi masa depan.

Saya juga ingin mencadangkan di sini supaya polisi subsidi ini boleh disemak semula kerana dalam keadaan ekonomi kita yang baik ini, kita boleh menyemak terutamanya semakan dari segi kumpulan-kumpulan yang mendapat subsidi daripada pihak kerajaan ini. Selain daripada itu juga hendaklah dilihat tentang kebergantungan kita kepada subsidi ini kerana ia akan mendatangkan banyak kesan yang negatif sama ada dari segi gejala ataupun permasalahan *inflation* mahupun dari segi penyeludupan dan ini pula akan membawa masalah-masalah yang berkaitan iaitu masalah-masalah sosial yang lain.

Maka ini adalah merupakan satu perkara yang harus diambil kira yang seseriusnya. Dalam masa yang sama juga fenomena dunia global sekarang ini dengan bunga-bunga perang dengan keadaan cuaca dunia yang semakin panas yang membawa kepada masalah-masalah mala petaka yang melanda Amerika, seperti Catrina, Rita dan juga taufan di Jepun baru-baru ini juga akan membawa keadaan-keadaan yang menyusahkan dalam jangka masa yang tidak berapa lama lagi. Jadi kita harus berwaspada dengan masalah subsidi yang terlalu besar sehinggakan sekarang ini dimasukkan dalam Laporan Ekonomi 2005/2006 yang kita lihat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya tarik perhatian Ahli Dewan ialah berhubung dengan pembangunan modal insan. Ini adalah merupakan satu strategi yang amat patuh kerana setiap 10% pembangunan kepada modal insan itu yang akan membawa peningkatan kepada 8.6% produktiviti, tetapi peningkatan 10% kepada perkara-perkara yang bukan bersifat modal insan hanya akan membawa peningkatan kira-kira 34%. Maknanya bahawa dengan ini, peningkatan modal insan itu akan membawa kesan tiga kali ganda kepada produktiviti.

Berhubung dengan ini juga, di bawah *budget* tahun 2006 ini telah diperuntukkan kira-kira RM29 bilion untuk pembangunan modal insan tetapi perkara yang penting yang harus diambil fikir tentang pembangunan modal insan ini adalah, yang pertamanya ialah pembangunan diri setiap seorang daripada individu ini yakni pembangunan pemikirannya, pembangunan *intelligentnya*, dengan izin disebut sebagai IQ (*Intelligent Quotient*). Ini adalah merupakan satu perkara yang harus diberi penekanan dalam sistem pendidikan kita sama ada di peringkat pra sekolah lagi, sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah, iaitu pembangunan dari segi pemikiran yang kritis dan kreatif.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya tengok Yang Berhormat begitu yakin sekali meletakkan kaitan ataupun *co-relation* di antara peruntukan pembangunan modal insan, peratusannya dikaitkan dengan produktiviti kepada insan tadi itulah. Kalau 10% diperuntukkan untuk pembangunan insan, maka produktiviti 8.8%. Ini formula mana Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ambil ini? Ada kira-kirakah?

Dato' Razali bin Ismail: Baik, terima kasih. Sebenarnya kita merujuk kepada formula yang disebut sebagai ICOR, *Incremental Capital Output Ratio* yakni dengan 10% peningkatan potensi modal insan itu dari segi pengetahuannya, dari segi *emotional*

intelligentnya, dari segi *spiritual intelligentnya*, dari segi *physical intelligentnya* boleh membawa kepada 8.6% peningkatan produktivitinya. Kajian-kajian yang sahih mengenai perkara ini ada, yang dibuat oleh pakar-pakar ekonomi dan inilah yang disebut di bawah formula ICOR, *Incremental Capital Output Ratio*.

Oleh hal yang demikian penekanan kerajaan kepada pembangunan modal insan ini adalah sesuatu yang cukup tepat dan sesuai pada masanya. Misal kata, masalah yang telah kita buat dari segi pembangunan MSC, *Multimedia Super Corridor*, kita telah dapat menyediakan infrastruktur yang begitu baik sekali, tetapi infrastruktur dari segi pembangunan modal insan dan manusia itu tidak dapat kita gerakkan lagi dan kita berdepan dengan masalah-masalahnya

Demikian juga sekarang ini kita bercakap dari segi kemajuan teknologi *bio-medical engineering*, bio-teknologi dan nano teknologi. Kalau sekiranya kita tidak memikirkan dari segi fundamentalnya, iaitu membangun modal insan ini, maka saya kira kita akan berdepan dengan beberapa isu-isu lain yakni dalam usaha kita untuk memugar segala potensi-potensi pembangunan negara.

Selain daripada membangunkan dari aspek *intelligent* ataupun pembangunan kognitif itu, juga ditekankan pembangunan yang disebut sebagai pembangunan emosi, *emotional intelligent*. Ini adalah merupakan satu perkara yang harus difikirkan sungguh-sungguh sebab melalui pembangunan emosi ini, akan menyebabkan manusia itu lebih redha, lebih beradab, lebih bersopan kalau diperkukuhkan lagi dengan pembangunan *spiritualnya* ataupun *spiritual intelligentnya*.

Selain daripada itu juga hendaklah kita persiapkan individu-individu dalam konteks pembangunan modal insan ini dengan kesediaan mereka untuk berdepan dengan keadaan dunia global yang begitu rencam, yang begitu mewabak dengan pelbagai agenda-agenda yang tidak menentu. Dalam konteks ini pula, *adversity cautionnya* ataupun AQnya harus diterapkan juga terutamanya kepada anak-anak kita sejak daripada kecil lagi di bangku sekolah. Hatta, kalau boleh bermula daripada peringkat tadika lagi sehinggalah ke menara gading.

Ini adalah konsep yang sekarang ini sedang diapungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yakni membina upaya. Membina upaya, yakni *capacity development*, *capacity enhancement* yang harus diperkuatkan dalam usaha kita memperkasakan akal budi manusia dan insan itu. Saya merasakan dengan pembangunan modal insan ini, kita akan lebih berjaya untuk maju ke hadapan, dengan izin, *moving forward* dengan kecekapan *intelligent* kita, dengan kemahiran kita, dengan kepakaran kita dalam usaha kita yang pertama membina dan membangunkan segala potensi-potensi individu itu untuk kita mencapai yang pertama, dari segi tenaganya. Selain kita mendapat tenaga manusia itu juga, kita boleh memastikan berlakunya satu pengupayaan kepada pembangunan manusia yang lain, dengan izin, *to empower other people*.

Selain daripada itu juga, dengan tenaga yang ada, dengan pengupayaan yang kita perolehi, ini juga boleh membawa pada satu *advantage* yang lain iaitu untuk kita memastikan kita sentiasa berada selangkah ataupun dua langkah ke hadapan, yakni mempunyai *competitive edge* yang amat diperlukan dalam dunia sekarang. Dalam konteks pembangunan modal insan ini juga, satu perkara yang harus diberi penekanan terutamanya oleh Kementerian Pendidikan adalah dari segi *accessibility* yakni ruang dan peluang yang seimbang dan setimpal di antara pembangunan luar bandar dan juga pembangunan bandar.

Dalam konteks ini juga, saya ingin menyentuh bahawa strategi yang harus diambil sekarang ini ialah mengimbangkan pembangunan di antara kemajuan sains dan juga sastera. Kita tidak menafikan bahawa sastera itu penting tetapi sains juga penting. Strategi ataupun nisbah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran yakni 60% sains, 40% sastera itu harus digerakkan dan dicapai, dalam usaha kita mencapai dan meraih kejayaan dalam kita mengejar pembangunan semasa sekarang ini. Selain daripada itu adalah *industrial training* ataupun latihan-latihan industri harus diberikan kepada pelajar-pelajar kita, kepada generasi muda. Kolej komuniti juga harus digerakkan supaya pendidikan dan

pelajaran sepanjang hayat itu dapat diberikan. *Accessibility* juga memerlukan kita memberi peluang dan ruang kepada ...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Dalam konteks bina insan ini ataupun modal insan ini, sebenarnya kita lebih memberi fokus kepada pendidikan dan latihan. Jadi, maknanya seseorang itu akan mendapat latihan, mendapat kemahiran. Malah, dalam konteks kognitif, aktif dan *psycho motomya*, ia merupakan seorang yang sempurna tetapi daripada semalam dan hari ini, pagi ini kita membicarakan tentang insan-insan yang menjadi pemimpin di dalam organisasi yang memungkinkan untuk hala tuju kita untuk maju ke hadapan akan terbantu dengan mereka sebagai pemimpin melakukan pelbagai penyelewengan, berbuat sesuatu untuk kepentingan diri sendiri.

Malah, pagi tadi kita ada menyatakan tentang pengkhianatan yang dilakukan. Ini semua dilakukan oleh pemimpin. Jadi, dalam konteks ini, tidak adakah kewajaran umpamanya diadakan satu program khusus bagi pimpinan-pimpinan organisasi yang ada supaya mereka ini diberi orientasi semula, supaya keinsanan dan ketakwaan mereka ini dapat dibina, diterapkan, supaya mereka menjadi pemimpin yang baik dan seterusnya memacu bersama negara kita ke arah kemajuan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu?

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Itulah yang sebaiknya, yakni kita harus melahirkan manusia-manusia, insan-insan adabi yakni insan-insan yang beradab itu, kerana dengan keberadaban insan ini sahajalah, kita boleh mencapai dan meraih kejayaan dunia dan akhirat. Semalam pun telah berbangkit perkara yang sama yang disebut apabila siswazah-siswazah kita, meskipun mempunyai *degree* yang berjela, tetapi melakukan perkara-perkara kemungkaran yang saya sebut sebagai *the intellectual barbarian* ataupun *barbarisms* dalam masyarakat dunia sekarang ini.

Maka, saya kira kita harus pergi kepada pokok pangkal pendidikan. Pangkal kepada pendidikan adalah membina insan manusia yang baik seperti mana dalam hadis Rasulullah s.a.w. bahawa dalam pendidikan adalah membina adab. *[Membaca Hadis]* Yang bermaksud: "*Tuhanmu telah mendidikmu, maka eloklah adab dan perangainya*". Maka, dalam konteks inilah keelokan adab dan perangai. Keruntuhan sesuatu bangsa dan masyarakat di dunia ini adalah bertitik tolak daripada kekeliruan dan kerosakan akhlak dan adab itu.

Maka, dalam konteks inilah saya bercakap tadi. Bila kita bercakap dari segi pembangunan modal insan, kita bercakap dari segi pembangunan manusia secara seimbang dan sepadu dan kita harus kembali kepada falsafah pendidikan kita yang sekarang ini kadang-kadang manusia seolah-olah lupa dalam kita mengejar pembangunan sains dan teknologi, adab dan pembangunan insan yang sepadu dan seimbang itu, yakni '*jerry*' yang telah disebutkan oleh rakan saya daripada Sabak Bernam itu menjadi keutamaan kita.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Dato' Razali bin Ismail: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh, sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya tertarik bila Yang

Berhormat sebut soal pendidikan dalam konsep Islam ialah membina adab dan membina akhlak. Memang betul dan tepat. Rasulullah dahulu dibina akhlaknya terdahulu. Sahabat-sahabatnya juga dibina akhlaknya dahulu. Sebagai bekas Pengarah Pendidikan Negeri, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat. Saya ingat saya kecil-kecil dahulu, masa saya sekolah agama, sebelum masuk ke sekolah kebangsaan dan sekolah Inggeris, ada satu mata pelajaran yang dinamakan mata pelajaran akhlak. Dalam mata pelajaran ini diajar bagaimana menghormati ibu bapa, menghormati orang tua dan kaedah-kaedah adab dan akhlak dalam kehidupan.

Di manakah mata pelajaran ini sekarang ini dalam pendidikan yang ada sekarang. Apakah itu sebenarnya menyebabkan punca puak-puak kita ini, kumpulan-kumpulan kita sudah mula kurang akhlak dan hilang adab kerana sudah tidak ditekankan dalam sistem pembelajaran kaedah moden ini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya rasa ini adalah merupakan permasalahan yang harus disemak kembali sebab dalam kita mengejar dunia tanpa sempadan, dunia global, dunia yang penuh dengan gelora *materialism* ini, kadang-kadang kita lupa tentang asas membina akhlak dan adab yang mulia. Memang saya tahu juga bahawa dalam kurikulum kita sekarang ini, agak lompong kawasan-kawasan itu. Sebab itulah sekarang ini Kementerian Pelajaran rasa saya, dalam laporannya saya lihat itu ada kurikulum yang baru diperkenalkan yang disebut sebagai J-QAF. 'J' membawa maksud Jawi, 'Q' adalah Quran, 'A' adalah asas Arab dan 'F' itu adalah Fardu-Ain.

Maka ini adalah merupakan satu komponen yang sedang diterap dalam kurikulum sekolah, terutamanya sekarang ini bermula daripada sekolah kebangsaan, sekolah rendah, hatta bermula daripada tadika lagi. Ini adalah merupakan satu program kesepaduan dalam ilmu dan kita tidak dapat mempertikaikan bahawa ilmu itu dua sumbernya. Satu ialah ilmu yang bersumberkan kepada pemikiran manusia dan satu lagi ialah bersumberkan kepada sumber-sumber rujukan yang hakiki iaitu ilmu Aqli dan Naqli yang harus bersepadu.

Maka, kita tidak perlu hanya melahirkan manusia-manusia yang hanya boleh berfikir tetapi lupa untuk berzikir. Fikir dan zikir itu harus disepadukan. Aqli dan duniawi, duniawi dan aspek akhirat itu juga harus disepadukan. Maka, ini adalah merupakan teras pendidikan yang harus kita pastikan dalam proses pembinaan modal insan ini diberi penekanan.

Selain daripada itu juga, dalam pembangunan modal insan ini, sekolah kita sejak daripada bangku sekolah rendah lagi harus memberi penekanan supaya tidak berlaku proses pengabaian kepada anak-anak kita. Sekarang kita dengar banyak berita di surat khabar bahawa terdapat kira-kira 10% di kalangan anak-anak di sekolah rendah kita ini adalah yang tercicir, yang digelar sebagai *remedial student*, yang digelar sebagai murid-murid pemulihan yang tidak dapat membaca, menulis dan mengira dengan sebaik mungkin.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tertarik dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Parlimen bagi Ketereh sebentar tadi berkenaan dengan akhlak yang pada masa dahulunya menjadi salah satu mata pelajaran tetapi akhirnya ditukar dengan mata pelajaran Moral kalau tidak silap saya. Namun mata pelajaran Moral boleh dikatakan dibekalkan kepada seluruh, tidak semestinya kepada orang Islam. Malah boleh dikatakan sebahagian besarnya kepada bukan Islamlah.

Saya masih ingat satu mata pelajaran akhlak ini ada di antara perkara-perkara yang saya masih ingat juga seperti mana Yang Berhormat bagi Ketereh juga iaitu ada satu pepatah Arab yang disebut dalam mata pelajaran akhlak itu [*Membaca sepotong ayat Al-*

Quran] Yang bermaksud: “*Tidak cantik seseorang itu dengan pakaian tetapi kecantikan itu ialah ilmu dan adab*”. Perkara-perkara seperti itu dimasukkan dalam mata pelajaran khususnya kepada mereka yang berada di sekolah menengah, kalau hendak dibandingkan dengan mata pelajaran muzik itu, lebih baik mata pelajaran akhlak digantikannya. Terima kasih.

Dato’ Razali bin Ismail: Terima kasih, saya kira saya tak payah ular panjang kerana perkara yang sama juga, saya kira kita senada dalam membangunkan modal insan untuk menjadikan manusia yang sihat dari segi akalanya, dari segi fitrahnya, dari segi adabnya, dari segi fizikalnya yang kita lihat secara bersepadu dan seimbang itu.

Saya ingin tarik perhatian tentang masalah-masalah murid yang tertinggal ini lebih-lebih lagi kalau kita menyusul di kawasan-kawasan hulu di pendalaman. Saya kira kelemahan anak-anak kita, apa yang boleh disebutkan pemulihan ini terlalu besar. Kalau 10% daripada jumlah anak-anak kita, berapa ratus ribu orang di peringkat sekolah rendah, katakan dua ratus ribu orang, daripada dua juta orang. Ini memberikan satu gambaran agak besar kalau 10% daripada dua juta orang pelajar-pelajar kita. Ini akan menimbulkan masalah-masalah sosial dalam jangka masa yang panjang. Mereka tidak faham pelajaran, mereka ponteng sekolah, mereka merokok, mereka boleh melakukan gejala-gejala sosial yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Lipis, sila Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Bila bercakap tentang keciciran dari segi 3M, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi terutamanya di luar bandar yang mungkin tidak tahu membaca dan menulis. Di mana silapnya? Adakah silap kurikulum, adakah silap guru yang mengajar, adakah silap dasar yang dibuat atau yang lain-lain, kerana kalau kita lihat kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar ini sekolah-sekolah yang kurang murid. Ini bermakna guru boleh memberi tumpuan yang lebih kepada murid-murid, itu satu daripadanya.

Kedua, kalau kita lihat dalam Akta Pendidikan, kita ada konsep pemulihan dan pengayaan dan rasa saya *instrument* yang paling tepat untuk menilai kebolehan seseorang pelajar itu adalah pada penilaian tahap satu dulu, iaitu tahun tiga di mana kita panggil sebagai *natural* dengan izin *natural intelligence* boleh kita lihat di kalangan kanak-kanak tetapi nampaknya PTS (Penilaian Tahap Satu) ini telah ditiadakan dan kesannya untuk kita melaporkan kepada badan-badan antarabangsa seperti UNESCO dan sebagainya telah silap satu daripada *element* dan kita tidak dapat melihat kebolehan kanak-kanak ini sehinggalah kepada peperiksaan UPSR. Bagaimana kita hendak memastikan kanak-kanak ini dapat kita pulihkan pada peringkat awal lagi, Kuala Terengganu.

Dato’ Razali bin Ismail: Terima kasih rakan saya dari Kuala Lipis. Ada beberapa kata kunci yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu, yang pertama ialah apa puncanya permasalahan ini. Yang keduanya ialah dari segi masalah penilaian untuk kita menyukat, mengukur pencapaian mereka itu.

Saya hendak menyentuh tentang penilaian ini, kadang-kadang kekeliruan terdapat di antara penilaian dengan peperiksaan. Sekarang ini kita terlalu terpesona dengan peperiksaan menyebabkan anak-anak kita daripada tahun satu lagi telah di hantar ke *tuition* iaitu *very exam conscious diploma daisies* yang menjadi satu wabak dalam sistem pendidikan kita, seolah-olah segala-galanya akan menjadi bagus kalau sekiranya anak-anak kita mendapat kelulusan akademik yang baik yang masih belum pasti menjanjikan anak ini benar-benar *successful* dan benar-benar berjaya dalam kehidupannya.

Yang disebutkan penilaian ini ada dua. Yang pertama sebagai *formative* yakni dalam usaha mereka itu untuk memperbaiki, memulihkan, membetulkan dengan segera bukan pula yang bersifat *summative* yakni *at the end of it*, yang *the end of it* inilah yang menjadi kekeliruan dalam masyarakat yang melihat itu sebagai begitu penting sekali, *summative evolution*, sedangkan yang paling penting ialah proses dalam proses itu di mana guru dapat membaiki, membentuk. Dalam konteks ini, saya kira guru-guru kita harus diberi latihan.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran kita supaya memberi penumpuan yang serius kepada aspek penilaian ini. Kalau tidak diberi penumpuan yang serius di sini ini apa yang terdapat sebagai *syndrome cumulative deficit* iaitu bertokok tambahannya defisit anak-anak dari segi ilmu pengetahuannya. Dia tidak menguasai asas 3M, kemudian bila dia terus ke sekolah menengah dia terus lagi membuak, bertambah dan seterusnya bila dia keluar dia tidak dapat membaca, menulis dengan baik yang akhirnya menjadi masalah-masalah dalam masyarakat kita. Maka oleh hal yang demikian, kita harus semak dan pastikan *cumulative deficit* ini atau pun bertimbun tambahannya masalah defisit PMP pengajian pelajaran anak-anak perlu disekat.

Di sini juga saya ingin mencadangkan supaya guru-guru pemulihan dalam peruntukan pembangunan modal insan ini, terutama di sekolah diberi peruntukan. Ada nisbah tertentu yang mencukupi terutamanya anak-anak kita yang di luar bandar agak *sensibility*, anak-anak kita di luar bandar dalam mendapat pemulihan yang sewajarnya dapat di beri.

Kata kunci yang keduanya yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi itu, apakah puncanya. Kalau ditanya kepada saya puncanya, saya ada satu *formula* sebagai seorang pendidik. Punca kepada masalah *performance* ini sebenarnya ada formula. *Performance* pencapaian anak-anak kita di sekolah ini adalah *is the function of ability, times, motivation, times opportunity* yakni *performance* anak-anak kita di sekolah itu adalah merupakan fungsi kepada faktor *ability*, kebolehan, keupayaan anak-anak itu.

Keupayaan itu ada dua. Satu yang bersifat keupayaan semula jadi. Katakan seorang keluarga itu mempunyai kesihatan yang terjaga dengan makanan yang baik mungkin dia punya benih bakanya itu adalah yang baik. Yang satu lagi adalah *ability* yang dibina sendiri melalui proses rangsangan, melalui proses asuhan, melalui proses pendidikan, ini adalah satu lagi faktor yang boleh membawa kepada kegagalan atau kejayaan anak-anak. Yang kedua ialah faktor motivasi yang datang daripada diri atau luar negeri. Faktor yang ketiga ialah faktor *opportunity* yang ini peluang-peluangnya sama ada *opportunity* itu adalah peluang yang baik yang ada kualitinya atau pun yang ada kuantitinya saja, tapi kualitinya tidak ada.

Contohnya, sekolah-sekolah kita yang mempunyai sekolah berasrama penuh katakan, ada guru-guru yang baik, ini memberi peluang yang baik, suasana belajar yang baik, kemudian ada pula *free lunch* dikatakan begitu, atau pun makanan-makanan yang berkesehatan yang berkhasiat. Saya juga ingin mencadangkan di sini supaya faktor *opportunity* ini yakni *free lunch* dapat diberikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhlas: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya tidak berasa bimbang dengan anak-anak kita yang ada di asrama penuh, sebab semuanya terletak dalam satu pakej malah guru-guru di sekolah asrama penuh ini pun guru-guru yang terpilih. Ini yang anehnya, guru yang baik dalam sekolah biasa, maka dia diambil untuk dimasukkan ke asrama penuh atau pun *residential school*.

Keadaan ini sebenarnya merugikan murid-murid yang ada di sekolah biasa tetapi yang ingin saya hendak nyatakan ada satu andaian bahawa guru sekarang dibandingkan dengan guru dulu, dikatakan bahawa guru dulu lebih rajin, lebih kreatif, boleh lebih menjadi *hero* lah kepada anak-anak murid dia. Manakala guru-guru sekarang ini nampak tak boleh jadi *hero*, tak boleh jadi idola kepada anak-anak murid dia. Oleh kerana itu, saya memberi pandangan bahawa dalam maktab mungkin perlu diadakan satu bentuk orientasi yang baru di mana guru-guru muda ini sekarang, harus dibina, diorientasikan dalam diri dia satu kelebihan yang tersendiri yang harus dinampakkan kepada murid-muridnya.

Umpamanya dari segi kerajinannya, *smart* pakaiannya atau pun seumpamanya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih. Guru sama ada dahulu dan sekarang saya kira kita tidak ada satu ukuran yang pasti sebab dahulu keadaan persekitaran, suasana dan cabarannya berbeza daripada situasi dan gelora hari ini. Kontekstualnya dan

keadaan sekitarnya jauh berbeza. Jadi kita tidak boleh mengatakan guru sana... sebab ada angkubah-angkubah tertentu yang mempengaruhi sikap tetapi bagaimana pun saya bersetuju tentang beberapa perkara iaitu dalam segi kita membina sikap guru-guru kita ini sebab ada elemen-elemen tertentu daripada latihan guru-guru di SITC dahulu yang sekarang ini mungkin tidak terdapat dalam latihan sekarang ini. Sebab itulah dalam bajet ini juga diberi satu peruntukan kepada pembinaan institusi pendidikan guru dan disebut sebagai IPG dalam laporan bajet 2006 ini. Saya kira kerajaan sedar tentang daya juang, semangat, sikap dan adab guru yang saya kira agak berkurangan menyebabkan dicadangkan Institusi Pendidikan Guru ataupun IPG ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Berkenaan dengan guru ini satu daripada penyebabnya saya rasa adalah penempatan guru. Kadang-kadang kita salah letak guru-guru ini. Sebagai contohnya ada seorang guru yang telah dilantik sebagai guru cemerlang, beliau ini sebenarnya mempunyai kaedah mengajar dan kecemerlangan beliau adalah dalam mengajar mata pelajaran Sains Tambahan dan Sains Am tetapi apabila beliau dilantik menjadi guru cemerlang beliau telah ditempatkan di Sekolah Menengah Sains yang tidak ada mata pelajaran Sains Tambahan dan Sains Am ini. Ini menyebabkan beliau tidak dapat berfungsi dan sebagainya. Ini telah menimbulkan keresahan dan menyebabkan motivasi beliau menurun sedangkan pihak kementerian telah melantik sebagai guru cemerlang. Ini sebagai satu contoh. Mungkin banyak lagi yang berlaku di tempat-tempat lain di mana salah letak guru ini berlaku dan menyebabkan guru tidak dapat berfungsi dengan baik dalam PMP. Bagaimana?

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih. Ini soal masalah penempatan. Saya rasa ini adalah isu yang besar yang sedang ditanggung oleh Kementerian Pelajaran khususnya dari segi penempatan guru-guru muda ke kawasan-kawasan pedalaman yang kadang-kadang tidak ada daya tahan mereka untuk berkhidmat. Saya pernah berada di kawasan Pensiangan. Saya melalui sungai Hulu Pensiangan Salinatan sampai di kawasan pedalaman itu dan melihat guru-guru di situ tetapi tidak semua, ada guru-guru yang benar-benar gigih.

Ada seorang guru dari Kelantan, saya tengok di situ pengalaman peribadi saya. Dia dapat bertutur dalam bahasa Murut dan guru ini dapat menjadi semacam Ketua Kampung dikagumi. Setiap kali guru ini bercuti balik ke Kelantan orang kampung semacam kehilangannya dan menunggu di tebing sungai menantikan kehadiran balik guru ini ke sekolah ini. Guru ini memang satu yang agak luar biasa tetapi kita lebih ramai lagi guru-guru yang ada daya juang, ada daya tahan untuk menempuh cabaran-cabaran ini.

Dan satu perkara di sini ialah dari segi apa yang disebut ...

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat bagi Puchong dan Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Dato' Razali bin Ismail: Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik bila Yang Berhormat menyentuh tentang Pensiangan. Untuk pengetahuan dan makluman Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Kuala Terengganu ini adalah pengasas Model Pensiangan Salinatan. Baru hari Isnin yang lalu saya telah merasmikan satu Majlis Q di Maktab Perguruan Keningau di mana rata-rata kita lihat banyak guru-guru dari Semenanjung seperti Johor, Kelantan, Terengganu dan beberapa buah negeri lagi. Ini sekali gus telah memberitahu bahawa guru-guru yang datang daripada Kelantan dan Terengganu yang kita anggapkan mereka yang terpencil sanggup untuk bertugas di pedalaman.

Persoalan saya Yang Berhormat, tadi saudara telah membincangkan mengenai *introvert* and *extrovert* iaitu kekuatan dalaman dan juga kekuatan daripada luaran

digabungkan lagi dengan *ability* dan akhirnya dia menjadi *high performance*. Persoalan yang saya kemukakan sekarang ialah hasil daripada respons dan *feedback* daripada beberapa guru yang mengajar di beberapa sekolah tidak lagi menumpukan dari segi mendidik anak bangsa. Segelintir dari guru-guru yang kita lihat kelemahan-kelemahan yang menunjukkan kelemahan itu, maka anak-anak bangsa ini telah menurun dari segi prestasi mereka apabila mereka duduk dari segi peperiksaan dan penilaian sebagai mana Yang Berhormat telah sebutkan tadi.

Saya menganggap bahawa kebanyakan guru-guru yang terdapat di beberapa tempat iaitu dengan izin *moonlighting*, membuat samsu-samsu haram dan tidak lagi fokus kepada pendidikan anak bangsa. Oleh yang demikian kita lihat ramai murid-murid khususnya di bahagian pendalaman ini menurun dari segi prestasi peperiksaan mereka. Tidak pernah kita lihat dari Sabah khususnya dari pendalaman yang telah meningkat bahawa mereka itu adalah di antara *the top twenty in any examination* dengan izin, UPSR, PMR, SPM, atau STPM di mana tidak menunjukkan prestasi yang tinggi. Di mana sebenarnya kegagalan yang kita lihat ini sedangkan yang kita lihat bahawa guru-guru ini telah menjalankan latihan demi latihan dan sebagainya yang telah diperuntukkan kepada mereka untuk menjadi seorang individu yang lebih intelektual sebagai mana Yang Berhormat sebut tadi, intelektual emosi, keupayaan, kemahiran dan selepas itu pula dari segi aspek rohani dan juga dari segi aspek fizikalnya.

Dato' Razali bin Ismail: Rakan saya daripada Pensiangan. Saya melihat tiga angkubah penting yang membawa kepada sesuatu perubahan besar dalam masyarakat dalam konteks pendidikan ini iaitu guru, sekolah melibatkan murid-muridnya dan yang satu lagi ialah rangkaian kerjasama dengan ibu bapa. Jadi tiga perkara, tiga *triangular* iaitu guru sekolah - murid - ibu bapa. Kesepakatan dan kemufakatan itu perlu.

Apabila saya berada di sekolah di kawasan Yang Berhormat bagi Pensiangan saya lihat di situ kerjasama ini ada, malah kebersihan sekolah itu begitu luar biasa sekali jika hendak dibandingkan dengan sekolah di bandar sedangkan Sekolah Kebangsaan Pensiangan itu jauh lebih baik. Ia ada satu slogan besar yang ditampalkan di tangga daripada sungai menuju naik ke sekolah tersebut yang berbunyi "*Kampung kami tanggungjawab kami*" "*Bersihnya, sekolah ini sekolah kami, tanggungjawab kami*". Artinya ada muafakat dan guru-guru di situ sebagai pemimpin kecil sudah dapat menggembelkan murid-muridnya untuk bekerjasama untuk mencapai falsafah sekolah itu, falsafah pendidikan itu dan guru dapat pula bekerjasama dengan ibu bapa sebagai satu rangkaian ini. Saya rasa rangkaian inilah yang agak kehilangan sekarang ini. Mungkin Kementerian Pelajaran harus fikir semula bagaimana hendak memperkukuhkan rangkaian ini.

Satu perkara lagi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan tadi ialah tentang guru kita ini. Saya kira guru kita mengajar tetapi tidak mendidik. Saya juga rasa agak keberatan menerima perubahan daripada Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran. Pelajaran, konotasinya dari segi ajar sahaja. Selepas diajar dia tidak tahu lagi tugas aspek yang lain iaitu *to nurture the nature* untuk dia membangunkan segala potensi-potensi semula jadi yang ada pada diri si anak itu. Jadi dalam konteks ini ajar sahaja tidak mencukupi tetapi dia perlu mendidik dan tugas inilah saya rasa sudah agak sepi di kalangan sesetengah orang.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: Saya hendak beri yang mana dahulu? Rakan saya dari Sarawak.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Saya tertarik betul dengan hujah-hujah Yang Berhormat. Pada satu ketika dahulu saya pernah bertugas sebagai Pengetua di sekolah Yang Berhormat dari Baram iaitu SMK Marudi di mana bilangan murid 2,400 orang, murid asrama 1,200 orang dan di sana untuk guru dari Semenanjung, kalau ditempatkan di sana diterima sebagai satu hukuman tetapi bila datang di sana mereka bertugas juga, mengajar juga dengan sedaya upaya. Walau bagaimanapun, malangnya selepas mereka bertugas dua atau tiga tahun, mereka menjadi guru yang baik mereka minta balik. Jadi sekolah yang terpencil seperti ini (Baram) sentiasa

rugi. Pengetua memimpin dan melatih mereka menjadi guru yang baik dan prihatin tetapi selepas itu mereka balik. Orang yang mengganti mereka guru yang mentah sekali lagi.

Jadi macam manakah pendapat Yang Berhormat yang pakar dalam bidang ini? Kalau kita mengesyorkan kepada kerajaan, kita menggunakan sistem yang digunakan oleh British dahulu, kita ada *transfer system* di mana guru yang pakar juga diminta menjalankan *national service* mereka dihantar ke pedalaman supaya murid-murid itu juga dapat menikmati cara pengajaran dan pembelajaran yang bermutu tinggi, yang diberi oleh guru yang berpengalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, sila rumuskan ucapan.

Dato' Razali bin Ismail: Saya beri jawapan yang ringkas di sini. Saya kira Kementerian Pelajaran harus memikirkan bahawa penempatan itu bila telah dihantar ke sekolah itu ialah sudah tidak boleh dirunding lagi, *non-negotiable*, *you* pergilah *you serve*. Ini adalah merupakan *national call*, ini adalah merupakan panggilan negara untuk kamu berkhidmat tetapi yang menjadi masalah di sini ialah kemanjaan.

Kita pun sebagai wakil rakyat, saya pun kadang-kadang didatangi oleh guru-guru di sini untuk macam-macam - menggunakan "*cable*" dan serba macam lagi itu. Saya kira kita tidak harus melayani mereka tetapi dalam hal ini pun kita harus memikirkan tentang tanggungjawab dia dengan keluarga. Sebab itulah saya seronok sekiranya pelajar-pelajar ataupun guru-guru muda yang pergi ke Sabah dan Sarawak ini, kahwin dengan orang sana sahajalah supaya dia ada rasa kekeluargaan, sebab kadang-kadang mereka memikirkan untuk balik kampung dan perkara-perkara serupa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Nanti dahulu, saya hendak habiskan dalam 10 minit lagi. Saya hendak sentuh satu perkara yang cukup penting di sini ialah tentang ...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Sedikit sahaja tadi tentang....

Dato' Razali bin Ismail: Nanti, nanti. Saya sudah hendak habiskan dahulu. Selepas ini... iaitu tentang perkara yang penting ialah kedudukan dalam pembangunan modal insan ini kita tidak harus lupa tentang pembangunan sosial dan budaya sebab dia pergi sekali gus, tidak hanya kita menekankan pembangunan modal manusia tanpa kita memikirkan faktor-faktor penyokongnya yakni faktor modal budaya dan modal sosial.

Dalam konteks ini saya ingin bercakap tentang kedudukan bahasa Melayu. Bahasa Melayu dituturkan oleh kira-kira 300 juta orang umat dan ia merupakan bahasa yang popular nombor empat. Nombor satu ialah Mandarin; dua, bahasa Inggeris; tiga, Sepanyol dan keempat ialah bahasa Melayu.

Daripada kira-kira 6,000 bahasa yang dipertuturkan di seluruh dunia ini cuma terdapat kira-kira 300 bahasa sahaja yang dipertuturkan oleh sejuta orang penutur ataupun lebih daripada sejuta orang. Separuh daripada bahasa yang kurang penutur daripada sejuta itu akan mengalami satu proses kepupusan dalam tempoh 50 tahun ataupun 100 tahun akan datang dalam proses globalisasi yang begitu hebat.

Saya ingin tarik perhatian sekarang ini tentang kedudukan bahasa Melayu. Saya melihat bahasa Melayu dalam cabaran dunia global dengan izin, *global determinism* ini akan meletakkan bahasa Melayu terpinggir dan bahasa Inggeris akan menjadi lingua francanya. Kita juga sedang menyaksikan keadaan bahasa Melayu yang sekarang ini semacam sumbang dalam dunia korporat, dalam dunia globalisasi. Dia semacam terbang dengan hanya satu sayap dalam keadaan kelesuannya yang menuju kepada keadaan tersimpan dalam lipatan sejarah.

Saya juga terlihat ia semakin tersisih sebagai bahasa ilmu dan bahasa yang boleh mengungkapkan martabat keilmuan yang tinggi. Ini adalah merupakan satu perkara yang harus mengecewakan semua pihak kerana bahasa Melayu pernah dinobatkan

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Saya tidak beri izin mana-mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Saya ada masa lima minit lagi dari sekarang ini..sebab ini adalah merupakan perkara yang cukup penting.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Sabar sekejap. Iaitu apabila bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa ilmu di pusat pengajian tinggi, dan sekali gus juga ialah bahasa yang digunakan di kamar-kamar mahkamah tetapi malangnya sekarang ini apabila kedudukan bahasa ini sudah agak kurang mendapat keutamaan terutamanya apabila pelaksanaan pengajian Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, ini telah meletakkan keadaan kita ini keadaan yang agak tergugat.

Saya ingin menarik perhatian bahawa bahasa Melayu itu adalah berakar umbi di bumi ini, kitalah pepohon yang tumbuh rendang daripada akar ini. Jika akar ini dicantas dan tidak diletakkan pada martabat dan kedudukannya, maka terputuslah aliran air dan segala zat yang menghidupkan pepohon itu. Layulah pepohon itu dari bumi dan tanah tempat ia pernah kukuh berakar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Ada dua rangkap lagi ini. Saya ingin tarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan berhubung dengan kemelut semasa bahasa Melayu dan saya ingin tarik perhatian kepada menteri-menteri yang hadir supaya pastikan penggunaan bahasa Melayu yang baku, yang dapat difahami dan dapat memartabatkan kedudukan kita ini agar dipergunakan dengan seluasnya untuk 300 juta ummah di sini.

*Berdosakah saya kepada negara
Hiba tersedu melihat linangan air mata bangsa
Mengiringi bahasa Melayu
Bagaikan dikafan dalam keranda
Sedang menuju tanah pusara
Dikorbankan atas nama pembangunan
Atas nama kemajuan
Atas nama teknologi
Atas nama ekonomi
Dan atas nama global determinism*

Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Labuan.

5.27 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta dalam membahaskan Bajet 2006, yang mana seperti rakan-rakan saya yang lain, saya sependapat bahawa Bajet 2006 ini, walaupun kepada sesetengah pihak *excitement partnya* itu tidak banyak terutama kepada warga peniaga, tetapi kepada masyarakat berpendapatan menengah dan rendah, Bajet 2006 diterima dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, walau macam mana hebatnya bajet ini dirancang, disusun dan diolah, jika dari segi pelaksanaan, ia tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin, maka bajet yang baik akan berakhir menjadi bajet yang kurang baik.

Kita lihat pada tahun 2006, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengotakan janji-janji beliau, di mana dalam Bajet 2006 telah meletakkan empat teras utama, yang mana pernah beliau katakan semasa berucap dan juga di Dewan yang mulia ini, bahawa di antaranya ialah membangunkan modal insan dan memberikan janji tentang keselesaan dalam menaiktarafkan kehidupan rakyat dan kualiti hidup rakyat di negara ini.

Apa yang ingin saya sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah pertama, seperti yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, *delivery system*. Sama seperti rakan-rakan saya yang lain, di mana mereka juga menyentuh tentang sistem penyampaian perkhidmatan awam kerana *success* atau gagal Bajet 2006 ini sebahagian besarnya terletak di tangan pegawai-pegawai pelaksana terutamanya kakitangan awam.

Sebagai contoh, kita lihat di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengumumkan belanjawan supaya Ahli-ahli Parlimen mengemukakan senarai projek tidak lewat pada November tahun ini untuk dilaksanakan. Sekali dengar sangat menyeronokkan, tetapi yang sudah dan pernah dialami tempoh yang ditetapkan modus operandi pelaksanaan akhirnya menyimpang. Jadi apa yang dirancang atau dicadangkan oleh kepimpinan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Labuan, hendak habiskan hari ini atau hendak sambung ke hari esok?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Esok boleh, hari ini pun boleh. Keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung esoklah, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab hari ini hari pertama puasa saya tidak berhajat untuk memanjangkan sidang ini. Saya mengucapkan selamat berbuka puasa kepada kaum Muslimin dan Muslimat. Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

